

Jilid I  
Bii. 15



Hari Jumaat  
19hb Disember, 1986

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

**Y.B. Tuan Mohd. Noor bin Bedah [Ruangan 1801]**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

**Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1801]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1801]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1842]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) [Ruangan 1843]**

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 1890]**

**Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan)[Ruangan 1921]**

**Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) [Ruangan 1928]**

MALAYSIA  
**PARLIMEN KETUJUH—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN, P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., A.B.S. (Sarawak).
- „ LT. KOL (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN ABDULLAH (Johor).
- „ TUAN ABDUL MANAP BIN HASHIM (Kedah).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HAJI HASSAN ALBAN BIN SANDUKONG (Sabah).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM, P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI JAAFAR BIN HARON (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KOH IM PIN (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat TUAN C. KRISHNAN (Dilantik).
- .. TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- .. TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- .. DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- .. PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- .. TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH (Perlis).
- .. TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- .. TUAN MUSTAFA BIN AWANG (Terengganu).
- .. DATUK NASIR BIN HAJI MANAP, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- .. TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- .. DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- .. TUAN G. RAJOO *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- .. PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- .. PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. PUAN HAJJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM (Dilantik).
- .. TUAN M. SANGARALINGAM (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD, K.M.N., A.M.N., P.J.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K. (Dilantik).
- .. TUAN SIVALINGAM A/L ARUMUGAM KURUPIAH (Selangor).
- .. TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- .. TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N. J.P. (Johor).
- .. TUAN TIONG HIEW KING, P.B.S. (Dilantik).
- .. PUAN VALLI MUTHUSAMY (Dilantik).
- .. TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- .. TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA, D.P.M.S., K.M.N., S.M.S. P.J.K., P.P.N. (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, J.S.D., S.A.P.,  
K.M.N., P.B.S., P.J.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.K., P.J.K.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Jumaat, 19hb Disember, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah.

**PENGUMUMAN TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

**Mengalu-alukan Ahli Baru**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA**

**1. Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) semasa Timbalan Perdana Menteri China melawat ke

Malaysia dalam bulan Oktober, 1986, apakah isu-isu dan topik-topik yang dibincang di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Luar Negeri dan rombongan tersebut:

- (b) apakah hasil yang telah dicapai untuk menggalakkan perhubungan dagangan secara langsung antara Malaysia dan China; dan
- (c) adakah langkah-langkah lain yang akan diambil untuk mempereratkan lagi hubungan perdagangan antara kedua-dua negara tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

(a) Lawatan Timbalan Perdana Menteri China ke Malaysia baru-baru ini adalah dalam rangka lawatan beliau ke beberapa negara-negara ASEAN. Semasa lawatan tersebut isu-isu antarabangsa, serantau dan hubungan dua hala telah dibincangkan. Isu-isu dua hala tertumpu kepada perjanjian-perjanjian (Perdagangan, Perkapalan dan Pelaburan) yang masih belum dimeteraikan, isu perdagangan terus dan pelaburan.

(b) Mengenai isu perdagangan, usaha akan dipertingkatkan untuk menambah perdagangan dua hala kerana imbalan perdagangan sekarang masih

menguntungkan pihak RRC. Dengan ini Malaysia meminta pihak RRC supaya terus membeli barangan Malaysia seperti getah, kelapa sawit, kayu balak dan koko. Selain dari barangan ini, Malaysia juga meminta RRC membeli barangan buatan Malaysia, barangan siap dan separa siap iaitu plywood, perabot, peralatan hawa dingin dan sebagainya. Usaha ini akan berjaya, jika RRC dapat mengadakan hubungan perdagangan secara terus dengan negara kita dan bukan melalui negara-negara ketiga. Pihak RRC juga memberi jaminan bahawa kadar tarif yang agak tinggi yang dikenakan ke atas barangan Malaysia akan dapat diselaraskan ke kadar biasa sebaik sahaja perjanjian perdagangan di antara kedua negara ditandatangani. Malaysia juga meminta RRC melantik lebih banyak syarikat Malaysia untuk memasarkan barangan keluaran Malaysia di RRC. Mengenai isu pelaburan, Malaysia telah meminta RRC memberi peluang kepada usahawan-usahawan Malaysia di dalam projek-projek pelaburan dan pembinaan yang dilancarkan di bawah rancangan pemodenan negara tersebut. Di dalam konteks ini Malaysia telah menekankan bahawa RRC hendaklah memberi layanan yang sama kepada usahawan Malaysia tanpa mengira keturunan kaum.

- (c) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan memberi kelonggaran kepada usahawan-usahawan Malaysia yang melawat RRC di atas urusan perdagangan atau

ekonomi. Selain daripada ini beberapa Seminar yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan telah diadakan di Malaysia untuk menambahkan pengetahuan kepada usahawan tempatan terdapat aktiviti-ekonomii dan perdagangan di RRC yang boleh memberi faedah kepada Malaysia.

## PENCERAMAH AGAMA ISLAM DI RTM

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Penerangan menyatakan adakah benar RTM sukar bagi mendapatkan penceramah-penceramah agama Islam yang bermutu dan diminati oleh penonton dan pendengar, jika benar nyatakan:

- (a) cara mana RTM bertindak bagi mendapatkan penceramah-penceramah agama; dan
- (b) adakah pihak RTM membuat kajiselidik bagaimana rakyat menghayati ceramah agama yang disiarkan di TV dan waktu siarannya adakah sesuai.

**Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, penceramah agama di RTM dipilih berasaskan beberapa faktor termasuk:

- (i) Kewibawaannya sebagai seorang tokoh agama;
- (ii) Kepetahan dalam menyampaikan isi rancangan;
- (iii) Pengetahuan yang luas dalam bidang yang ada kaitan dengan topik yang dibincangkan; dan
- (iv) Gaya dan cara penyampaian yang menarik.

Oleh itu, kadangkala ada juga kesulitan untuk mendapatkan penceramah-penceramah yang sesuai dan menarik.

Mengenai (b), soalan itu adalah hampir sama dengan soalan yang telah dijawab pada 15hb Disember, 1986. Ringkasnya RTM memang sentiasa membuat penilaian baik melalui survey-survey tertentu ataupun melalui teguran-teguran di akhbar dan secara maklumbalas yang diberikan kepada pegawai-pegawai Jabatan Penerangan. Baru-baru ini RTM juga sudah memulai khidmat "hotline" untuk memudahkan mendapat maklumbalas. Rancangan-rancangan agama juga dikaji untuk disusun semula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ketiga.

### MAJALAH ASING—LARANGAN

**3. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghadkan pengeluaran majalah-majalah asing yang menulis gambaran salah mengenai Malaysia, terutamanya tulisan-tulisan yang mencampuri hal-hwal politik negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak ada kuasa menghadkan pengeluaran majalah-majalah asing kerana majalah-majalah tersebut dicetak atau dikeluarkan di negara-negara asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan mempunyai kuasa untuk menahan atau melarang kemasukan mana-mana majalah asing ke Malaysia jika didapati isi kandungannya bertentangan dengan peruntukan Akta Mesin dan Penerbitan 1984.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi

kemasukan semua majalah-majalah asing ke negara ini bagi memastikan kandungan penerbitan-penerbitan yang diimport itu tidak memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing atau berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan untuk melarang pengimportan, percetakan, penghasilan, penghasilan semula penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil penerbitan-penerbitan kerana isi kandungan mereka bertentangan dengan nilai yang tersebut di atas tadi.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan kemasukan majalah-majalah asing, kita sedar ada di antaranya telah ditahan. Di sini saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini berapa banyakkah majalah-majalah asing yang telah ditahan untuk masuk ke negara kita dan dibenarkan masuk semula.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada pada kita, oleh kerana Yang Berhormat tidak menanyakan tahun berapa. Bagi tahun 1986 penerbitan yang telah diharamkan dan tidak pun diluluskan kecuali satu iaitu AWSJ kerana keputusan mahkamah, yang berunsurkan lucah—29, politik—7, yang berunsurkan agama—6, yang berunsurkan keselamatan—3 dan jumlah—45.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 4.

#### FELDA—PAMPASAN MEMBUKA TANAH

**4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah benar bahawa Kementerian yang berkenaan tidak menjelaskan wang pampasan kerana membuka tanah bagi rancangan FELDA kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Jika tidak, berapa banyakkah pampasan yang telah dibayar oleh FELDA kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Jika ia berapa banyakkah wang pampasan yang belum dibayar kepada Kerajaan Negeri, dan kenapa tidak dijelaskan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, pembukaan tanah FELDA berasaskan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Di bawah Akta tersebut Kerajaan Negeri menyerahkan kawasan tanah untuk dimajukan oleh FELDA. Tanah-tanah yang diserahkan tidak dikenakan apa-apa pampasan bagi tujuan kawasan penempatan berkelompok.

Hanya bagi kawasan tanah yang akan diluluskan hakmilik untuk peneroka-peneroka, Kerajaan Negeri akan mengenakan bayaran-bayaran cukai tahunan dan premium sebagaimana lazim dilaksanakan bagi permohonan milik tanah yang lainnya.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kementerian Yang Berhormat telah membuka tanah bagi rancangan FELDA di tanah-tanah yang dimiliki oleh orang perseorangan. Jika ia, apakah jenis pampasan yang telah dibayar kepada mereka dan nyatakan

sama ada pampasan yang dibayar itu berlainan daripada pampasan yang dibayar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan sekejap tadi, FELDA biasanya memasuki tanah baru. FELDA tidak memasuki tanah yang diberi hakmilik. Itulah sebab saya nyatakan sekejap tadi, FELDA tidak seharusnya terlibat dengan pembayaran pampasan.

#### PERPADUAN NEGARA

**5. Tuan Chan Choong Tak** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada keharmonian kaum harus dipandang dengan serius sebagai satu langkah untuk perpaduan negara. Sebagai faktor motivasi menuju keharmonian kaum sama ada Kerajaan memberikan hadiah-hadiah kepada sekolah-sekolah, organisasi-organisasi dan jabatan-jabatan Kerajaan melalui aktiviti-aktiviti, kerja atau sikap-sikap yang menunjukkan keharmonian kaum yang baik di dalam lengkungan masing-masing.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak bahawa keharmonian kaum adalah satu aspek yang penting yang dipandang serius oleh Kerajaan dalam usaha untuk mencapai matlamat perpaduan negara. Dalam hal ini semua kumpulan, golongan, agensi dan institusi diseru meletakkan matlamat yang sama dan mewujudkan sikap yang positif untuk mencapai matlamat tersebut.

Faktor motivasi yang paling tinggi sekali ialah kehendak semua ahli-ahli masyarakat dari semua kaum di

negara ini untuk hidup secara harmoni dan bersatu padu dan berbaik-baik sangka.

Dengan cara ini keamanan dapat diwujudkan. Keyakinan dapat diberi kepada para pelabur dari dalam dan dari luar negara. Pelaburan membuka peluang pekerjaan dan mengembangkan ekonomi serta menyumbang terhadap pembangunan negara.

Kerajaan tidak bercadang hendak memberi hadiah cara yang disebutkan oleh Yang Berhormat untuk motivasi masyarakat ke arah perpaduan. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan, Jabatan Perpaduan Negara mempunyai beberapa program tertentu di mana Kerajaan memberi bantuan-bantuan kewangan.

Program Rukun Tetangga, Kuiz Perpaduan dan Khemah Kerja Kerja Perpaduan adalah di antara projek-projek mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan dan kerjasama daripada masyarakat.

Akhirnya, ingin saya tegaskan kesedaran ini adalah tanggungjawab tiap-tiap seorang warganegara Malaysia, dan usaha yang ditumpukan oleh Kerajaan ialah untuk memberi penerangan dan mewujudkan perasaan bahawa perpaduan itu adalah kepentingan rakyat bersama.

#### PENDIDIKAN IJAZAH LANJUTAN

**6. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pelajaran menjelaskan iaitu tindakan sudah sampai masanya untuk Kerajaan memikir dan merancang semula konsep pendidikan ijazah lanjutan supaya dijalankan di dalam negara kita, supaya ianya boleh dipergunakan sebagai bahan untuk pembangunan negara dalam jangka masa panjang, jika Kerajaan sedar hakikat ini, apakah rancangan

peringkat amalan yang telah dilakukan untuk mencapai tujuan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menyedari hal ini dan telah pun merancang untuk menambahkan program ijazah lanjutan di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan, di samping meningkatkan pengambilan pelajar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan Nombor 7.

#### BANJIR KILAT

**7. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau mengakui bahawa kejadian banjir kilat yang selalu melanda di sekitar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur itu berpunca dari sistem pamaritan dan pengaliran sungai yang tidak sempurna. Jika beliau mengakui apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah dibuat bagi mengatasi masalah tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sememangnya mendapat perhatian utama Kementerian ini. Pada keseluruhannya, program mengatasi masalah ini dilaksanakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, dengan izin, Kuala

Lumpur Flood Mitigation Project. Rancangan ini telah bermula dalam tahun 1974 dengan anggaran peruntukan sebanyak \$385 juta. Di antara projek-projek utama dalam Rancangan ini termasuklah membina Ampangan Batu dan meninggikan Ampangan Klang Gates serta meluruskan sungai-sungai Klang, Gombak dan Batu.

Sejak kerja-kerja bermula dalam tahun 1974 sehingga 31hb Disember, 1985, sebanyak \$115 juta telah dibelanjakan. Di samping itu, sebanyak \$5.6 juta lagi telah dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi kerja-kerja memperbaiki sistem perparitan di kawasan bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$54 juta telah diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di antara projek-projek yang akan dibina termasuk menyiapkan ampangan Batu dan meluruskan Sungai Klang.

Sejak Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dilaksanakan pada tahun 1974, beberapa kawasan yang sering mengalami banjir kilat seperti Kepong Baru, Batu 7½ Jalan Sungai Besi, Jalan Kuchai Lama dan Jalan Bangsar telah dapat diselamatkan dari banjir.

Selain daripada projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir, kerja-kerja jangka pendek seperti desilting dan pembinaan kunci air tetap dijalankan di bawah Program Mengurus.

#### **JALAN RAYA DI SARAWAK— MENAIKKAN TARAF**

**8. Tuan Wong Kie Yik** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa

panjangnya jalan-jalan raya bagi Negeri Sarawak yang akan dibaiki sebagai taraf moden dalam masa tempoh Rancangan Malaysia Kelima; di samping itu juga nyatakan berapakah ongkos perbelanjaan membina satu kilometer.

#### **Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Mustaffa bin Mohammad):**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi keutamaan bagi membina dan menaikkan taraf jalan-jalan raya di Sarawak.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$360 juta telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah program membina dan menaikkan taraf jalan raya dan jambatan, yang mana sebahagian besar daripada peruntukan yang disediakan itu akan digunakan bagi menaikkan taraf jalan raya Pan-Borneo dari Miri ke sempadan Brunei dan Sabah yang panjangnya 115 kilometer dan jalan raya utama dari Semantan ke Miri yang panjangnya 1,119 kilometer dan jalan-jalan raya utama negeri Sarawak yang lain.

Peruntukan yang disediakan itu tidak mencukupi untuk membina keseluruhan jalan-jalan raya tersebut. Oleh itu, jalan-jalan yang akan diberi tumpuan adalah bahagian-bahagian jalan yang berhampiran dengan bandar-bandar besar seperti Miri, Bintulu, Kuching dan Sibul. Dari peruntukan ini, sepanjang 293 kilometer jalan-jalan raya tersebut dan jalan-jalan raya utama yang lain akan dinaikkan tarafnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang diperlukan untuk menaikkan taraf jalan-jalan raya di negeri Sarawak ialah lebih kurang \$1 juta bagi setiap kilometer.

## WAYANG GAMBAR LUCAH— TINDAKAN

**9. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa beberapa pawagam di negara ini menayangkan wayang gambar yang bercorak lucah setiap hari dan tidak sesuai ditonton oleh orang ramai;
- (b) sama ada filem-filem ini ditapis oleh Badan Penapisan Filem Malaysia dan diluluskan sesuai untuk penonton; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengambil tindakan terhadap panggung-panggung ini dan mengapakah tindakan tidak diambil selama ini walaupun filem-filem ini ditayangkan secara berleluasa semenjak beberapa tahun dahulu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar adanya beberapa pawagam di negara ini yang menayangkan wayang gambar lucah setiap hari dan dalam tahun 1985 dan 1986 sebanyak 10 buah pawagam telah didakwa di mahkamah di atas kesalahan tersebut dan dikenakan denda yang sewajarnya.

Dalam pada itu, saya memohon kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai supaya memberikan maklumat lengkap kepada Kementerian Dalam Negeri untuk diambil tindakan tegas terhadap lebih banyak pawagam-pawagam yang menayangkan filem-filem lucah.

Lembaga Penapis Filem tidak akan meluluskan untuk tayangan umum mana-mana filem yang mengandungi unsur lucah atau tidak bermoral.

Mengikut peruntukan Akta Wayang Gambar (Tapisan) (Pindaan) 1981, mana-mana orang yang menayang filem yang tidak ditapis oleh Lembaga

Penapis Filem, termasuk filem lucah, adalah melakukan kesalahan dan jika sabit kesalahan itu oleh Mahkamah, orang berkenaan itu boleh dikenakan denda tidak melebihi \$10,000.

## LPG—PENGUNAAN BAHANAPI KENDERAAN

**10. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini sejauh manakah kekesanan dan kemajuan penggunaan LPG kepada kenderaan bermotor. Bolehkah Kerajaan menetapkan satu garis panduan harga kepada pembekal untuk pengguna yang ingin menggunakan LPG kepada kenderaan masing-masing. Dan adakah Kerajaan bercadang mengenakan satu tarif cukai jalan yang berlainan kenderaan yang menggunakan LPG itu.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan LPG sebagai bahanapi kenderaan telah diperkenalkan di negara ini mulai 1hb Januari, 1983. Ianya merupakan satu alternatif kepada bahanapi kenderaan yang sedia ada iaitu petrol dan disel. Seperti bahanapi kenderaan yang lain iaitu petrol dan disel adalah terpulung kepada pemilik kenderaan itu sendiri sama ada hendak menggunakan LPG.

Sebagai satu insentif, Kerajaan telah menetapkan harga LPG pada 62.9 sen seliter, berbanding dengan 93 sen seliter untuk petrol premium. Walaupun demikian, sambutan daripada pemilik-pemilik kenderaan untuk menggunakan LPG adalah lembab.

Bilangan kenderaan motor yang diubahsuaikan dengan sistem bahanapi LPG sehingga bulan November 1986 ialah 861 buah. Bilangan bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sehingga bulan November, 1986 ialah 8 buah.

Kelembapan sambutan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor terutamanya:

- (i) kos alat pengubahsuaian LPG adalah agak tinggi iaitu kira-kira \$1,500 seunit; dan
- (ii) tempoh untuk mendapat balik kos alat pengubahsuaian LPG agak panjang khasnya bagi pemilik kenderaan yang terkandung dalam kategori mileage rendah (tidak lebih daripada 20,000 km setahun), yang dijangka mengambil masa selama 4-5 tahun untuk mendapat balik kos alat LPG. Walau bagaimanapun, pemilik kenderaan yang terkandung dalam kategori, high mileage (kira-kira 60,000 km setahun) dijangka mengambil masa yang lebih singkat iaitu 1-2 tahun sahaja.

Mengenai garis panduan harga yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ianya adalah tidak perlu kerana harga LPG sememangnya diumumkan oleh Kerajaan bersama harga barang-barang petroleum yang lain. Kerajaan buat masa ini, tiada apa-apa cadangan untuk mengenakan cukai jalan yang berlainan bagi kenderaan yang menggunakan LPG.

#### LAWATAN PRESIDEN ISRAEL KE SINGAPURA—KESAN

**11. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kemungkinan terdapat percanggahan pendapat atau menjejaskan hubungan baik antara negara-negara ASEAN dengan adanya lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura baru-baru ini.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun

dijawab di Dewan yang mulia ini pada 4hb Disember, 1986, semasa saya menjawab soalan No. 2 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor. Oleh itu tidaklah perlu bagi saya untuk membuat apa-apa ulasan atau jawapan tambahan.

#### DADAH—PELAJAR YANG DITANGKAP

**12. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pelajaran menyatakan seperti berikut:

- (1) jumlah bilangan para pelajar yang telah dikesan atau ditangkap kerana mereka didapati terlibat dengan kes penyalahgunaan dadah di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ini bermula dari tarikh kempen anti dadah hingga sekarang;
- (2) berapa ramaikah bilangan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi yang telah dibuang dari pengajian mereka kerana terlibat dengan kes kesalahan ketagih dadah pada tiap-tiap tahun bermulanya kempen anti dadah jika ada; dan
- (3) apakah peraturan atau langkah ke arah disiplin yang lebih berkesan dan tegas yang akan diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran supaya pelajar-pelajar kita di pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah rendah dapat dikawal penggunaan penagihan dadah ini dari lebih serius lagi di tempat-tempat berkenaan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ke atas soalan:

- (a) sejak kempen anti dadah dijalankan, hanya 49 orang

pelajar sahaja yang dikesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

- (b) Dalam usaha mencegah dan membasmi penyalahgunaan dadah, Kementerian Pelajaran telah pun mengeluarkan arahan kepada semua institusi pengajian tinggi supaya memesatkan lagi kawalan disiplin pelajar dan kakitangan universiti dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat. Di samping itu beberapa aktiviti yang berfaedah telah diadakan dan unit pencegah anti dadah telah ditubuhkan di institusi pengajian tinggi.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sama ada beliau sedar pelajar-pelajar yang terlibat dalam sejenis ketagihan seperti glue sniffing, petrol sniffing dan varnish sniffing di antara pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini. Apakah tindakan yang akan diambil supaya wabak ini tidak merebak jika terdapat kes-kes tertentu itu?

**Tuan Woon Chee Sin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa kes-kes seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada timbul juga. Kerajaan sudah memberi perhatian yang berat dan buku-buku panduan seperti "Tatacara tindakan ke atas kes-kes menyalahgunakan dadah di kalangan pelajar-pelajar di sekolah" pun sudah diedarkan kepada semua sekolah di seluruh negara kita ini. Di dalam buku panduan ini kita memberikan nasihat bagaimana guru-guru besar, guru-guru, pegawai Polis dan pegawai-pegawai pemulihan dapat membantu mereka.

Langkah-langkah yang Kementerian Pelajaran boleh buat

atau sekolah-sekolah boleh buat ialah memberi perubatan dan memeriksa beg-beg murid-murid dan berhubung dengan Pegawai Polis dan Pegawai Pemulihan, berhubung dengan ibu bapa dan memberikan guru-guru bimbingan dan kaunseling kepada murid-murid yang terlibat dengan salah guna dadah dan semua ini ada di dalam satu buku yang sudah diedarkan ke sekolah-sekolah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Dato Haji Zakaria.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa pada masa ini pengedar-pengedar dadah menggunakan murid-murid sekolah sebagai pengedar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu dan mengakui ada terdapat daripada pelajar Tingkatan 3 yang telah dikesan sebagai pengedar dadah di sekolah-sekolah.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian belum sedar perkara ini, tetapi kita sekarang masih mengkaji perkara ini dan kita pun ada mencatat di dalam buku panduan ini bagaimana kita boleh dapat kesan siapa yang akan mengedarkan dadah ke sekolah-sekolah.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Pelajaran akan terus bertindak tegas kepada penuntut-penuntut yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan cara memecat atau membuangnya daripada sekolah-sekolah tanpa mengira bulu atau dengan kata lain kedudukan, keturunan ibu bapa penuntut itu.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan memberi perhatian ke atas kes ini dan saya bersetuju dengan cadangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## KEMPEN KURANG MAKAN NASI

**13. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang meneruskan kempen kurang makan nasi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan bagi kepentingan rakyat negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan tentang cadangan Kementerian saya untuk menggesa rakyat mengurangkan makan beras. Seperti yang termaklum, negara kita kini mengeluarkan antara 65% 70% dari keperluan kita. Apa yang Kementerian kami ingin rakyat lakukan ialah mengurangkan makan beras yang diimport dan bukan mengurangkan makan beras keluaran tempatan. Negara membelanjakan kira-kira \$250 juta pada tahun 1985 bagi mengimport beras. Bagi menambah kecukupan bekalan tempatan dari 65% ke 85% antara tahun 1986 hingga tahun 2000 akan menelan belanja kira-kira 9 ribu juta. Oleh yang demikian, untuk mengurangkan import dan bagi mengelak dari mengeluarkan wang yang lebih untuk menambah keluaran beras tempatan, jawapannya yang tepat ialah dengan menggesa rakyat kita untuk mengurangkan memakan beras import.

Seperti yang telah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini terdahulu, harga beras keluaran tempatan ialah \$1.37 sekilo berbanding dengan 64 sen sekilo bagi beras import. Kos ini meliputi subsidi baja serta subsidi sokongan harga yang mana berjumlah lebih kurang \$250 juta dalam tempoh Januari hingga Oktober, tahun ini. Oleh yang demikian, sekiranya kita menambah pengeluaran beras tempatan, kita perlu

mempertingkatkan jumlah subsidi, yang mana tidak dapat ditanggung oleh negara kita ini.

Kementerian kami berharap dapat mencontohi Korea Selatan yang mana tidak berapa lama dahulu juga merupakan negara pengimport beras. Setelah Kerajaan menggesa rakyat mengurangkan makan nasi dari dua kali sehari kepada sekali sehari, Korea Selatan semenjak itu bukan sahaja berkecukupan sendiri dalam bekalan beras malah menjadi pengeksport beras pula. Bagi menjayakan kempen ini, oleh itu, disiplin perlu wujud di kalangan rakyat, tetapi oleh kerana beras import biasanya diambil oleh rakyat atasan dan pertengahan dari masyarakat kita, kami yakin kami akan berjaya dalam mengurangkan import beras.

Sesungguhnya, untuk makluman Ahli-ahli anggaran angka bagi import beras dari Januari hingga Ogos tahun ini ialah cuma \$70.7 juta yang mana merupakan hanya satu pertiga dari angka import bagi jangka masa 1986 yang berjumlah \$212.7 juta.

Berhubung dengan kerjasama, Kementerian kami sudah pasti akan meminta kerjasama dari Kementerian Kesihatan bagi menentukan bahawa kesihatan rakyat tidak akan terjejas sekiranya mereka kurang makan nasi tetapi sebaliknya, kami akan menggalakkan mereka makan lebih ayam, sayuran dan buah-buahan yang mana akan dapat mengimbangkan diet mengurangkan makan beras. Kementerian kami juga akan meminta kerjasama Kementerian-kementerian dan pertubuhan-pertubuhan lain yang dianggap perlu bagi menentukan kejayaan kempen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa mutu beras

kita ini kurang daripada mutu beras yang datang dari negara lain terutama negara Siam. Kalau sedar, adakah rancangan pihak Kementerian Pertanian untuk menyamakan mutu beras kita dengan beras daripada negara yang lain.

Ketiga, adakah Kementerian sedar sebab-sebab rakyat kita tidak makan, tidak banyak menggunakan beras kita sendiri ini dengan sebab mutunya rendah daripada beras yang datang daripada negara sebelah jiran kita.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kita nafikan mutu beras tempatan kurang daripada mutu beras yang diimport dan oleh yang demikian, kita tidak ada apa-apa langkah yang boleh meningkatkan mutu beras tempatan, tetapi Kementerian saya sentiasa mengkaji bagaimana kita boleh meningkatkan mutu-mutu beras tempatan.

Untuk soalan ketiga, oleh sebab kita tidak mengakui mutu beras tempatan kurang dari mutu beras yang diimport, kita tidak tahu apa sebab penduduk-penduduk tempatan tidak mahu makan beras keluaran tempatan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ada cadangan Kementerian ini untuk memperluaskan pertanian kita khususnya padi dibuat secara besar-besaran dan membawa teknologi-teknologi yang lebih moden, bagaimana yang dilakukan oleh Jepun, umpamanya. Kita banyak tanah-tanah paya, saya rasa di Johor, umpamanya masih ada beribu-ribu ekar lagi tanah-tanah paya, mengapakah Kementerian tidak menjalankan kajian?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar ada banyak tanah-tanah yang terbiar. Kementerian saya pun

sentiasa mengkaji bagaimana kita boleh menggunakan tanah-tanah itu untuk mengeluarkan hasil-hasil petani-petani dan meningkatkan pendapatan petani.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semenjak kempen kurang makan nasi ini atau dilancarkan oleh Kementerian Pertanian, bagaimana sambutan rakyat tentang tidak memakan beras daripada luar negeri?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kempen ini, Tuan Yang di-Pertua, baru dilancarkan dan kita belum dapat apa-apa keputusan.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa beras yang diimport lebih murah harganya daripada beras yang dikeluarkan oleh negara kita dan dalam jawapan sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beras yang import ini kebanyakannya dimakan oleh golongan atasan dan pertengahan. Ertinya dengan kata lain, masyarakat bawahan di negara ini makan beras tempatan yang harganya lebih tinggi. Saya rasa jika beras import ini tak ada, kempen tak payah diperluaskan, tak payah suruh orang yang makan nasi tiga kali sehari, makan dua kali, beras tak cukup bukan sahaja dia akan makan dua kali, bahkan sekali sehari pun sudah padat.

Yang keduanya pula, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekiranya beras import ini tidak dibawa masuk lagi, orang atas dan orang pertengahan pun tak ada pilihan lain, mesti makan beras yang dikeluarkan oleh petani kita.

Soalannya, apakah Kementerian bersedia untuk menghalang

mengeluarkan lesen bagi mengimport beras daripada luar negeri ke dalam negeri dengan tujuan:

- (i) supaya kempen yang dilakukan oleh Kementerian terlaksana dengan baik;
- (ii) supaya orang-orang atasan dan pertengahan negara ini mengecapi rasa beras yang dikeluarkan oleh petani kita; dan
- (iii) dengan izin, tohmahan perasaan sikap diskriminasi yang tidak tepat akan diperkatakan oleh orang ramai kepada Kerajaan.

**Dato Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kos yang saya sebutkan ialah kos, tetapi harga yang dijual bukan ini. Walaupun kita import beras ini dengan kos 64 sen dan kos beras keluaran tempatan ialah \$1.37 sen, tetapi harga beras dari LPN itu adalah sama dan tidaklah betul untuk mengatakan orang atasan beli beras dengan bayaran lebih murah daripada orang di bawahan. Itu bukan betul.

Kalau kita mengharamkan pengimportan beras ini, kita akan menghadapi kesusahan subsidi kepada beras-beras yang dikeluarkan dalam negara. Oleh kerana harga beras yang diimport adalah begitu rendah, LPN boleh menambahkan harga itu untuk memberikan subsidi dan boleh mengurangkan harga beras yang dikeluarkan di negara ini.

Untuk soalan ketiga, kalau kita menjalankan kempen untuk mengharamkan pengimportan beras, memanglah semua rakyat Malaysia mesti makan beras tempatan, tetapi sehingga sekarang Kementerian saya masih ada satu peranan untuk mengimport beras dari negara luar.

## KEBERSIHAN DI SEKITAR HOTEL JALAN CHOW KIT

**14. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kawasan Jalan Chow Kit, Jalan Haji Hussein dan kawasan di sekitarnya yang juga terdapat sebuah hotel yang sentiasa dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negeri, terlalu kotor dengan sampah sarap, kedudukan penjaja yang tidak tersusun terutama pada waktu malam. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya memang sedar dan sentiasa memberi perhatian utama terhadap kebersihan penjaja-penjaja di Kuala Lumpur, termasuklah kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada dasarnya telah pun bersetuju meluluskan projek pengubahsuaian gerai-gerai yang terdapat di Jalan Haji Hussein dan Jalan Raja Bot. Pada masa ini, projek itu masih lagi dalam proses tindakan Dewan Bandaraya dan akan mula dilaksanakan sebaik sahaja keadaan mengizinkan. Saya berharap melalui projek ini, gerai-gerai yang terdapat di kawasan itu akan dapat diseragamkan supaya kelihatan lebih teratur dan menarik lagi. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas akan dijalankan ke atas pekedai-pekedai dan penjaja-penjaja yang membuat kekotoran, menghalang lalu-lintas dan berjaja tanpa lesen di kawasan

tersebut dan juga lain-lain kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

### PENDATANG HARAM VIETNAM—KEMASUKAN

**15. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan kemasukan bulanan Pendatang Haram Vietnam pada tahun 1985 dan 1986 jika ada, dan berapakah bilangan yang telah dihantar ke penempatan baru yang diuruskan oleh UNHCR. Adakah pihak Kerajaan telah mendapat kerjasama yang memuaskan dari negara-negara yang maju bagi penempatan-penempatan haram ini, jika tidak apakah langkah-langkah jangka panjang Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendaratan dan pemindahan pendatang haram Vietnam bagi tiap-tiap bulan bagi tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun 1985</i>	<i>Pen- daratan</i>	<i>Pemin- dahan</i>
Januari .. .. .	375	675
Februari .. .. .	406	687
Mac .. .. .	456	788
April .. .. .	834	767
Mei .. .. .	1,563	575
Jun .. .. .	684	622
Julai .. .. .	714	958
Ogos .. .. .	225	570
September .. .. .	423	758
Oktober .. .. .	595	624
November .. .. .	764	599
Disember .. .. .	343	370

  

<i>Tahun 1986</i>	<i>Pen- daratan</i>	<i>Pemin- dahan</i>
Januari .. .. .	396	616
Februari .. .. .	490	489
Mac .. .. .	301	657
April .. .. .	1,268	857

	<i>Tahun 1986</i>	<i>Pen- daratan</i>	<i>Pemin- dahan</i>
Mei .. .. .	964	637	
Jun .. .. .	767	697	
Julai .. .. .	300	683	
Ogos .. .. .	211	351	
September .. .. .	408	820	
Oktober .. .. .	1,422	377	
November .. .. .	672	479	

Setakat ini, Kerajaan berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh negara-negara maju dalam pengambilan pendatang-pendatang haram Vietnam dari Malaysia melalui bantuan UNHCR. Dalam pada itu, Kerajaan akan menggesa pihak UNHCR supaya mengambil lebih ramai pendatang haram Vietnam dari Malaysia untuk ditempatkan di negara-negara ketiga.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Agak ramai juga pendatang haram dari Vietnam yang masuk ke negara kita ini, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi. Di sini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, mungkin dalam kajian Kerajaan apakah perkara-perkara utama yang dapat dikesan menyebabkan pendatang-pendatang haram Vietnam datang ke negara kita.

Kedua, adakah mereka ini datang ke mari dengan kerelaan mereka sendiri atau ada badan-badan perantaraan yang menguruskannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, daripada kajiselidik yang telah kita lakukan bahawa hampir kesemua pendatang-pendatang haram yang datang dari Vietnam ke negara kita ini adalah kerana soal politik, kerana tidak kesesuaian mereka hidup di negara asal dan mereka telah lari dengan tidak ada paksaan untuk mencari negara yang ketiga yang lebih aman dan damai.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai perangkaan tentang bilangan pendatang haram Vietnam ini yang terdampar di pantai Sabah dan Sarawak dan di manakah mereka ditempatkan sekarang?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada pendatang-pendatang Vietnam yang kita tempatkan di Sabah. Kalaupun mereka hanyut ke Sabah, mereka dibawa ke pusat-pusat yang ada kita sediakan di Semenanjung yang mana setakat hari ini di Sungai Besi ada 2,568 orang, di Penjara Pudu ada 2 orang, di Pulau Bidong ada 6,599 orang dan di Penjara Pengkalan Chepa seorang, menjadi jumlahnya 9,170 orang.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana satu betul, pendatang haram atau pelarian Vietnam; sebab dua hari yang sudah kalau tidak silap saya pendatang haram lain, Dato' kata; yang ini lain.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut istilah daripada asal ialah pendatang haram Vietnam, tetapi apabila kita menghadapi masalah pendatang haram daripada negara-negara lain, kita terpaksa mencari satu perkataan yang bersesuaian untuk memisahkan antara pendatang haram yang hendak mencari makan dengan pendatang haram kerana politik. Dengan sebab itu, pendatang haram Vietnam dan juga pendatang haram daripada Filipina ke Sabah kita anggap sebagai pelarian yang hendak mencari negara yang ketiga.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dalam perangkaan yang

disebutkan tadi pada bulan November sahaja yang datang 672 orang dan yang pindah kecil sedikit daripada itu. Sampai bilakah agaknya perkara ini akan berakhir dan sampai bilakah agaknya negara kita terpaksa menanggung beban seperti kata pepatah: Pergi ke pulau batu digalas dan seperti mendokong biawak hidup; sedangkan kita ada masalah lain di negara ini. Adakah pihak Kementerian Dalam Negeri telah membuat usaha-usaha supaya pelarian Vietnam ini dapat dicegah sama sekali dari menjadikan negara kita ini sebagai transitrya. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, inilah masalahnya kalau negara kita membangun, terlalu elok membangunnya dibandingkan dengan negara-negara lain. Oleh kerana negara ini terlalu maju pembangunannya, maka kita terpaksa memikul beban kepada negara-negara yang tidak membangun. Dengan sebab itu, adalah sukar untuk kita hendak menahan pendatang-pendatang haram ini kerana kita tahu di mana ada gula, di situ semut akan datang. Bagaimanapun, usaha-usaha telah dijalankan oleh Kerajaan daripada 271,000 rakyat Vietnam datang ke sini, kita telah dapat memujuk negara-negara ketiga untuk mengambil pendatang-pendatang ini sejumlah hampir 200,000 lebih. Ini adalah satu kejayaan yang besar, tetapi oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang meleset, maka sukarlah bagi negara-negara yang ketiga untuk mengambil pendatang-pendatang haram yang masih lagi tinggal di kawasan kita.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah banyak wang negara

digunakan kerana menempatkan pendatang-pendatang haram Vietnam ini di negara kita.

Yang kedua, adakah Pulau Bidong yang ditempatkan pendatang-pendatang haram ini milik perseorangan ataupun tanah Kerajaan. Saya difahamkan ada pampasan diberi kepada pihak yang berkenaan kerana diketahui pokok kelapa mereka mati kerana terlampau panas dengan tapak kaki pelari-pelari yang terlampau ramai sangat di pulau tersebut. Apakah ini benar?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak membelanjakan perbelanjaan untuk menampung pendatang-pendatang haram itu. Segala perbelanjaan telah ditampung oleh Bangsa-bangsa Bersatu iaitu perbelanjaan yang telah pun kita ketahui tahun 1984 ialah \$12.26 juta, tahun 1985, \$10.377 juta dan tahun 1986 ialah \$9.313 juta.

Masalah Pulau Bidong itu memang selain daripada tanah Kerajaan, ada juga tanah-tanah itu yang hakmilik perseorangan, tetapi Kerajaan telah pun membayar pampasan bukan sahaja tanah, tetapi juga pokok-pokok kelapa yang dipijak yang telah mati itu. (*Ketawa*)

#### MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**16. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada pihak Kolej MARA akan terbuka untuk lebih ramai pelajar-pelajar bukan bumiputera. Apakah peratus pelajar-pelajar bukan bumiputera dalam Kolej MARA sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, dasar MARA dalam soal kemasukan pelajar-pelajar

Maktab Rendah Sains MARA ialah memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar bumiputera, khususnya pelajar-pelajar daripada luar bandar dan dasar ini pada masa ini akan terus dijalankan.

Untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera, Maktab-maktab Sains di bawah Kementerian Pelajaran adalah terbuka untuk mereka. Pada masa ini iaitu pada permulaan sesi pengajian 1986 (tahun hadapan) kedudukan peratus pelajar-pelajar bumiputera yang ada di MRSM ialah 99.9%.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hasanah binti Mohd. Kassim.

**Puan Hasanah binti Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang ke-17. Tetapi sebelum daripada Menteri yang berkenaan menjawab, saya ubah bahasa yang mengatakan perantaraan pendatang haram kepada "pelarian". Jadi, ayat yang kedua "pendatang-pendatang haram" itu diubahkan kepada "pelarian". Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pelarian. Sila Yang Berhormat.

#### PENDATANG HARAM DI PULAU BIDONG

**17. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah dapat dikesan adanya pelarian haram yang menyebarkan agama Kristian dan lain-lain di negara ini dan adakah Kementerian ini sedar wujudnya sebuah gereja kecil di Pulau Bidong yang didirikan oleh pendatang-pendatang haram. Kalau sedar apakah tindakan ke atasnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat berita mengenai aduan pendatang-pendatang haram atau pelarian haram yang

menyebarkan agama Kristian dan lain-lain agama di negara ini. Kerajaan sedar bahawa pendaatang-pendaatang haram atau pelarian Vietnam yang sebilangan besar beragama Kristian telah mengadakan sebuah bangunan kecil untuk membolehkan mereka melaksanakan upacara-upacara keagamaan di kawasan kem pendaatang haram di Pulau Bidong. Kerajaan tidak menegah perkara ini kerana itu tidak melibatkan rakyat kita, iaitu rakyat Malaysia.

**Tuan C. Krishnan:** Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, paderi-paderi Kristian yang datang ke negara ini dari luar, khususnya dari India; adakah mereka dapat kebenaran daripada Kementerian untuk memberi ceramah dan ceramah-ceramah ini adakah Kementerian Dalam Negeri merakamkan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana apa yang kita sedang bincangkan ialah pendaatang-pendaatang haram dan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator itu ialah pendaatang-pendaatang halal. Dengan sebab itu, saya ingat, saya tidaklah boleh menjawab soalan tersebut. (*Ketawa*)

### ISU SENSITIF

**18. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil olehnya bagi memastikan isu-isu sensitif yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia tidak diungkit-ungkitkan oleh mana-mana pihak supaya perpaduan yang kukuh dapat dipelihara selama-lamanya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa

Kerajaan sentiasa memberi ingatan kepada semua golongan masyarakat di negara ini, baik ahli-ahli politik, kakitangan perkhidmatan awam dan swasta mahupun rakyat umum, supaya berhati-hati di dalam tindak-tanduk serta pengucapan mereka untuk tidak mengungkit perkara-perkara sensitif yang menyentuh sensitiviti mana-mana kaum di negara ini. Lebih-lebih lagi jika perkara-perkara yang diucapkan itu dengan mudah akan menjadikan isu yang boleh membangkitkan kecurigaan atau kemarahan sesuatu kaum. Malah baru-baru ini Kerajaan, melalui satu kenyataan Kabinet telah, antara lain, menyampaikan ingatan tersebut dan menekankan perlunya muafakat dan kerjasama yang lebih erat di antara kaum.

Selain daripada ingatan yang sentiasa diberi oleh Kerajaan terhadap perkara ini, suka juga saya memaklumkan bahawa Pegawai-pegawai Kerajaan, misalnya, adalah tertakluk kepada Perintah Am yang mana di dalamnya terdapat peraturan tertentu dalam aspek isu-isu sensitif. Bagi masyarakat keseluruhannya kita mempunyai Akta Hasutan yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka yang mengungkit-ungkit perkara-perkara sensitif, termasuklah apa yang telah pun termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudah banyak kali kita mendengar Kerajaan memberi amaran dan ingatan kepada setengah-setengah rakyat kita yang tidak bertanggungjawab, tetapi perbuatan demikian diteruskan juga. Apakah Kerajaan takut untuk mengambil tindakan kepada mereka yang berkenaan sedangkan isu-isu yang telah dikeluarkan terang-terang boleh merosakkan perpaduan negara kita dan membahaya?

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Speaker, Kerajaan lebih suka untuk memberi nasihat kepada rakyat supaya dengan cara ini rakyat umum akan mematuhi kepada usaha-usaha ini. Kita termaklum bahawa ada pihak-pihak yang telah pun benar-benar mencabul hasrat ini tetapi dalam tindakan kita, Kerajaan berasa kita lebih mendapat faedah daripada usaha-usaha yang tidak keterlaluan. Walau bagaimanapun bagi mereka yang telah pun mengambil tindakan-tindakan yang melampaui had, tindakan telah pun diambil oleh Kerajaan.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah perkara sensitif ini dihalalkan semasa pilihanraya, semasa pilihanraya cakap apa pun tidak apa, perkara sensitif pun tidak jadi salah, kerana Parti Pembangkang bercakap perkara sensitif, tidak ada apa-apa tindakan pun.

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara ini kalau salah itu salahlah, tidak kira masa pilihanraya ataupun bukan masa pilihanraya. Tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Kerajaan di dalam mengambil tindakan perlulah mengkaji kesannya dan kalau kita lihat sesuatu perkara itu dibuat dan kalau kesannya lebih buruk jika tindakan diambil terutamanya semasa pilihanraya, maka tentulah Kerajaan boleh dikatakan pejam mata sebelah dahulu kerana kalau kita mengambil tindakan, kita akan termasuk dalam perangkap kerana itulah tujuan pihak-pihak Pembangkang khususnya yang mahu Kerajaan mengambil tindakan masa itu kerana ini akan membangkitkan sokongan setengah-setengah pihak terhadap mereka ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk

Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).*

### KEWARGANEGARAAN BAGI KAD PENGENALAN MERAH

**19. Dato' Dr K. S. Nijhar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan masa yang perlu bagi seseorang yang mempunyai Kad Pengenalan Merah untuk mendapat kewarganegaraan selepas permohonan dan sama ada kadar masa ini dapat dikurangkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Setiap permohonan taraf kewarganegaraan memerlukan masa untuk ditimbang oleh Kerajaan. Masa yang digunakan itu adalah berbeza dari satu kes dengan kes yang lain kerana ia bergantung kepada "merit" (dengan izin) kes berkenaan.

Walaupun bagaimanapun masa yang digunakan itu tidak melebihi masa yang diperlukan. Kerajaan sedang berusaha untuk mempercepatkan masa memproses permohonan taraf kewarganegaraan.

### PERPECAHAN UMAT ISLAM

**20. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini masih berlaku di beberapa buah negeri. Malahan perpecahan ini masih kuat selepas pilihanraya umum yang baru ini. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Kerajaan memang menyedari bahawa perpecahan masih

berlaku di kalangan umat Islam khususnya di beberapa buah negeri di negara ini. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perpecahan itu berlaku adalah berpunca adanya segolongan umat Islam yang membawa fahaman fanatik politik berkelompok. Untuk mengatasi masalah tersebut berbagai program telah disusun seperti mengadakan beberapa rancangan program perpaduan di dalam Radio dan Televisyen. Ceramah-ceramah Agama dan Ucapan pemimpin-pemimpin negara selalu juga menekan akan pentingnya perpaduan umat diwujudkan.

#### **PERSIDANGAN PATA— PERBELANJAAN**

**21. Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi mengadakan Persidangan PATA secara keseluruhannya dan bagi segala kegiatan mempertingkatkan industri pelancongan dalam bulan April, 1986 yang lalu. Apakah kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi setakat ini bagi peningkatan industri pelancongan di negara ini sebagai hasil susulan dari Persidangan PATA ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Mengikut penyata akaun Persidangan PATA 1986 jumlah sebenar yang telah dibelanjakan untuk ketiga-tiga aktiviti utama PATA tersebut ialah \$7,467,953.79. Dari jumlah ini, sebanyak \$4.169 juta telah dibelanjakan untuk program penggalakan di luar negeri yang lebih bertujuan bagi memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen utama di rantau ini di samping untuk

menarik lebih ramai para delegasi bagi menghadiri Persidangan PATA 1986. Dengan ini jumlah yang dibelanjakan khusus bagi penganjuran ketiga-tiga aktiviti PATA tersebut ialah hanya \$3.299 juta. Bagi makluman Dewan ini, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan ialah sebanyak \$5,427,590 dan yang selebihnya adalah berupa sumbangan dari sektor swasta.

Suka juga saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Persidangan Tahunan PATA, PATA Travel Mart serta PATA Trade Show yang telah berlangsung dengan jayanya di Malaysia pada bulan April, 1986 telah pun mulai menunjukkan kesan-kesan positif terhadap industri pelancongan negara. Kesan baik ini adalah dijangka akan berterusan dan meningkatkan lagi di tahun-tahun akan datang. Sebelum berlangsungnya Persidangan Tahunan PATA dan PATA Travel Mart tersebut, masyarakat pelancongan antarabangsa telah diberikan publisiti yang meluas mengenai pemilihan Malaysia sebagai negara tuan rumah kepada Persidangan PATA dan PATA Travel Mart tahun 1986. Kesedaran dan publisiti ini adalah penting dan amat berharga kepada industri pelancongan negara.

Bersempena dengan Persidangan PATA 1986, Malaysia juga telah mendapat publisiti yang meluas terutamanya di pasaran-pasaran pelancongan antarabangsa hasil dari tulisan 179 orang pemberita dan penulis pengembaraan yang turut menjadi anggota delegasi Persidangan PATA. Banyak rencana yang menarik, berita-berita serta liputan televisyen telah dapat dihasilkan, yang mana sangat berguna dalam usaha memperkenalkan negara terutama dari segi pembangunan industri pelancongan.

*(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 1 pada 11-12-86).*

### SISTEM PERTAHANAN NEGARA

**23. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab yang boleh berlakunya peristiwa malang di Penjara Pudu (pada 18hb Oktober, 1986) yang membolehkan 6 orang banduan menahan 2 orang kakitangan Hospital Penjara Pudu menjadi tebusan. Adakah kerana kecuaiian atau kekurangan tenaga pengawal.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 4-12-86 yang lalu. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

### RUMAH KOS RENDAH— PELAKSANAAN

**24. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebanyak manakah Kementerian ini dapat melaksanakan projek perumahan kos rendah kepada rakyat yang berpendapatan rendah semenjak projek ini dilancarkan mengikut negeri-negeri.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Program Perumahan Awam Kos Rendah dilaksanakan semenjak tahun 1955 lagi oleh Lembaga Perumahan Malaysia yang diwujudkan melalui Akta Lembaga Perumahan 1950. Walau bagaimanapun, semenjak tahun 1961, Program ini dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui pinjaman yang diperolehi dari Kerajaan Persekutuan. Oleh itu semenjak program ini dilancarkan, bilangan unit rumah awam kos rendah yang telah disiapkan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Johor .. .. .	18,384
Kedah .. .. .	9,720

Kelantan .. .. .	3,363
Melaka .. .. .	5,461
Negeri Sembilan ..	9,867
Pahang .. .. .	7,283
Perak .. .. .	11,059
Perlis .. .. .	2,922
Pulau Pinang .. ..	11,882
Sabah .. .. .	2,464
Sarawak .. .. .	3,914
Selangor .. .. .	15,221
Terengganu .. ..	5,310
Wilayah Persekutuan	19,856
Jumlah ..	126,706

Di samping itu Kerajaan telah melancarkan satu Program Khas pembinaan rumah kos rendah mulai tahun 1986. Di bawah Program ini, sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun dijangka akan dibina dalam tempoh 3 tahun mulai tahun 1986. Setakat 15hb November, 1986 sebanyak 22,622 unit adalah dalam peringkat pembinaan rumah.

### SISTEM PERTAHANAN NEGARA

**25. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- sama ada pihak Kerajaan telah merangka satu sistem pertahanan yang menyeluruh yang mengambilkira pergolakan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara yang boleh menjejaskan keselamatan negara; dan
- pihak Kerajaan telah memikirkan sistem pertahanan yang memungkinkan negara ini terlibat ke dalam perang nukliar, yang mana berkemungkinan negara ini

menjadi sasaran peluru-peluru berpandu atau bom-bom nukliar musuh.

**Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan semasa beliau menjawab pertanyaan-pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat yang sama dan Yang Berhormat Haji Hussain Ahmad dalam masa beliau menggulung Perbahasan atas dasar-dasar Am Balanjawan di Dewan yang mulia ini pada 10hb Disember, 1986. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan beliau itu.

#### PERSATUAN BEKAS PERAJURIT— KONTRAK BEKALAN

**26. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak Kementerian memberi peluang kepada Persatuan Bekas Tentera atau Syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh bekas ahli-ahli tentera dalam bidang kontrak membekal pakaian dan makanan kepada pihak Kementerian pada masa sekarang ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kementerian Pertahanan sentiasa memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit untuk memperolehi kontrak membekal barang di Kementerian Pertahanan sama ada melalui Persatuan Bekas Perajurit atau secara perseorangan juga kepada Syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh bekas-bekas perajurit di dalam semua bidang yang mereka ceburi.

Walau bagaimanapun mereka hendaklah menyertai tender atau sebutharga yang dijemput oleh Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa dan tidak ada keistimewaan diberikan kepada mereka.

#### HOSPITAL BESAR—RAWATAN PESAKIT

**27. Dato' Dr K. S. Nijhar** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar bahawa pesakit-pesakit yang dapat rawatan di Hospital-hospital besar telah meningkat akibat daripada kemelesetan, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengahadapi masalah baru ini.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Bilangan pesakit-pesakit yang telah dapat rawatan di hospital-hospital besar pada tahun 1985 telah meningkat jika dibandingkan dengan tahun 1984.

Bilangan pesakit luar telah meningkat sebanyak 4.4% dan angka bagi pesakit-pesakit dalam telah pun meningkat sebanyak 6.7%.

Dengan daya pengeluaran yang lebih dari kakitangan-kakitangan hospital dan penyusunan semula mereka supaya dapat digunakan dengan lebih cekap, beban kerja yang lebih ini dapat dikendalikan. Langkah-langkah lain seperti perkhidmatan kaunter yang lebih berkesan dan kemudahan-kemudahan baru juga menolong mengatasi beban kerja yang lebih ini.

#### HOSPITAL DAERAH KLUANG— PAKAR PERUBATAN

**28. Tuan Tay Chee King** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian akan menghantar doktor-doktor Pakar ke Hospital Daerah Kluang dengan penduduk lebih kurang 200,000 orang dan memerlukan perkhidmatan Doktor Pakar di hospitalnya. Begitu juga tidak sesuai dan amat bahaya menghantar kes-kes serius ke Hospital Besar di Johor Bahru; dan

- (b) bagaimana pihak Kementerian Kesihatan menentukan keperluan doktor-doktor pakar bagi sesuatu hospital.

**Dato' Chan Siang Sun:**

- (a) Seorang pakar perubatan telah ditempatkan di Hospital Daerah Kluang baru-baru ini. Seorang pakar bedah dari Hospital Daerah Batu Pahat menjalankan klinik pakar di Hospital Daerah Kluang setiap dua minggu. Sekarang Kementerian Kesihatan masih menghadapi masalah kekurangan pakar-pakar. Kementerian ini akan menempatkan pakar-pakar lain di Hospital Daerah Kluang apabila keadaan mengizinkan. Apabila pesakit-pesakit dari Hospital Daerah Kluang yang memerlukan perkhidmatan kepakaran dirujuk ke Hospital Besar Johor Bahru, segala usaha diambil untuk menentukan pesakit dapat diberi rawatan yang sama semasa perjalanan. Jika perlu pesakit tersebut akan diiringi oleh kakitangan perubatan.
- (b) Memandangkan bahawa negara ini masih menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar, Kementerian Kesihatan telah membahagi dan menempatkan doktor-doktor mengikut keperluan negeri masing-masing. Doktor-doktor pakar ditempatkan di semua hospital daerah di mana terdapat latihan doktor siswazah dijalankan. Lain-lain perkara yang diambilkira iaitu bilangan penduduk dan beban kerja di sesuatu kawasan atau kawasan tersebut terencil atau jauh dari lain-lain hospital.

**PEMBELIAN HELIKOPTER**

**29. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membeli lebih banyak lagi helikopter jenis yang lebih baru bagi menggantikan helikopter yang ada sekarang ini, kerana helikopter kita yang ada sekarang dipercayai sudah berumur lebih dari 10 tahun.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk memberi pesawat helikopter jenis yang terbaru untuk menggantikan dengan pesawat yang ada sekarang.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang" (18hb Disember, 1986).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah.

4.06 ptg.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi, 1972 ini diwujudkan sejak 14 tahun yang lalu untuk menjaga keselamatan Kerajaan khususnya dokumen-dokumen yang mengandungi urusan Kerajaan di bawah peruntukan Akta ini. Ianya akan dapat mencegah dari terjatuhnya dokumen-dokumen yang menjadi rahsia Kerajaan kepada musuh-musuh negara ataupun puak-puak anti-Kerajaan yang mungkin memutarbelitkan sesuatu perkara dalam menyebarkan dakyah atau khabar-khabar angin yang bertujuan negatif.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam Akta tersebut perlu dikaji dan diperkemaskinikan dari masa ke semasa supaya selaras dengan keadaan semasa kerana setiap undang-undang akan mempunyai ruang-ruang atau kelonggaran yang boleh dianggap sebagai suatu kelemahan dalam undang-undang itu sendiri. Kepada orang-orang yang mahir, berpengetahuan mengenai undang-undang, mereka akan dan boleh mengambil kesempatan di celah-celah kelemahan tersebut untuk memperjuangkan kepentingan-kepentingan mereka dengan memberi hujah-hujah untuk mendapat sokongan. Selain dari undang-undang ini, peraturan-peraturan dalam Perintah Am Kerajaan juga memberi garis panduan kepada kakitangannya tentang kesan-kesan buruk jika berlaku pembocoran rahsia.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Kerajaan telah membuktikan bahawa Malaysia memang mengamalkan demokrasi tentang kebebasan bercakap dan sebagainya. Contohnya, setiap rakyat termasuk parti komponen Barisan Nasional bebas memberi buah fikiran dan memberi kritik yang membina mengenai Akta ini. Walau apa jua pun hujah-hujah dari pihak-pihak yang kurang senang dengan pindaan dalam Akta tersebut, rakyat mestilah menaruh kepercayaan penuh ke atas niat baik Kerajaan meminda Akta tersebut.

Kita tidak perlu khuatir sangat mengenai pindaan dalam Akta Rahsia Rasmi ini kerana undang-undang ini akan mempunyai peruntukan-peruntukan tentang takrif dokumen rahsia dan kuasa-kuasa budi bicara dalam tangan orang-orang atau pegawai-pegawai yang mendapat kebenaran dari pihak Kementerian yang berkenaan. Ini perlu kerana pegawai-pegawai inilah yang akan memberi keterangan di mahkamah kelak jika berlaku sesuatu kes jenayah, sebab-sebab mengapa sesuatu dokumen atau fail menjadi rahsia rasmi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta Rahsia ini boleh dijadikan sebagai bukti yang nyata bahawa rakyat Malaysia dari semua lapisan mendapat kebebasan bercakap dan mengeluarkan buah fikiran mereka terhadap sesuatu undang-undang. Di samping itu Kerajaan perlu juga mengambil perhatian terhadap pandangan-pandangan yang baik itu, supaya pindaan-pindaan undang-undang tersebut akan dapat diperkemaskan sejajar dengan hasrat Kerajaan dan rakyat yang benar-benar taatsetia kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai sistem pemerintahan yang teratur di mana semua undang-undang

termasuk pindaan-pindaannya telah dan akan dibahaskan secara mendalam oleh semua pihak. Kita jangan lupa bahawa rahsia-rahsia Kerajaan perlu dikawal ke satu peringkat perancangannya sehinggalah ianya boleh didedahkan kepada umum. Begitu juga jika rahsia Kerajaan ini tidak dikawal, maka maklumat yang benar boleh diputar-belitkan oleh puak-puak musuh negara dalam dakyah-dakyah mereka memburuk-burukkan Kerajaan. Jika ini berlaku negara dan rakyat akan menghadapi kesan-kesan negatif dalam berbagai-bagai pertubuhan termasuk orang-orang perseorangan, telah melaporkan berbagai-bagai anggapan negatif apabila Kerajaan berhasrat meminda Akta tersebut. Masing-masing memandang dari sudut kuasa-kuasa yang akan disalahgunakan. Hukuman penjara mandatori maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang disenaraikan sebagai rahsia Kerajaan dan sebagainya dan yang terpenting sekali ialah puak-puak ini merasa khuatir dan cemburu apabila kaitan-kaitan yang semata-mata untuk mengecam atau mengkritik Kerajaan akan tamat dan lumpuh sama sekali, kerana selepas pindaan undang-undang tersebut, mungkin rahsia-rahsia Kerajaan tidak akan bocor lagi untuk dijadikan bahan kritik mereka.

Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan Kerajaan yang memerintah hari ini dipilih oleh sebahagian besar rakyat. Kerajaan tidak akan lalai atau lupa akan tanggungjawabnya kepada rakyat dan negara dan di samping itu melindungi segala rahsia Kerajaan supaya jangan terjatuh ke tangan musuh-musuh dan petualang-petualang negara. Setiap negara yang berdaulat di dunia ini mempunyai hak menggubal dan meminda Akta-akta dari masa ke semasa supaya peruntukan undang-undang itu sejajar dan selaras dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang menentang Kerajaan dengan alasan-alasan untuk memutar-belitkan tujuan dan hasrat Kerajaan yang sebenar ini ialah mereka yang tidak sejiwa dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh sebilangan besar rakyat negara ini. Orang-orang ini tidak suka melihat Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir memperkemaskan undang-undang yang longgar dan mempunyai ruang-ruang yang lemah untuk diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa hairan kerana sedangkan syarikat atau firma swasta sendiri, mereka perlu menjaga keselamatan perjalanan urusan mereka tidak jatuh ke tangan musuh-musuh. Dalam bidang tersebut, masing-masing terpaksa berlumba-lumba mencari keuntungan dengan berbagai-bagai cara dan mengambil tindakan mahkamah terhadap mana-mana kakitangan firma yang pecah amanah atau membocorkan rahsia syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membincangkan mengenai pindaan Akta Rahsia Negara Malaysia yang telah merdeka hampir 30 tahun. Keadaan 10 tahun yang lalu tidak sama dengan sekarang dan tidak mungkin akan lebih mencabar lagi dalam tahun 2,000 yang akan datang dan mungkin perkara ini lebih mencabar lagi di masa akan datang. Kalau orang-orang yang menentang pindaan Akta tersebut hari ini berpeluang memerintah negara ini, sudah pasti pindaan undang-undang mereka akan lebih ketat mengikut selera mereka. Siapa makan cili, dia rasa pedas. Itulah pepatah Melayu, kerana tidak perlu takut kalau kita tidak bersalah. Hanya kita berharap setelah undang-undang ini dilaksanakan kelak, Kerajaan

mestilah memastikan tidak akan berlaku salahguna kuasa pula atau deraan terhadap rakyat yang tidak berdosa, kerana ada kalanya orang yang tidak bersalah telah dihukum, berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang tidak complete atau samar-samar dan sebagainya.

Melihat bagaimana tentangan hebat dari orang-orang yang sama terhadap pindaan Akta Dadah Berbahaya dahulu dengan hukuman mati mandatory, kini undang-undang ini telah menjadi contoh teladan kepada negara-negara luar pula sebagai satu senjata memerangi penjenayah-penjenayah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti, Kerajaan tidak berniat untuk mendera atau melakukan penganiayaan terhadap mana-mana rakyat yang disyaki terlibat dalam kes memiliki dokumen rahsia Kerajaan atau membocor rahsia Kerajaan, yang tertuduh diberi hak membela diri di bawah Seksyen 17A Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan). Sebagai contoh, pembocoran rahsia kertas peperiksaan sekolah-sekolah, misalnya sekolah menengah, kertas peperiksaan STP, SPM dan Pengajian Tinggi. Pembocoran kertas-kertas calon pilihanraya misalnya dan lain-lain lagi. Yang menghairankan kita ialah bagaimana orang yang tidak bertanggungjawab boleh mendapat rahsia-rahsia mengenai soalan-soalan di dalam peperiksaan yang akan datang. Peperiksaan belum berjalan, kertas sudah bocor. Bagaimana mereka dapat tahu nama bakal-bakal calon-calon, misalnya dalam pilihanraya, sedangkan perkara ini belum lagi, mereka sudah tahu, sudah pasang badan, sudah letak jawatan, misalnya. Firma-firma mana yang akan dipilih untuk satu projek Kerajaan, misalnya. Ramai juga rakyat jelata merasa muskil dan tidak puashati tentang pembocoran ini. Mungkin juga kepada mereka yang

ada sanak saudara dalam jabatan atau agensi Kerajaan dan sebagainya. Kita khuatir, bukan tuduhan. Lebih-lebih lagi yang mempunyai kuasa boleh memberi berbagai-bagai pertolongan kepada keluarga mereka yang menjalankan urusan.

Kerajaan ingin bersikap adil terhadap semua rakyat dan oleh itu peluang-peluang yang boleh membocorkan rahsia Kerajaan mestilah diperkemaskinikan. Dalam hal ini, semua kakitangan jabatan dan agensi Kerajaan mestilah diberi ingatan mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang terbukti melakukan perbuatan jenayah di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan ini.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak lagi kawan-kawan yang tidak sabar hendak membawa dan menyokong Rang Undang-undang ini. Dengan itu saya sekali lagi dengan tegasnya menyokong kepada pindaan Rang Undang-undang Rahsia Rasmi 1972 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lt. Kol. (B) Abdul Hamid.

*4.20 ptg.*

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di Dewan yang mulia ini memohon izin untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi 1972 ini telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen ini pada tahun yang sama bertujuan bukan sahaja untuk menyatukan undang-undang yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak

bahkan ianya juga untuk meminda hukuman-hukuman yang dikenakan kepada mereka yang melanggar undang-undang mengenai dengan rahsia rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya adalah wajar bagi Kerajaan kita menyemak semula Akta ini dari masa ke semasa sesuai dengan kehendak dan keadaan masa. Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya meminda beberapa perkara di dalam Akta yang penting ini.

Sebagai contoh, hukuman kepada kesalahan mengintip di bawah Seksyen 3 Akta ini telah dipinda pada tahun 1972 daripada denda sahaja \$10,000 atau penjara sehingga 14 tahun kepada denda sehingga \$20,000 atau penjara sehingga 14 tahun atau kedua-duanya. Hukuman di bawah seksyen ini telah sekali lagi dipinda pada tahun 1984 di mana denda yang dikenakan telah dihapuskan dan hukuman maksima penjara telah dinaikkan dari 14 tahun sehingga seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hukuman yang begitu berat, ianya telah menjadi satu "deterrent" dan syukur Alhamdulillah setakat ini negara kita belum lagi mengalami sebarang kes mengintip.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini bagi meminda beberapa peruntukan penalti atau hukuman yang terkandung di dalam Seksyen 4, 7A, 7B, 8, 9, 11, 12 dan 13.

Saya berpendapat bahawa hukuman yang diperuntukkan pada masa ini bagi seksyen-seksyen tersebut adalah amat ringan dan tidak sesuai dengan keadaan masa terutama sekali hukuman-hukuman yang dikenakan untuk kesalahan-kesalahan berhubung dengan rahsia-rahsia pertahanan dan keselamatan negara.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat kesal dan kecewa apabila seseorang yang didapati salah kerana menerima dan menyebarkan rahsia Kementerian Pertahanan baru-baru ini iaitu melanggar undang-undang Akta ini telah hanya didenda sebanyak \$10,000 dan penjara, kalau tidak salah saya, satu hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas anggota Angkatan Tentera sangat memandang berat kepada kes-kes mengenai mereka yang menyalahgunakan rahsia-rahsia rasmi terutamanya rahsia-rahsia mengenai pertahanan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bekas-bekas perajurit serta rakan-rakan mereka yang sedang berkhidmat rela menggadai nyawa untuk mempertahankan negara dari sebarang ancaman, tetapi mereka tidak rela terhadap penderhaka-penderhaka yang tidak bertanggungjawab yang menyalahgunakan rahsia-rahsia rasmi untuk kepentingan sendiri bermaharajalela di dalam mahu pun di luar negeri. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak rela sekiranya penderhaka-penderhaka itu yang didapati bersalah melanggar undang-undang ini dilepas begitu sahaja dengan hukuman yang ringan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah perjuangan kita menentang komunis di Malaysia terutamanya di dalam masa darurat beribu-ribu anggota tentera, polis dan anggota awam telah terkorban akibat kebocoran maklumat. Oleh sebab tragedi-tragedi yang sedih ini, maka pada ketika ini ada berpuluh-puluh ribu di kalangan keluarga bekas-bekas perajurit, bekas-bekas polis dan bekas-bekas pekerja awam yang telah kehilangan ibu bapa, saudara-mara dan tempat-tempat bergantung akibat daripada

penderhaka-penderhaka yang sanggup membantu musuh-musuh negara.

Adalah sukar, Tuan Yang di-Pertua, bagi mangsa-mangsa seperti ini melupakan peristiwa-peristiwa yang amat sedih itu dan saya yakin mereka ini tidak sekali-kali mahu peristiwa yang sedemikian berlaku lagi kepada mereka ataupun kepada keluarga mereka. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kita bersama untuk menentukan bahawa peristiwa-peristiwa yang sedih itu tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya hukuman yang sedia ada di dalam Seksyen-seksyen yang telah saya sebutkan tadi adalah tidak sesuai dengan keadaan masa sekarang. Pendek kata hukuman yang dikenakan di atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen ini tidak sama sekali menjadi halangan besar ataupun "deterrent", dengan izin, kepada mereka yang ingin melanggar undang-undang Akta ini. Ini telah terbukti di dalam dua kes di mana mereka yang bersalah telah dengan mudahnya melepaskan diri dengan membayar denda sebanyak \$10,000 seorang. Jikalau kita bandingkan dengan undang-undang negara lain, hukuman yang diperuntukkan di dalam undang-undang ini adalah dianggap sangat-sangat rendah. Umpamanya seperti kita sedia maklum macam hukuman yang dikenakan oleh setengah-setengah negara termasuklah hukuman mati sama ada digantung atau ditembak di khalayak ramai ataupun di penjara seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hukuman-hukuman yang dikenakan di negara-negara lain maka saya bersetuju sangat dengan pendapat saudara saya Yang Berhormat Senator Haji Hussein Ahmad bahawa pindaan yang

dibentangkan ini adalah tidak begitu mencukupi demi untuk keutuhan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak bermakna bagi sesuatu Kerajaan mengadakan angkatan pertahanan yang begitu kukuh untuk mempertahankan negara jikalau Kerajaan tersebut tidak mengambil langkah-langkah untuk melindungi angkatan pertahanan tersebut daripada musuh-musuh di dalam selimut.

Jikalau keadaan seperti ini terjadi maka tidak wajarlah bagi Kerajaan itu mengadakan sebarang bentuk angkatan pertahanan kerana ianya akan dimusnahkan oleh musuh sebelum pertempuran ataupun peperangan bermula. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak bermakna bagi sesuatu Kerajaan mengadakan undang-undang khususnya untuk melindungi angkatan pertahanannya jika undang-undang itu mempunyai kelemahan-kelemahan yang mungkin tidak boleh menjamin perlindungan penuh kepada angkatan pertahanan itu kerana ianya sudah tentu akan menjejaskan moral ataupun semangat mereka dan seterusnya keutuhan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab-sebab yang telah saya huraikan serba ringkas maka saya sangat mengalu-alukan pindaan yang dibentangkan di dalam Rang Undang-undang ini, terutama sekali pindaan mengenai hukuman-hukuman yang menghapuskan penalti denda dan menggantikannya dengan hukuman penjara mandatori. Saya yakin hukuman seperti ini akan menjadi satu deterrent kepada mereka yang ingin cuba melanggar Akta ini. Dan dengan ini mudah-mudahan terselamatlah kita daripada penderhaka-penderhaka yang ingin menghancurkan negara kita Malaysia yang kita semua cintai.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kritik-kritik yang sering kita dengar pada hari ini mengenai pindaan Akta ini, saya tidak nampak ada sesuatu teguran atau alasan yang munasabah daripada mereka. Isu yang diheboh-hebohkan itu pada pendapat saya adalah isu-isu kedai kopi belaka (*Tepuk*). Dari itu, janganlah hendaknya kita semua terperangkap dengan tipu helah mereka untuk kepentingan sendiri. Janganlah kita bawa isu-isu ini ke dalam Dewan yang mulia itu, biarlah isu-isu itu kekal di tempat yang sesuai baginya iaitu di dalam kedai kopi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Akta Rahsia 1972 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Nam diberikan dahulu, kemudian Tuan Haji Shaharom bin Maasom. Kita beri peluang wakil Orang Asli.

*4.34 ptg.*

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas dan menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972, (Pindaan) 1986 di Dewan yang mulia ini dengan rakan-rakan lain Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mana Rang Undang-undang berkenaan telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tuan Abdul Ghafar Baba, pada 18hb Disember, 1986 di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 dengan pindaan "(b)" dengan memasukkan selepas tafsiran "perkhidmatan awam" tafsiran baru "rahsia rasmi" yang berikut:

"rahsia rasmi" ertinya apa-apa surat yang dinyatakan dalam

Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa surat rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad", mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B;". Dan lain-lain lagi Jadual yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan yang di beberapa bahagian bahan di atas Akta ini, sudah tentu tujuan pihak Kerajaan untuk memperketatkan lagi Akta Rahsia Rasmi ini akan lebih berkesan, iaitu supaya pembocoran rahsia Kerajaan yang sudah sampai ke peringkat berluasa sekarang akan dapat dikawal dengan selamatnya. Dengan adanya Kerajaan mengenakan hukuman penjara mandatori mengikut Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (OSA), yang perlu diperketatkan dan dikemaskinikan ini di ruang yang ada tentu sekali akan berhasil di atas segala maksudnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak ada peruntukan yang lebih ketat begini rupa bagi melindungi segala rahsia rasmi Kerajaan, sudah tentu ketenteraman awam dan keamanan serta keselamatan negara kita akan tergugat oleh perkara-perkara yang tidak diingini kemungkinan akan berlaku. Apabila dengan senangnyanya dengan tidak dilindungi oleh Akta berkenaan, segala rahsia sulit Kerajaan yang penting-penting dapat dibocorkan kepada musuh-musuh kita oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti misalannya, rahsia strategi ketenteraan, pertahanan, keselamatan negara, rahsia strategi masalah perekonomian negara dan lain-lain lagi rahsia Kerajaan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bagaimana Akta ini boleh menindas sesiapa melainkan mereka yang sengaja mencari atau mencuba mendedahkan, membocorkan rahsia Kerajaan dengan tanpa kebenaran kepada pihak tertentu yang berkehendakkannya dengan tujuan untuk merosakkan dan menggagalkan segala program, tujuan Kerajaan yang baik bagi kegiatan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya lebih kerap lagi menjelaskan dan memberi penerangan segala pantang larang sepenuhnya atas rahsia rasmi ini umpama jampi supaya lebih mujarab lagi untuk pengetahuan umum, bukan sahaja kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan tetapi juga kepada masyarakat umum melalui mass media Kerajaan seperti TV dan Radio dan juga akhbar-akhbar tempatan supaya lebih diketahui apa rahsia Kerajaan yang tidak boleh dibocorkan atau yang boleh jadi sebagai rahsia rasmi Kerajaan dan boleh menjadi satu kesalahan kepada sesiapa yang memberi maklumat, membocori rahsia yang berkenaan supaya rakyat atau siapa yang melanggar Akta tersebut tidak akan teraniaya dengan terlaksananya Rang Undang-undang itu nanti. Sekiranya sudah diketahui tetapi dilanggarnya, ia sudah pasti akan menerima buruk padahnya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

4.40 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk turut serta sama-sama membahaskan

Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin mengajak Ahli-ahli Dewan ini dan seluruh rakyat dalam negara kita mengingat kepada Ayat 11, Surah Ar-Ra'd dalam Al-Quranul-karim, Allah s.w.t. berfirman: "Innallaaha layughaiyiruma biquwamin hatta yughaiyiru maa bianfusihim", itu adalah landasan bagi satu-satu bangsa dan satu-satu kaum yang menduduki dalam sebuah negara yang ingin kuat dan berdaulat, ingin mempunyai maruah sebagai bangsa yang merdeka.

Sewaktu membentangkan Akta ini, Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba selaku Timbalan Perdana Menteri menerangkan Akta Rahsia Rasmi telah ada dalam negara kita sejak zaman British. Waktu British menggunakan Akta Rahsia Rasminya, mengapa kita tidak "geger"? Mengapa kita tidak hentam British, mati-matian. Mengapa kita tidak berani kata British, biadap, mengapa kita tidak berani kata British, zalim? Kecuali sebahagian daripada warganegara, negara ini yang mempunyai kesedaran dan keinsafan sanggup menentang bermati-matian, sehingga akhirnya mereka dimasukkan ke dalam pusat-pusat tahanan politik di Tanjung Beruas, di Majidi.

Tuan Yang di-Pertua, korban terakhir ialah sebuah kampung di Selangor, Jenderam di mana apabila rakyat di Kampung Jenderam tahu teknik British maka rakyat di Kampung Jenderam yang mempunyai jiwa kebangsaan yang kuat menentang British tetapi British menggunakan Akta Rahsia Rasmi bahawa penduduk Jenderam adalah komunis. Maka penduduk Jenderam disapu menjadi "padang jarak padang tekukur", pukul 12.00 tengah malam. Ini sejarah

dan sekarang kita sudah merdeka, tahun 1972 Akta Rahsia Rasmi digubal dan pada tahun 1983 Tuan Yang di-Pertua, 22hb Disember, 1983, pukul 4.05 petang, Kerajaan membentangkan Akta Rahsia Rasmi dipinda. Saya berada dalam Dewan ini pada masa itu, tidak ada orang riuh, tidak ada orang "geger", hukum denda ada, hukum jail ada, hukum tangkap ada, kenapa orang tidak riuh?

Tahun 1972 hingga 1986—14 tahun kemudian. Sekarang, tahun 1983 hingga 1986—3 tahun kemudian, Kerajaan terpaksa meminda kerana Kerajaan memikirkan bahawa sebagai sebuah negara yang merdeka, yang berdaulat untuk kepentingan rakyatnya, untuk kepentingan negara ini, undang-undang yang seperti ini perlu dipinda untuk ketahanan, untuk keperluan bukan dipinda untuk sewenang-wenangnya.

Apa yang mendukacitakan ialah segelintir kecil daripada rakyat dalam negara kita ini yang menepuk dada, menganggap dirinya jaguh-jaguh sebagai jaguh-jaguhan sahaja, menganggap kalau Undang-undang ini lulus demokrasi mati. Mereka berkabung meletakkan "toha" putih di lengan masing-masing. Siapa yang mati? Pengaruh mereka yang mati. Ini adalah kelakuan-kelakuan tikus, feel tikus kerana tikus ini dijadikan oleh Allah taala di dalam hendak menerang sesuatu, tikus memperbaiki labu. Ini siap mereka.

Sikap Pembangkang, sikap orang-orang yang menepuk dada sebagai jaguhan. Kemudian tikus ini sendiri kalau mahu menggigit tapak kaki manusia, sudah tidak ada labu, dia tiup dan digigit, dia tiup, dia gigit, waktu kita tidur datang tikus, dia gigit tapak kaki kita, kalau kita terasa sakit, kaki kita bergerak, dia tiup supaya kita lena. Kemudian dia gigit balik. DAP sikapnya macam tikus. (*Tepuk*) Mengatakan Dewan Negara tong sampah. Digigit hati kami sakit.

Dianggap Dewan Negara sebagai “rubber stamp”, hati kami sakit. Kemudian kami sudah sakit, kami sudah mulai goyang, ajak cabar mereka masuk dalam Dewan ini, kalau hendak tengok Dewan ini rubber stamp atau tong sampah, atau tunggu nanti Haji Shaharom pergi Dewan Rakyat, challenge sama Pembangkang. Ya! kalau dalam ini tidak ada siapa hendak bangkang, kita sama-sama nanti, izinkan saya pergi sana, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pilihanraya tahun 1990 besok. (Ketawa)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mudah-mudahan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Insya Allah, kalau ada umur panjang. Tuan Yang di-Pertua, apabila kami sudah sakit dipermainkan. Dewan Negara tong sampah, Dewan Negara rubber stamp, Dewan Negara yes man, tukang angguk, kami sakit. Dia tiup kami, dia tiup. Dia tiup kami dengan satu surat yang dihantar melalui surat O.G.S., sampul surat itu Urusan Seri Paduka Baginda, bukan main dia tiup, dia tiup, dia kata, minta Ahli-ahli Dewan Negara sedar bahawa kami ini sudah dianggap oleh Perdana Menteri tidak ada gunalah. begitulah, beginilah, dia hendak lagakan kita dengan Perdana Menteri pemimpin kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dia tiup kita bahawa Dewan Negaralah Dewan yang membuat keputusan akhir. Kalau Dewan Negara berfikiran, kalau Dewan Negara berwibawa mesti tolak Undang-undang ini kerana Dewan Negara ini punya kuasa muktamad. Wah! dia tiup kita, Dia tiup Dewan Negara, dia “jack” orang Dewan Negara sampai 10 tan. Orang Dewan Negara tidak hairan. Ahli-ahli Senate tidak hari dan dengan ampu-ampunya dengan semacam itu. Kami lebih dahulu

makan asam-garam. Kami pernah melilitkan kain putih di kepala kerana menentang Malayan Union, Akta Rahsia Rasmi British. (Tepuk)

Tahun 1946 kita sudah berarak, tahun 1946 kita sudah berkabung. Tahun 1946 kita sudah maki British. Tetapi setelah kita sudah berjuang begitu lama, merdeka, mereka menghentam Kerajaan, menghentam Akta Rahsia Rasmi, berkabung kerana Akta Rahsia Rasmi. Ini tikus punya kelakuan (Tepuk). Tikus yang mahu cuba membaiki labu. Lepas ini dia akan tiup, dia akan gigit balik orang-orang Dewan Negara. Memang betul Dewan Negara tong sampah, memang betul Dewan Negara yes man. Yes mankah, tong sampahkan, “lu” apa peduli? Kami punya tugas kami tahu. Kami punya tugas di sini kami menimbangkan, menapis, bertukar-tukar fikiran, macam Doa yang kita baca: minta kepada Allah s.w.t. beri taufik dan hidayah. Dalam kita menimbang, menapis dan akhirnya kita menasihatkan kepada Kerajaan melalui keputusan Dewan Negara bahawa Akta ini memang perlu dipinda, perlu dipinda untuk kepentingan negara, untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan Dr Mahathir, bukan untuk kepentingan Tuan Ghafar, bukan. Untuk kepentingan negara, untuk kepentingan rakyat, Akta ini mesti dipinda dan mesti kita luluskan. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi gelagat manusia. Tadi tikus. Ini ada satu lagi gelagat manusia yang bersikap seperti anjing menyalak bukit. Ini cerita anjing sama kucing di zaman dunia ini karam di zaman Nabi Allah Nooh Alaihissalam. Tuan Yang di-Pertua tahukah, cerita ini? Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak tahu, saya cerita sedikit, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ceritalah. (Ketawa)

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Zaman dunia ini karam di dalam bahtera Nabi Allah Nooh Alaihissalam, ada sekawan kucing dan ada sekawan anjing. Kucing ini dia malam-malam, dia “keriau”, dia “keriau”, aku mahu, aku mahu, yang jantan kepada yang betina. (*Ketawa*) Jadi anjing sudah marah. Anjing kata apa ini kucing bikin bising dalam kapal, sampai orang semua tidak boleh tidur. Kita kucing, baiklah, kalau engkau tidak boleh tidur, kerana aku mahu, sekarang engkau bikin engkau punya cara. Anjing kata, aku punya cara, sekali “kong” sahaja cukup. Jadi anjing pun cuba bikin sekali “kong”, dia pun bikin, dia lekat sampai satu hari tidak lepas. (*Ketawa*)

Ha, ini. Ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham ini Allah taala jadikan makhluk yang tidak boleh bercakap, tetapi begitulah tamthil ibaratnya kepada kita manusia.

Jadi sekali “kong”, dia ingat, sekali “kong”, dia mahu hentam Akta Rahsia Rasmi, dia tidak boleh bikin. Tetapi kalau Akta ini sudah lulus, kalau dia cuba bikin, nanti dia lekat sampai mandatori (*Tepuk*). Ini yang dia takut, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak mahu lekat macam anjing sepanjang jalan dari pukul 4.00 pagi sampai tengahari tidak lepas, dia takut kepada mandatori ini, kerana kalau tidak ada mandatori, dia boleh appeal, dia boleh appeal, tetapi adanya mandatori, dia tidak boleh bikin apa-apa lagi. Jadi kita menyokong seksyen mandatori ini memang sudah sebaik-baiknya.

Di negara-negara lain kalau orang pecah amanah seperti ini dihukum pancung, bukan lagi penjara mandatori, hukum pancung, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu, Allah Taala peringatkan kepada kita, Firmannya iaitu amanah itu diberikan kepada ahli-ahlinya. Inilah dia

Menteri-menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, Pegawai-pegawai Kanan yang bertanggungjawab, bukan kepada semua orang boleh memisahkan, ini kertas terhad, ini rahsia, ini rahsia besar, ini sulit, bukan begitu tetapi kepada ahli yang tertentu.

Nabi Allah Musa a.s. ada 12 orang nakib, orang kepercayaan dan Nabi Muhammad s.a.w. ada 12 orang nakib, orang kepercayaan yang paling dipercayai dalam sejarah Nabi Muhammad, Saiyidina Ali r.a., sebab Nabi kata, aku gedung ilmu, Ali pintunya. Tidak salah kalau Kerajaan Barisan Nasional ada membuat Akta Rahsia Rasmi, Menteri atau Pegawai Kanan, si polan ini disenaraikan di dalam surat rasmi. Itu tidak salah.

Perdana Menteri kata, Menteri ini, ini rahsia rasmi, cukup dua tahun Menteri tanya Pegawai Kanan itu rahsia rasmi boleh potong, batalkan. Itu sahaja pindaan ini. Satu hari dicop rasmi, beberapa hari kemudian atau beberapa bulan, beberapa tahun kemudian rasmi itu dibatalkan, tidak jadi salah.

Nyawa kita hari ini Allah Taala beri, besok pagi Allah taala batalkan lesen nyawa kita. Lesen nyawa kita ini Allah taala batalkan pagi besok, tak ada orang keriau termasuklah orang yang macam tikus dan anjing tadi.

Kemudian saya terbaca pula dalam satu artikel: Dewan Negara dan Ahli-ahlinya, Akta Rahsia Rasmi dan para penentangannya. Dalam artikel itu penulis rencana itu mengatakan Dewan Negara, tengok ada taring atau tidak. Ada siung atau tidak. Jadi, orang-orang di dalam Dewan Negara itu macam orang yang bertaring pula dianggapnya kami Ahli-ahli Dewan Negara ini—ada taring macam haiwan. Jadi, yang kenal taring atau tidak, juga haiwan jugalah kalau begitu. Kita terima kerana itu ungkapan bahasa persuratan, bahasa suratkhobar.

Saya faham, ada atau tidak Dewan Negara ini bertaring atau tidak, kami masih bertaring, kami masih bersiung, tetapi taring kami bukan untuk menggigit orang, bukan untuk menyakitkan orang tetapi taring kami untuk menggigit dan menjaga keselamatan negara supaya jangan kami luahkan sesuka hati, untuk menjaga ketenteraman negara, untuk menjaga kepentingan negara, tidak kami gigit atau kami koyak sesuka hati. Jadi, bukan semua taring atau semua siung untuk menggigit orang. Orang fikir setiap orang yang bertaring itu mahu gigit orang. Itu tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kami ditiup lagi, Ahli-ahli Dewan Negara ini kononnya Perdana Menteri sendiri mengatakan Dewan ini tidak berguna, tidak memberi sumbangan. Ini orang mahu main kayu tiga dan dikeluarkan melalui surat ini oleh Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia. Barangkali wartawan yang ada di sini, tak masuk kesatuan, sebab itu dia datang. Dia mainkan kami semua di sini mengadakan Dato Seri Dr Mahathir sudah mengatakan kami tak guna, begitu begini. Surat ini sudah jadi batu api, ini surat batu api. Ini batu api hukumannya dahsyat. Orang jadi batu api ini tidak masuk syurga—orang-orang yang jadi batu api. Jangan main-main, Tuan Yang di-Pertua. Dia mahu lawankan kita sama Perdana Menteri. Tak masuk syurga orang ini. Jadi, kerana dia takut, nanti tak dapat masuk syurga, dia takut tak dapat nikmat, maka itu dia takut Akta ini kita luluskan. Kalau dia tahu Akta ini lulus nanti, dia sudah tidak dapat nikmat hidup. Itu fasal dia takut. Jadi, dia boleh membuat skandal, spekulasi, boleh buat ramalan-ramalan, andaian, kata itu, kata ini, tulis itu, tulis ini.

Apabila Akta ini ada, kebebasan masih boleh terus dijalankan di negara ini. Tulislah apa yang hendak ditulis, karanglah apa yang hendak dikarang.

Artikelkanlah apa yang patut, tak jadi salah, tetapi jangan sampai melanggar Akta ini, kalau melanggar Akta ini—mandatori tanpa pilih kasih.

Tuan Yang di-Pertua, itu dia beberapa hal yang perlu saya sampaikan di Dewan yang mulia ini dan saya tidak akan membahaskan pindaan ini secara detil satu persatu kerana banyak di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang telah bercakap mempertikaikan satu persatu, apakah ini tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang kampung, saya tidak mahu detail apa-apa tetapi 13 juta orang kampung apabila mendengar Akta ini mahu dipinda untuk kepentingan negara dan rakyat, rahsia rasmi jangan bocor, rahsia pertahanan jangan bocor, rahsia keselamatan jangan bocor, 13 juta rakyat di luar bandar menyokongnya, Tuan Yang di-Pertua. Yang tak menyokong segelintir orang-orang DAP, itu pun tidak semua orang-orang DAP, ada yang tak tahu menahu; kalau negeri hancur, kalau negeri perang kerana kita punya surat keselamatan, surat pertahanan bocor, orang-orang itu pun ikut sama jadi korban.

Apa guna kita hendak membangunkan negara, apa guna kita mahu buat pencakar langit sampai 40 tingkat lebih tinggi daripada Menara Dato Onn Pejabat UMNO, buat apa kalau rahsia pertahanan bocor? Pagi besok musuh boleh tembak dengan satu biji peluru dari tengah laut, sampai Kuala Lumpur hancur, mahu bikin apa? Tak payah bikin pembangunan.

Jadi, untuk keselamatan negara ini, maka satu daripadanya surat-surat pertahanan negara mesti dijaga, turunkan amanah daripada kertas Kabinet, keputusan Kabinet kepada Menteri, kepada Pegawai tertentu. Itu

rahsia, kita punya peluru kapurkah, kita punya peluru tembak gajakah, kita punya meriam 16 mmkah, atau 24 mmkah, bila mahu beli lagi senjata, itu semua mesti dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tengok sebelum Akta ini cuba dibawa ke dalam Dewan Rakyat dan hari ini kita bincangkan dalam Dewan Negara, macam-macam perkara ditimbulkan sehingga orang bingung, orang hairan, sehingga orang merasa keluh kesah, orang gelisah seolah-olah apabila, kalau Akta Rahsia Rasmi ini lulus, seolah-olah semua kita punya pembangunan negara kita jem, jadi padang jarak padang burung terkukur.

Tetapi, kalau tak ada Akta ini selama ini kita tahu kerana kertas-kertas ini bocor, banyak pembangunan yang jem.

Tender belum keluar misalnya orang sudah tahu, Exco belum keluar daripada bilik mesyuarat Exco, di kantin sudah tahu. Perdana Menteri belum sampai ke Sri Perdana keputusan Kabinet orang sudah tahu. Ini mesti dijaga. Adakah menjaga ini salah? Adakah kita menjaga ini membunuh demokrasi? Jadi, ini kalau tikus kata bunuh demokrasi, itu falsafah tikus, itu falsafah anjing tadi tetapi sebagai kita manusia yang bertanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang mahu hidup aman, mahu hidup sehat, keluarga mahu baik, dari rumah teres mahu rumah sebuah, dari rumah sebuah mahu rumah apartment sampai kita bawa supaya rumah apartment itu harganya turun lagi. Itupun orang tak terima kasih? Daripada tak ada tanah, minta tanah; daripada gaji rendah minta lawan naik gaji, kita sokong. Itu tidak baik? Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pembangunan yang semacam ini, kalau rahsia-rahsia bocor, tidak hancur, rosak? Sebab itu Allah ta'ala

mengingatkan kepada kita: "Walatufsidu-fil-ard, walatufsidu-filardi-ba'ada-islahiha". (Jangan sekali-kali kamu buat kerosakan di muka bumi yang bumi ini sudah diperbaiki). Kalau dulu tenggelam, di zaman Nabi Allah Noh, sekarang bumi kita ini daripada dipijak-pijak oleh penjajah, hasil kekayaan dibawa oleh penjajah, setelah kita merdeka, ertinya bumi kita ini sudah dibaiki oleh bapa pemimpin kita, oleh Tunku Abdul Rahman, oleh Tun Abdul Razak, oleh Tun Hussein Onn, oleh Dato Seri Dr Mahathir sekarang. Sesudah itu jangan kau buat rosak untuk warisan yang akan datang, maka Akta ini dibuat. Ya, umur kita tidak tahu, untuk keperluan generasi yang akan datang. Kalau rahsia-rahsia Kerajaan, rahsia besarkah, rahsia kecilkah, sulitkah, bocor, apa akan jadi kepada negara?

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, sebagai orang kampung, sungguhpun saya orang kampung, saya telah berkecimpung di dalam pergerakan politik tanahair kita ini tidak kurang 30 tahun. 30 tahun itu bukannya sedikit masa yang saya korbakan. Saudara-saudara Ahli-ahli Dewan Negara ini telah mengorbankan umurnya daripada rambut hitam sampai botak—Haji Mustaffa Awang—mengorbankan diri dalam politik kerana mahu merdeka, baru semalam jadi Ahli Dewan Negara. 30 tahun buang masa, bukan sedikit. Kalau kami mahu kaya, kalau kami mahu cari kekayaan tidak payah jadi Senator, jadi pemborong lagi baik, jadi kontraktor lagi baik, boleh senang kaya, dan kita lawan Akta ini, saya lawan Akta ini kalau saya pemborong, sebab hendak tahu harga. Sebab itu rahsia, sebab itu nanti Kerajaan akan dijadikan rahsia. Sebab kami tidak hendak jadi kaya, ini bukan kepentingan kami, jadi yang saya takut golongan-golongan yang cuba meniup-niupkan, menaikkan semangat Ahli-ahli Dewan Negara

supaya menentang Akta ini ialah mereka yang mahu cepat kaya, melalui pintu belakang, satu. Orang yang menjadi agen kepada musuh-musuh negara melalui pintu belakang, dua. Orang yang mahu rahsia-rahsia Kerajaan dipaparkan supaya tidak ada keyakinan kepada pemimpin di dalam negara ini. Ini tujuan dan matlamat orang-orang itu.

Kalau setakat hendak hidup dari rumah murah hendak apartment, daripada "moris minor" hendak beli "Proton Saga", dari "Proton Saga" hendak tukar "Volvo 244", kita mesti bangunkan negara ini secara aman, secara baik, dari taukeh kecil menjadi taukeh besar, kita mesti bangunkan negara ini. Jadi, bagaimana kita hendak bangunkan negara ini kalau kita mahu buat Akta hendak menyelamatkan negara sudah dilawan, ertinya orang-orang ini, orang-orang yang tidak mahu kepada kemakmuran dan kestabilan dalam negara.

Saya contohkan, Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman berancang mahu membina Masjid Negara, berapa puluh tahun sehingga sekarang, 25 tahun dahulu, orang kata Tunku Abdul Rahman "gila", hendak buat masjid dekat Stesen Keretapi, siapa hendak sembahyang di situ. Pembangkang yang bercakap begitu, dia kata Tunku Abdul Rahman "gila" hendak bina masjid dekat Stesen Keretapi, bunyi bisung, siapa hendak sembahyang di situ? Tunku Abdul Rahman akal nya panjang: "Tak apa", depa mari sekali-sekali Mesyuarat Agung UMNO, depa tidur dekat Masjid Negara". Itu sahaja jawapan Tunku Abdul Rahman. Hari ini Masjid Negara tidak muat. Tengok, fikiran orang UMNO, tengok fikiran pemimpin yang jauh ke depan. Apabila Tunku Abdul Rahman merancang membuat Subang Airport, orang kata "gila" Tunku Abdul

Rahman hendak buat airport jauh dari bandar, 20 batu. Tempat hutan belantara, siapa hendak pergi sana? Tunku Abdul Rahman kata: "Tak apalah, kot kapal terbang hendak turun, depa dapat tidur nyenyak, tidak bunyi!". Hari ini tengok dari Subang Airport sampai ke pusat Ibu Kota lampu kuning sepanjang jalan, 25 tahun dahulu, kenapa? Jadi, apabila Akta ini kita buat pada tahun 1986, insya Allah, pada tahun 2000 mereka yang menentang ini akan nampak dan memikirkan bahawa Akta Rahsia Rasmi ini memang perlu ada dan kalau perlu kita akan pinda, kita akan perkuatkan lagi dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan dan saya tidak takut di dalam Dewan ini kita akan menyokong sepenuh-penuhnya dan apabila kita putuskan, Insya Allah akan dirafak sembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan apabila Yang di-Pertuan Agong berkenankan saja, esok, lusa, tulat, insya Allah Akta ini akan diwartakan, akan menjadi undang-undang dalam negara. Insya Allah, pada masa itu anjing-anjing yang menyalak, tikus-tikus yang membaiki labu—jaga nasibmu, jaga nasibmu! Jadi, saya akan menyanyi pada masa itu. "Si luncai terjun dengan labu-labunya, biarkan, biarkan, biarkan".

Tuan Yang di-Pertua, kita membahaskan satu Akta yang begitu penting, Akta Rahsia Rasmi Kerajaan sama dengan Akta Rahsia Keselamatan dan yang lain-lain begitu penting dan Kerajaan berjanji setiap pandangan yang diberikan oleh mereka, siapa-siapa sahaja, sama ada golongan minoriti atau golongan mana Kerajaan dengar dan Kerajaan akan fikirkan dan insya Allah besok, lusa pada 21 haribulan, di Pusat Perdagangan Dunia Putra, rakyat yang menyokong Akta ini akan berkumpul, berpuluh ribu untuk menunjukkan bahawa jangan ada

orang-orang yang minoriti, golongan-golongan kecil akan cuba mempermainkan dan mempersendakan negara. Kita kata beramalan dengan amalan demokrasi berparlimen, suara banyak. Jadi, kalau suara banyak sudah menang—133 menyokong, 22 yang menentang, sudah kalah itu, sudahlah! Suara yang di luar pula, yang tidak boleh mengundi itu tengok sahajalah. Ini padang kami, ini padang kita, bola di kaki kita, kita hendak pakai dukunkah, hendak pakai pawang jaga pintu golkah, pakailah pawang. Tetapi kalau orang-orang kita, jika semangatnya seperti Ghani Minhat, seperti Mokhtar Dahari, insya Allah, ada pawang pun kita boleh sumbat 7 gol—mandatory. Tidak cukup dengan 7 gol, 14 gol—mandotory, tidak ada lagi main duit, sebab Kerajaan kita tidak mahu duit, sungguhpun meleset, tetapi dalam hal ini Kerajaan tidak mahu duit. Kerajaan mahu jel mandatory, jangan main-main.

Kalau dalam Malaysia boleh main-main, cuba pergi seberang tengok, di Tambak Johor, main-main macam itu kita tengok. Atau pergi seberang Utara, ke sebelah Bukit Kayu Hitam atau Danok, cuba main-main macam itu kita mahu tengok. Atau pergi ke Jakarta, tiba di sana ada satu pasukan cakra-birawa, kita mahu tengok. Di dalam Malaysia kita boleh main-main, Perdana Menteri dituduh dan ditunjuk biadab dalam Dewan pun, kita tidak marah. Begitu toleransi orang Malaysia ini, baik orang Melayunya, baik keturunan Cinanya, baik Indianya, baik Kadazannya, baik Ibannya, baik Orang Aslinya, sampai dalam Dewan yang mulia, Perdana Menteri tunjuk biadab. Ini sikap tikus-tikus yang sudah diberi labu, dia hendak gigit labu itu, hendak dibaiki labu itu, sikap anjing yang menyalak bukit, hilang kabus tampaklah dia. Hilang kabus dan suram-suram Akta Rahsia Rasmi nanti tampaklah dia, siapa orang-orang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli-ahli satu Dewan yang tertinggi dalam negara ini kita bertanggungjawab di atas apa sahaja yang kita putuskan. Setelah kita teliti dan kita halusi, demi untuk kepentingan negara dan rakyat. Sebagai orang yang diamanahkan sama ada mewakili Dewan-dewan Negeri atau dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jangan sekali-kali kita mempunyai niat munafik atau hipokrit.

Saya memperingatkan kepada saudara-saudara, saya tidak berhak memperingatkan, tetapi sebagai seorang ahli yang bertanggungjawab, kita kena ikhlas di dalam Dewan ini, kita kena ikhlas—putih kata hati, putih kata di mulut. Kita tidak mahu telunjuk lurus, kelingking berkait. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dilantik, kemudian mengatakan perlantikan itu tidak guna, saya cabar saudara berhenti besok. Kalau saya mengatakan perlantikan ini tidak guna, besok saya letak jawatan. Tetapi saya kata bahawa Dewan ini berguna, perlantikan ini besar ertinya, tugas kita berat untuk sama-sama dengan Dewan Rakyat, dengan Dewan Negeri, dengan Majlis Daerah, dengan 800,000 kakitangan Kerajaan Perkhidmatan Awam, dengan pihak swasta, dengan pelabur asing, hendak jadikan Langkawi sebagai pelabuhan bebas, hendak jadikan highway kita tercantik di Asia Tenggara, sama berat tanggungjawab kita: yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing. Saya rasa malu kalau Ahli Dewan Negara sendiri ada yang berkata bahawa Dewan Negara ini tidak berfungsi, saya sendiri sedih—kalau saya, saya berhenti besok.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita bertanggungjawab bersama di dalam Dewan yang mulia ini, Dewan yang tertinggi ini, selain daripada Dewan Rakyat untuk kepentingan negara kerana kedudukan kita dijamin oleh

Perlembagaan, kecuali kalau Perlembagaan mengatakan yang lain, kita terpaksa meminda Perlembagaan dengan suara majoriti 2/3. Daripada kita bersusah-susah, sekarang kita mengorbankan masa kita, fikiran kita, khidmat kita melalui Dewan yang mulia ini untuk faedah bangsa dan negara sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kepada Malaysia, tanahair yang dikasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi 1972 yang kita pinda, yang sedang kita bahaskan sekarang ini ialah untuk memperkemas lagi, untuk memperkuat lagi. Kalau sewaktu membentang Akta ini Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar mengatakan di dalam Akta itu yang lama semua surat Kerajaan adalah rasmi, mengapa orang tidak bantah Akta itu? Ertinya Akta yang asal yang mengatakan apa sahaja surat Kerajaan adalah rasmi, kenapa tidak bantah sedangkan pada masa itu tidak ada lagi penjara mandatori. Jadi, sekarang apabila Akta itu tidak diubahsuai untuk menentukan mana yang "rahsia besar", "rahsia", "sulit", "terhad" dan siapa yang bermain api dengan itu akan dikenakan hukuman penjara mandatori, mengapa mereka merasa takut dan panas?

Biasanya begini kata orang tua-tua, hanya pencuri sahaja yang kenal kepada taktik pencuri. Orang yang tak biasa mencuri, dia tak tahu macam mana cara hendak mencuri. Jadi, orang yang biasa mencuri sahaja yang tahu macam mana hendak mencuri. Dia kata, kalau macam ini pencuri-pencuri akan kena tangkap, ertinya dia biasa mencuri. Dia biasa mencuri Akta Rahsia Rasmi, dia biasa mencuri rahsia-rahsia rasmi Kerajaan, jadi dia takut hukuman mandatori, maka dia tentang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan penuh semangat menyokong sepenuhnya Akta Rahsia Rasmi 1972 ini untuk

diluluskan di Dewan Negara, Dewan yang tertinggi dalam negara kita ini, pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Dua sahaja? Berapa lama?

**Tuan G. Rajoo:** 20 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh tolong ringkaskan 10 minit. (*Ketawa*) Kita hendak tahu, because we have got three other Bills to pass. Baiklah, jadi setelah habis ucapan itu, Yang Berhormat Datuk Nasir Manap boleh berucap.

5.15 ptg.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Seperti sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dan membuat peruntukan-peruntukan tertentu berhubung dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan pindaan-pindaan itu. Pindaan ini dibuat tepat pada waktunya dan amatlah memerlukan pada masa ini. Rang Undang-undang meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 ini dibuat supaya Akta ini menjadi lebih berkesan dan sesuai mengikut aliran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat beberapa bantahan dari golongan-golongan tertentu terhadap pindaan Akta Rahsia Rasmi ini. Ada golongan yang cuba menghasut rakyat melalui pertubuhan-pertubuhan kononnya "social organisation", dengan izin, untuk membantah Kerajaan atas pindaan Akta ini. Mereka cuba mendapatkan tandatangan rakyat melalui kempen tandatangan mereka dengan tujuan membuktikan kepada Kerajaan

kononnya rakyat jelata membantah pindaan Akta ini, tetapi apa yang sebenarnya adalah orang ramai dan rakyat jelata menyokong penuh pindaan Akta Rahsia Rasmi ini. Orang yang tidak menyokong Rang Undang-undang ini adalah golongan yang berkepentingan diri untuk tujuan yang sempit. Kita haruslah memahami hakikat bahawa sebuah Kerajaan tidak boleh ditadbirkan dengan mendapat sokongan tandatangan. Jika begitu, saya berani berjanji MIC juga boleh mendapat setengah juta tandatangan dari golongan rakyat keturunan India untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah negara ini sejak kemerdekaan adalah satu Kerajaan yang adil, saksama dan bertanggungjawab. Selama lebih kurang 30 tahun kebelakangan ini Kerajaan tidak pernah bertindak liar ataupun tergesa-gesa atas sebarang isu yang timbul. Kerajaan selalu berwaspada dan peka kepada kehendak rakyat. Kerajaan bersedia mendengar komen dan criticism yang konkrit, lagi responsive kepada permintaan rakyat. Ini jelas dapat dilihat apabila Kerajaan menarik balik pindaan Akta Rahsia Rasmi yang dibentangkan tempoh hari dan menggantinya dengan pindaan Akta Rahsia Rasmi yang baru ini setelah mendengar protes dan bantahan sewajarnya. Akan tetapi, tindakan menarik balik ini janganlah dianggap sebagai kelemahan Kerajaan dan mendesak Kerajaan memansuhkan Akta Rahsia Rasmi sama sekali. Saya menyokong penuh Akta Rahsia Rasmi ini diperketatkan lagi agar menjadi penghalang kepada pengkhianat negara yang ingin menjualkan maruah dan nama negara untuk mendapatkan keuntungan kepada dirinya sendiri.

Pada masa yang lampau Kerajaan pernah mengalami dugaan apabila agen-agen KGB dan lain-lain badan

perisik luar negeri telah menembusi teraju Kerajaan dan mendapatkan rahsia Kerajaan untuk menyebarkan kepada negara-negara yang tertentu. Apa yang amat mengecewakan adalah orang-orang tempatanlah yang menjadi sasaran agen-agen perisik ini untuk mendapatkan bahan rahsia. lalu mereka sanggup menjual negara dengan wang ringgit. Mereka ini hendaklah diberi pengajaran yang sewajarnya dan pindaan Akta Rahsia Rasmi ini adalah satu tindakan yang amat bersesuaian dengan tindakan pengkhianatan mereka itu.

Pada masa yang lampau Kerajaan pernah juga mengalami kebocoran kertas soalan peperiksaan am, kebocoran dokumen-dokumen tender dan sebagainya. Kebocoran-kebocoran ini menggagalkan dan menfrustratekan usaha Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Kerajaan yang cekap, amanah dan Bersih. Tindakan pengkhianat ini pernah mengancam keselamatan dan pertahanan negara serta perhubungan antarabangsa. Oleh yang demikian, saya menyokong penuh tindakan Akta Rahsia Rasmi Fasal 8 yang memperuntukkan tempoh penjara mandatori yang minimum selama tidak kurang daripada satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman penjara yang lebih berat ini akan pasti menjadi satu penghalang kepada sesiapa yang ingin mengeluarkan rahsia rasmi Kerajaan. Kebocoran rahsia rasmi selalunya berlaku di Jabatan-jabatan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaanlah yang selalunya menjadi source atas kepada kebocoran rahsia ini.

Oleh kerana sesuatu dokumen rahsia itu biasanya melalui beberapa saluran pegawai dari atas ke bawah, seperti Pelayan Pejabat, Kerani, Jurutaip, Jaga dan Tukang Gelek Mesin Cyclostyle, Kerajaan mengalami kesukaran dalam menentukan asas kebocoran itu. Pekerja-pekerja yang

mendapat gaji yang rendah ini sanggup menjual rahsia itu kepada pihak-pihak tertentu, khususnya kepada pihak akhbar untuk diperbesarakan dengan tujuan komersial akhbar itu. Jika pekerja-pekerja ini kena tangkap, pihak yang menerima rahsia itu sanggup membayar dendanya. Akan tetapi dengan adanya pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi ini, pekerja-pekerja Kerajaan akan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas mereka dengan bersungguh dan amanah. Dalam pada ini, saya juga merayu kepada Kerajaan supaya mengarah Ketua-ketua Jabatan mengawasi tindakan pegawai-pegawai Kerajaan di bawah jagaannya dengan lebih rapi dan berwaspada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan tindakan Kerajaan memasukkan Jadual yang mengatakan jenis-jenis suratan yang dikira rahsia rasmi dengan lebih tepat lagi dengan menjadualkannya hanya 3 jenis dokumen. Ini adalah suatu tindakan Kerajaan yang munasabah dan patut disanjung tinggi oleh semua lapisan masyarakat. Jadual yang dibentangkan ini mengkelaskan bahan-bahan rahsia dengan lebih tepat dan kita dapat mengetahui bahan-bahan dan dokumen yang dikelaskan sebagai rahsia dengan lebih senang lagi. Kita tidak perlu ragu tentang kesahihan dokumen rahsia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri atau Ketua Menteri atau Menteri Besar sesuatu negeri atau ketua establishment dalam perkhidmatan awam untuk perakuan sesuatu dokumen sebagai rahsia rasmi. Perakuan ini hendaklah menjadi keterangan yang konklusif tentang apa yang diperakukan itu.

Walaupun pada keseluruhannya, dengan izin, on the whole nampaknya Rang Undang-undang ini memberi kuasa yang blanket atau terbuka

kepada Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar, sebenarnya kuasa yang diberi itu adalah terhad. Protes-protes yang disuarakan oleh pihak Pembangkang bahawa Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar telah diberi kuasa yang besar adalah tidak berasas. Jika mereka tidak layak diberi kuasa, siapa lagi yang layak diberi kuasa?

Saya berpendapat Ketua Menteri, Menteri Besar dan Menteri-menteri kita adalah orang-orang yang bertanggungjawab. Mereka tidak pernah menyalahgunakan kuasa selama ini. Mereka tidak diketahui bertindak dengan sewenang-wenangnya walaupun memegang teraju Kerajaan selama ini. Dalam sejarah negara ini tidak pernah seorang Menteri didakwa kerana menyalahgunakan kuasa. Oleh yang demikian, rakyat jelata terutama sekali pihak-pihak yang menentang Akta ini tidak perlu bimbang dan risau.

Akta ini tidak akan disalahgunakan oleh Menteri, Menteri besar, Ketua Menteri atau pegawai-pegawai yang dilantik oleh mereka. Malahan dengan adanya kuasa yang begini, orang-orang yang diberi kuasa ini akan menjadi lebih bertanggungjawab dan amanah serta menjalankan tugas mereka dengan lebih "jujur" lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum Kerajaan kita sekarang adalah sebuah Kerajaan yang demokratik, liberal dan responsif kepada kehendak rakyat. Akta Rahsia Rasmi yang asal ini telah pun wujud lebih 14 tahun, hanya 5 orang sahaja pernah didakwa di bawah Akta ini di dalam mahkamah selama ini. Ini jelas membuktikan Kerajaan tidak mendakwa orang-orang dengan sesuka hati, dengan sewenang-wenangnya walaupun dalam tempoh 14 tahun ini beberapa rahsia Kerajaan dibocorkan

oleh pegawai-pegawai Kerajaan, akhbar-akhbar tempatan dan luar negeri yang menjejaskan pentadbiran, keselamatan dan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini memerlukan pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi ini kerana rahsia Kerajaan sekarang dibocorkan oleh pihak-pihak tertentu dengan begitu halus sehingga susah hendak dikesan di mana asalnya kebocoran itu. Kadangkala dalam akhbar mereka mengatakan rahsia itu dikeluarkan oleh sumber-sumber yang boleh dipercayai dan penyebaran sebarang rahsia Kerajaan menjadi lebih sophisticated. Mereka hanya mempunyai niat dan tujuan memburukkan imej Kerajaan serta menjualkan rahsia untuk kepentingan diri sendiri. Mereka inilah yang sekarang menentang pindaan Akta Rahsia Rasmi ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada beberapa aspek dan insiden berikutan dengan kelulusan pindaan Akta Rahsia Rasmi di Dewan Rakyat tempoh hari. Sebaik sahaja Akta Rahsia Rasmi ini dipinda, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan kita mula menjadi, dengan izin, over-excited dan mula mentafsirkan mengikut perasaan mereka. Saya khawatir ada pula nanti pegawai-pegawai Kerajaan melindungi dan sembunyi di bawah Akta ini dan enggan menyebarkan maklumat dan berita yang sepatutnya diketahui umum.

Baru-baru ini pun terdapat suatu insiden di Penjara Taiping, di mana pengarahnya enggan memberitahu nama-nama mereka yang kena gantung, kononnya itu adalah di bawah Akta Rahsia Rasmi. Akan tetapi Attorney-General kita serta Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri mengakui perkara ini bukanlah rahsia. Oleh yang demikian terdapat

kekeliruan di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang boleh menjejaskan pelaksanaan Akta Rahsia Rasmi ini. Orang ramai pun mungkin merasa bimbang.

Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Pejabat Attorney-General kita mengadakan kursus intensif kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan, dengan izin, Legal Advisers setiap Kementerian di negara ini agar mengetahui dengan lebih mendalam dan penuh aspek-aspek dan ciri-ciri yang terkandung dalam Akta Rahsia Rasmi ini. Ini akan melicinkan pentadbiran negara. Dengan harapan ini, saya dengan penuh menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap.

*5.28 ptg.*

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya sama-sama membincangkan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa agak begitu singkat dan saya merasai biarlah saya mengambil bahagian di Dewan ini agak tidak lebih daripada 10 minit dan telah pun merasai ada bahagian-bahagian yang tidak perlu saya jelaskan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membincangkan masalah seksyen-seksyen yang telah dibentangkan kerana ramai di antara rakan-rakan telah pun membentangkan dan mengulas semua seksyen-seksyen yang dipinda dan akibat-akibatnya kepada masyarakat dan Kerajaan.

Di sini cuma saya menarik perhatian, satu di antaranya Kerajaan tidak begitu gopoh membentangkan Rang Undang-undang ini kerana apa yang saya tahu Rang Undang-undang ini telah pun dibentangkan dalam bulan Mac yang lalu. Apabila Rang Undang-undang ini dibentangkan dalam bulan Mac yang lalu, banyak di antara pihak-pihak yang menegurkan kononnya takrif "Rahsia Rasmi" itu tidak jelas.

Jadi, walau macam manapun dari segi pandangan pihak-pihak yang tertentu, maka Kerajaan mengambil perhatian. Dengan sebab itu Kerajaan telah pun mengkaji dan memberi takrif "Rahsia Rasmi" secara yang lebih jelas. Apabila Kerajaan mengemukakan takrif "Rahsia Rasmi" secara lebih jelas, timbul pula pihak-pihak yang tertentu terutama sekali parti-parti Pembangkang mengatakan pula ini suatu perkara yang timbul berhubung dengan masalah mandatori iaitu sesiapa yang didapati bersalah. Jadi saya merasai apa sahaja yang diterangkan atau apa sahaja yang dikemukakan oleh Kerajaan, sama ada benda itu bagus dan sebagainya, tetap parti Pembangkang tidak akan menyokong apa yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah soal utamanya yang ditentangkan oleh parti-parti Pembangkang seperti DAP dan sebagainya? Saya merasai perkara yang utama sekali ditentang oleh parti Pembangkang ini khususnya DAP, kerana hukuman minimum atau hukuman sekurang-kurangnya penjara 1 tahun. Itu masalah yang besar yang ditentangkan oleh parti-parti Pembangkang tadi. Dan harus kita jelaskan apakah sebabnya yang mereka menentang hukuman sekurang-kurangnya setahun.

Pada hemat saya, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan

saya penuh percaya Rang Undang-undang ini tetap diluluskan; apabila telah diluluskan parti ini agak berjalan dalam keadaan yang gelap kerana apabila mereka menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, mereka sukar untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting dan tidak ada perkara-perkara yang hendak diheboh-hebohkan. Jadi apabila benda ini tidak ada modal kepada mereka hendak menjelaskan kononnya keburukan Kerajaan walaupun Kerajaan membuat benda-benda yang baik, benda ini tidak dapat diketengahkan, maka mereka merasai parti mereka semakin lama semakin mundur dan tidak akan maju.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hukuman penjara ini, yang pertama sekali siapakah yang takut. Pada hemat saya, orang yang takut apabila hukuman penjara ini dilaksanakan ialah orang yang hendak mendapatkan maklumat itu. Selain daripada itu agak orang yang akan memberikan maklumat. Jadi kedua-dua ini takut, sama ada orang hendak mendapatkan maklumat ataupun orang yang akan memberikan maklumat, kedua-dua mereka takut. Dalam kedua-dua ini, saya merasai orang yang berkehendakkan maklumat itu lebih takut daripada orang yang memberi maklumat kerana kalau seseorang yang berkehendakkan maklumat mesti mereka mendapatkan maklumat daripada pemberi. Apabila mereka berkehendakkan maklumat daripada pemberi, mereka takut kalau pemberi ini dikesan pembocoran rahsia ini. Dengan tidak secara langsung mereka dijatuhkan hukuman penjara 1 tahun, dengan tidak secara langsung oleh sebab kesalahan ataupun kehendak daripada mereka untuk mendapatkan maklumat, orang yang mungkin tidak bersalah akan dihukum penjara 1 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang yang menyatakan hukuman minimum 1 tahun ini adalah

menghalang budi bicara mahkamah dalam menjalankan hukuman. Saya rasa kalau ada di antara sesiapa yang berpendapat hukuman minimum 1 tahun itu menghalang atas budi bicara mahkamah adalah tidak benar, kerana sebenarnya undang-undang menghadkan hukuman maksimum dan juga minimum. Jadi kalau undang-undang juga ada menghadkan hukuman maksimum dan hukuman minimum, maka bagaimana pula kita mengatakan menghalang budi bicara mahkamah. Dengan sebab itu tidak timbullah sesiapa sahaja yang mengatakan apabila Akta ini diluluskan, menghalang budi bicara mahkamah.

Jadi pada fahaman saya, untuk budi bicara mahkamah, hukuman yang minimum 1 tahun dan maksimum 14 tahun, dari segi budi bicara mahkamah maka mahkamah boleh mengkaji kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh orang-orang yang tertentu, mereka boleh menentukan sama ada hendak dikenakan 4 tahun, 5 tahun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya suka mengemukakan cadangan. Apa yang kita ketahui satu di antaranya diberi kuasa untuk mengelaskan apa-apa surat rasmi berhubung dengan maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" ataupun "Terhad". Dalam masalah ini kita sedar pegawai-pegawai penting di dalam tiap-tiap buah negeri terdiri daripada Penasihat Undang-undang, Setiausaha Kerajaan dan sebagainya. Jadi untuk menyeragamkan dari segi tafsiran "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" dan sebagainya, maka saya merasai pegawai-pegawai penting di dalam tiap-tiap buah negeri itu agak boleh berunding sesama mereka bagi membincangkan apakah cara yang sesuai benda-benda ini ataupun istilah "Rahsia Besar", apakah dia bentuk-bentuk "Rahsia Besar". Jadi dengan

tidak secara langsung, sebarang pengistilahan maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" agak dapat diselaraskan di antara tiap-tiap buah negeri. Begitu juga akan perlu diselaraskan di antara sesebuah Kementerian dengan sesebuah Kementerian yang lain.

Selain daripada itu kita memang sedar apabila Rang Undang-undang ini diketengahkan, ramai orang-orang yang mengeksploitasikan masalah ini. Bagi memberikan penerangan kepada orang ramai, maka saya mencadangkan pihak Kerajaan supaya menubuhkan Badan Penerangan, agak kita boleh tubuhkan dalam dua bentuk: satu di peringkat negara dan satu lagi di peringkat negeri. Apabila bentuk-bentuk penerangan ini seperti peringkat negara dan negeri, maka badan-badan yang kita bentuk ini bolehlah menerangkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan ataupun kepada orang ramai yang difikirkan perlu.

Walau macam manapun, perkara yang penting sekali pada hemat saya, Kerajaan mesti mengambil tindakan yang tegas kepada sesiapa juga yang menyalahgunakan penerangan berhubung dengan Akta ini. Jika penerangan mereka menampakkan sebagai menghasut, tindakan yang setimpal dengan mereka perlu diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah ucapan saya di dalam Dewan ini sebagaimana yang saya telah berjanji lebih awal. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi, 1972. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada lagi yang hendak berbahas. Jadi saya menjemput Menteri yang berkenaan memberi jawapan.

5.38 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 dan menyokong Kerajaan ke atas pindaan tersebut dan juga telah memberi pandangan serta syor-syor yang ikhlas dan membina. Di samping itu, nampaknya ada juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih ragu-ragu terhadap keikhlasan jaminan Kerajaan tentang pindaan Rang Undang-undang tersebut dan bimbang ianya disalahgunakan oleh pihak Kerajaan ataupun oleh pihak yang berkuasa.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Haji Hussein bin Ahmad bahawa semua orang mempunyai rahsia sendiri. Begitu juga sesebuah pertubuhan termasuklah parti-parti Pembangkang. Jika kita terima hakikat ini, maka kita tidak menafikan bahawa Kerajaan juga terpaksa merahsiakan sebahagian daripada urusannya.

Rahsia perlu bagi masyarakat. Dalam urusan Kerajaan atau perniagaan mungkin ada orang yang akan menyalahgunakan hak merahsiakan sesuatu urusan. Jika rahsia-rahsia itu dibongkarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau yang mempunyai kepentingan yang lain, maka segala urusan dan rancangan, sama ada Kerajaan ataupun perniagaan akan gagal. Dalam keadaan begitu, tentulah pentadbiran akan menjadi kucar-kacir dan tidak akan maju. Untuk mengelakkan kucar-kacir itulah, maka sesiapa yang membocorkan rahsia Kerajaan perlu dihukum.

Atas peringatan Yang Berhormat Senator Hassan Alban bin Haji Sandukong supaya Akta Rahsia Rasmi ini tidak disalahgunakan, sukalah saya memberi jawapan dari dua aspek. Jika yang dimaksudkan ialah tentang kemungkinan Kerajaan menyalahgunakan Akta ini untuk mendakwa seseorang itu sewenang-wenangnya, maka sukalah saya menegaskan bahawa semenjak Kerajaan Barisan Nasional memerintah selama kira-kira 30 tahun, hanya 5 kes pembocoran rahsia sahaja yang didakwa di Mahkamah. Adalah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat berhati-hati dalam menggunakan undang-undang ini. Jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kemungkinan pihak Kerajaan menyalahgunakan undang-undang ini untuk menyekat penyebaran maklumat kepada orang ramai, ingin saya maklumkan bahawa jika orang-orang yang menghendaki sesuatu maklumat tidak dibekalkan oleh mana-mana pegawai, maka orang itu bolehlah mendapatkan ketentuan daripada pihak atasan. Kerajaan bolehlah memberi jaminan bahawa hanya maklumat atau dokumen yang benar-benar rahsia sahaja tidak akan diberi kepada orang yang tidak berhak mendapatkannya.

Pada masa ini, Kerajaan menggunakan prinsip-prinsip tertentu yang seragam dalam hal-hal mengelaskan, classify, dengan izin, perkara-perkara rasmi. Dengan cadangan-cadangan pindaan Akta ini, hanya pegawai-pegawai awam yang benar-benar bertanggungjawab sahaja akan dilantik untuk mengelaskan sesuatu perkara sebagai rahsia. Untuk memastikan masalah yang ditimbulkan tidak berlaku, pegawai-pegawai awam telah, sedang dan akan diberi penerangan secara berterusan mengenai perlaksanaannya.

Sebagaimana termaklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

sendiri telah memberi jaminan pada 17hb Disember yang lalu, bahawa taklimat-taklimat khas untuk pegawai-pegawai Kerajaan sedang diatur bagi menentukan kesempurnaan pelaksanaan dalam perkara ini.

Menyentuh tentang teguran dan pandangan Yang Berhormat Tuan Hassan Alban Sandukong juga mengenai kumpulan minoriti yang perlu diambil kira juga. Adalah dimaklumkan bahawa dalam sistem demokrasi manakala suara majoriti tentulah berdasarkan undang-undang dan perjalanan pentadbiran Kerajaan, tetapi hak-hak atas kumpulan minoriti juga diambil kira. Buktinya ternyata dengan wujudnya Dewan Negara sendiri yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan di mana ada Ahli-ahlinya yang mewakili kumpulan-kumpulan tertentu termasuk kumpulan minoriti. Asas Kerajaan Barisan Nasional sendiri mempraktikkan prinsip demokrasi ini di mana kumpulan minoriti diberi tempat dalam proses pentadbiran Kerajaan. Dengan demikian Ahli-ahli Dewan Negara tidaklah perlu bimbang atau dipengaruhi oleh hujah-hujah yang cuba mengelirukan rakyat daripada hakikat bahawa Kerajaan ini berlandaskan kepada prinsip demokrasi yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr K. S. Nijhar, Yang Berhormat Tuan Hassan Nam, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan dan sebentar tadi Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap meminta Kerajaan memberi penerangan yang jelas di atas tujuan pindaan Akta Rahsia Rasmi ini.

Sebagaimana yang termaklum, penerangan-penerangan telah pun dibuat oleh pihak Kerajaan semenjak bulan Mac tahun ini. Ini termasuk penerangan-penerangan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri sendiri, malahan Peguam Negara juga telah membuat kenyataan-kenyataan menerusi rancangan "Ehwal Semasa" dan menerusi temuramah khas dengan akhbar-akhbar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak masih merasa bimbang tentang penyalahgunaan kuasa oleh Menteri untuk mengkelaskan atau mengkelaskan semula, declassify, dengan izin, sesuatu dokumen itu. Sepertimana yang telah saya jelaskan di atas sebenarnya penyalahgunaan kuasa oleh Menteri atau pegawai-pegawai awam tidak timbul sama sekali. Ini disebabkan bahawa semua Menteri dan pegawai-pegawai awam terikat dengan peraturan-peraturan yang terkandung dalam Buku Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Buku tersebut mengandungi peraturan-peraturan yang lengkap untuk mengawal rahsia-rahsia rasmi dengan selamat lagi berkesan. Di antara kandungannya adalah termasuk prosedurnya yang seragam untuk menjadikan sesuatu dokumen itu rahsia sama ada dipertingkatkan "Rahsia Besar" atau "Rahsia" atau "Sulit" ataupun "Terhad" sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Aion binti Ariffin.

Sesungguhnya, semua Yang Berhormat Menteri yang dilantik dalam Barisan Nasional adalah berwibawa dan terpilih. Begitu juga dengan pegawai-pegawai awam yang dilantik untuk mengkelaskan sesuatu dokumen juga merupakan yang kanan dan bertanggungjawab.

Dari segi pendakwaan pula, inginlah saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak bahawa sesuatu pendakwaan tidak boleh dilakukan tanpa izin daripada

Peguam Negara. Peguam Negara pula, tidak mungkin memberi izin tanpa penyiasatan rapi yang dijalankan oleh pihak polis. Di sinilah letaknya "check and balance", dengan izin. Berhubung dengan "certificate", dengan izin, dari seseorang Menteri di bawah Seksyen 16A tidaklah bermakna "certificate" itu tidak boleh dicabar. Seseorang yang didakwa boleh mencabarnya jika ia mempunyai bukti bahawa "certificate" itu telah dikebelakangkan, back dated, dengan izin, ataupun dibuat dengan niat yang jahat.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang hukuman mandatori yang terkandung dalam Akta Rahsia Rasmi ini. Perlulah saya nyatakan di sini bahawa di negara kita ini bukan sahaja Akta Rahsia Rasmi ini yang mempunyai hukuman mandatori, tetapi saya menyatakan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, bahawa kita juga mempunyai hukuman mandatori seperti yang terdapat dalam Internal Security Act, mengikut Seksyen 57 (1) dan juga dalam Firearms (Increased Penalty) Act 1971, dengan izin, mengikut Seksyen 3 dan Seksyen 4, juga terdapat peruntukan sebagai hukuman mandatori dan yang ketiga, ialah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta 234 juga telah diperuntukkan dua seksyen iaitu Seksyen 39A dan 39B yang juga memberi hukuman mandatori.

Ini adalah untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa di negara kita ini bukan ini sahaja Akta yang telah diluluskan oleh Dewan ini yang mempunyai hukuman mandatori. Saya berharap supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbang mengenai apa-apa yang telah kita luluskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga seorang atau dua Ahli Yang

Berhormat terkeliru sedikit mengenai Menteri yang diberi kuasa di bawah Seksyen 2A untuk menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan dalam Jadual. Sebenarnya kuasa itu diberi kepada seorang Menteri sahaja, iaitu Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Akta Rahsia Rasmi ini, bukan semua Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pendapat dan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, Puan Hajjah Azizah Mohd. Said, Lt. Kol. Abdul Hamid, Haji Shaharom dan Tuan G. Rajoo bahawa di antara lain tujuan Akta Rahsia Rasmi ini adalah untuk memelihara dan melindungi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi bahawa Kerajaan tidak berniat sekali-kali untuk menghakisi sistem demokrasi yang kita telah cipta sejak mula kita merdeka. Kerajaan sentiasa memikirkan bagaimana dan cara mana untuk menjalankan pentadbiran dengan sebaik-baiknya mengikut kehendak keadaan semasa disebabkan pergolakan masyarakat yang sentiasa berterusan dengan pelbagai perubahan. Dengan itu cara mengawal keadaan terpaksa dikaji dari masa ke semasa.

Dalam perkara Akta Rahsia Rasmi ini oleh kerana ianya melibatkan pengawalan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang ada di dalam tangan Kerajaan maka patutlah dan benarlah bagi Kerajaan sendiri sahaja untuk menentukan yang mana patut dirahsiakan dan yang mana tidak, dan selama mana sesuatu dokumen atau maklumat itu perlu dirahsiakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini sukaiah saya mengulangi bahawa sesungguhnya

Kerajaan sentiasa amat berhati-hati dan serius untuk menentukan keselamatan rahsia rasmi demi faedah rakyat dan negara dalam melaksanakan kuasa-kuasa yang dimandatkan. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidaklah perlu bimbang dan ragu dalam perkara ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Teguran, pandangan dan syor-syor dan tidak saya sentuh dalam ucapan saya akan diberi perhatian dalam melaksanakan undang-undang ini. Sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Rahsia Rasmi ini yang tidak dapat saya menyebutkan namanya dan tidak dapat memberi penjelasan yang terperinci, saya minta maaf. Tetapi adalah diberitahu bahawa segala pandangan dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambilkira dan akan diberi pandangan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.58 ptg.*

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang sukalah saya menerangkan sebab-sebab dan tujuan-tujuan pindaan-pindaan ini dibentangkan.

Pemilikan tanah oleh warganegara asing dan syarikat asing mula disekat dengan penguatkuasa Akta-akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) berikut:

- (i) Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 yang diwartakan sebagai Akta melalui Akta A587/1984; dan berkuatkuasa pada 25hb Mac, 1985;
- (ii) Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No. 2) 1985 yang diwartakan sebagai Akta melalui Akta A624/1985 dan berkuatkuasa pada 13hb September, 1985.

Sebelum penguatkuasaan Akta-akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) tersebut, warganegara asing dan syarikat-syarikat asing tidak disekat daripada memiliki tanah di Semenanjung Malaysia. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 yang

telah diwartakan sebagai Akta A587/1984 telah memperuntukkan sekatan terhadap warganegara asing dan syarikat asing seperti yang terkandung dalam satu bahagian baru iaitu Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) yang terdiri daripada 5 seksyen, iaitu seksyen 433A, 433B, 433C, 433D dan 433E.

Di sini sukalah saya menghuraikan sedikit mengenai seksyen-seksyen tersebut.

Yang pertama, Seksyen 433A ialah mengenai takrif syarikat asing dan bukan warganegara.

Yang kedua, Seksyen 433B membenarkan perolehan tanah kecuali tanah kategori pertanian oleh warganegara asing dan syarikat asing dengan syarat bahawa perolehan tanah kategori kediaman dan perniagaan atau pembangunan memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Yang ketiga, Seksyen 433C memperuntukkan bahawa sebarang perolehan tanah yang melanggar Bahagian ini adalah tidak sah iaitu, dengan izin, null and void.

Yang Keempat, Seksyen 433D menyatakan bahawa sekatan-sekatan tersebut tidak terpakai bagi perolehan tanah yang sedia ada oleh warganegara asing dan syarikat asing.

Yang kelima, Seksyen 433E memperuntukkan bahawa Bahagian ini tidak terpakai bagi orang-orang atau badan-badan yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan Diplomatic and Consular Privileges Ordinance 1957, dengan izin, atau yang diberi kuasa memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Secara ringkas, tanah di bawah kategori industri tidak tertakluk kepada apa-apa sekatan. Bagi tanah di bawah kategori pertanian pula warganegara asing dan syarikat asing

tidak dibenarkan langsung memperolehi tanah atau kepentingan ke atas tanah itu seperti gadaian, pajakan dan sebagainya. Manakala tanah yang di bawah kategori bangunan yakni kediaman atau perniagaan boleh diperolehi tetapi tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peranan bank-bank asing yang besar dalam pembangunan sektor pertanian di negeri ini Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) No. 2/1986 telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan sebagai Akta A624/85 yang telah meminda Seksyen 433B dengan menambah tiga subseksyen baru iaitu subseksyen (3), (4) dan (5)). Secara ringkasnya, pindaan-pindaan tersebut memberi maksud seperti berikut:

- (i) Subseksyen (3) membenarkan warganegara asing dan syarikat asing menerima gadaian dan lien ke atas tanah-tanah milik.
- (ii) Subseksyen (4) memperuntukkan bahawa kiranya terdapat perintah jual maka warganegara asing dan syarikat asing tidak boleh menangkap lelong bagi memiliki tanah pertanian. Tanah-tanah di bawah kategori bangunan boleh ditangkap lelong dengan syarat mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.
- (iii) Subseksyen (5) menyatakan peruntukan subseksyen (4) tidak dipakai bagi tanah-tanah di bawah kategori industri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang telah saya sebutkan di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa, pertama, warganegara asing dan syarikat asing boleh memiliki tanah-tanah di bawah kategori industri. Kedua, warganegara

asing dan syarikat asing boleh memiliki tanah-tanah di bawah kategori bangunan dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Ketiga, warganegara asing dan syarikat asing tidak boleh memiliki tanah yang di bawah kategori pertanian. Keempat, warganegara asing dan syarikat asing boleh menerima gadaian dan lien bagi semua kategori tanah akan tetapi kiranya ada perintah jual penangkapan lelong oleh warganegara asing dan syarikat asing adalah tertakluk pada sekatan-sekatan iaitu bagi tanah kategori bangunan hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Negeri dan bagi tanah pertanian ianya tidak dibenarkan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah sampai ke persimpangan yang penting dalam usahanya untuk terus membangun. Tahun 1986 adalah tahun permulaan Rancangan Malaysia Kelima. 1986 hingga 1990 adalah tahun-tahun yang lebih mencabar kemampuan negara dalam menghadapi isu-isu pembangunan. Kini perkembangan-perkembangan ekonomi antarabangsa telah menimbulkan beberapa masalah terhadap pertumbuhan dan pembangunan negara. Ini memerlukan pelaksanaan langkah-langkah yang boleh membawa kepada kestabilan dan penyesuaian struktur bagi mengatasi kesan-kesan kemelesetan ekonomi antarabangsa. Salah satu langkah yang dikenalpasti ialah melaksanakan Dasar Pertanian Negara yang membolehkan pendapatan dari pertanian mencapai tahap maksimum melalui penambahan daya pengeluaran dan peningkatan eksport tanaman tradisi seperti getah dan kelapa sawit, pembangunan tanaman yang berpotensi untuk dieksport serta meluaskan tanaman untuk makanan dan komersial. Bagi mengatasi masalah pendapatan dan produktiviti yang rendah serta

kekurangan tenaga kerja di sektor luar bandar pendekatan yang diambil ialah untuk menjalankan aktiviti pertanian secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ekonomi 1985/1986 menunjukkan permintaan luar negeri bagi barangan Malaysia dijangka tidak akan bertambah dengan pesatnya pada tahun 1986. Ini berasaskan bahawa ekonomi negara-negara perindustrian yang merupakan rakan-rakan perdagangan utama Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang perlahan sahaja. Tambahan pula halangan-halangan perdagangan baru yang mungkin dikenakan oleh negara-negara maju. Pasaran eksport Malaysia juga mungkin terjejas dengan wujudnya lebih banyak lagi pengeluar-pengeluar di rantau ini yang boleh menghasilkan barangan utama dan perkilangan dengan kos yang lebih rendah dari Malaysia. Selain daripada menghadapi masalah-masalah pemasaran negara masih banyak mengimport bahan-bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang wujud jika dibiarkan akan mengurangkan pertumbuhan ekonomi terutamanya di sektor pertanian. Oleh itu, dasar yang lebih berkesan perlu dirangka oleh negara. Langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan menambahkan penglibatan sektor swasta. Penglibatan swasta terutamanya dari luar negeri akan dapat mengatasi atau mengurangkan masalah-masalah pemasaran dan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan iklim pelaburan yang baik segala sekatan-sekatan yang boleh menghalang atau melambatkan pelaksanaan hendaklah dikaji semula. Salah satunya ialah sekatan-sekatan pemilikan tanah. Dalam konteks itulah saya kemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986 ini. Rang Undang-undang ini mengandungi empat Fasal yakni Fasal 1 hingga 4. Perkara-perkara penting yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut:

*Fasal 1* yang menerangkan tajuk dan pemakaian Rang Undang-undang yang dicadangkan.

*Fasal 2* membuang syarat yang menghendaki Kerajaan-kerajaan Negeri mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) apabila melupuskan tanah di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

*Fasal 3* ialah memotong kesemua Bahagian Tiga Puluh Tiga (A), iaitu Seksyen-seksyen 433A, 433B, 433C, 433D dan 433E Kanun Tanah Negara. Bahagian ini ialah bahagian yang menyekat perolehan-perolehan tanah oleh warganegara asing dan syarikat-syarikat asing.

*Fasal 4* iaitu meminda Seksyen 436A Kanun Tanah Negara bagi menghendaki badan-badan yang memiliki tanah memberi kenyataan apabila mengisi borang di bawah Jadual Pertama mengikut pengenalan di bawah undang-undang masing-masing. Ini bererti keperluan untuk menyatakan sama ada sesebuah badan itu asing atau tidak mengikut takrif yang dibuat di bawah Seksyen 433A Kanun Tanah Negara diganti dengan cara pengenalan yang lebih senang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya tegaskan di sini bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu tidak sekali-kali mengurangkan kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dalam urusan tanah. Kuasa yang sedia ada di bawah Kanun Tanah Negara yang telah berjalan hampir 20 tahun itu

adalah kekal seperti yang ada sekarang. Pindaan yang dicadangkan ialah untuk memotong bahagian baru yang telah diwujudkan melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 yang lalu. Dengan pemotongan ini sekatan perolehan tanah oleh warganegara asing dan syarikat asing tidak lagi dikenakan iaitu seperti keadaan yang wujud sebelum pindaan tersebut berkuatkuasa. Dalam hubungan ini sukalah saya mengingatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya berhati-hati dalam menggunakan budibicaranya untuk memilih bakal-bakal pelabur asing yang akan membuat pelaburan di negeri masing-masing supaya semangat dan hasrat pindaan ini sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, atas pertimbangan-pertimbangan itu, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Aion binti Ariffin.

6.11 ptg.

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana dibenarkan untuk mengambil bahagian sama dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara di mana saya sebenarnya menyokong pindaan ini dengan beberapa pandangan-pandangan dan juga beberapa teguran-teguran yang saya harap sudi diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat faham bahawa pindaan kepada Undang-undang ini adalah bertujuan seperti yang disebutkan dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebentar tadi. Kita juga memahami hasrat Kerajaan yang berlandaskan kepada hasrat rakyat di mana dengan meminda Akta yang berkenaan, kita akan dapat membuat satu tarikan kepada pelabur-pelabur asing supaya melabur di negara kita bagi kepentingan rakyat dan negara yang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi.

Kita juga faham tujuan baik Kerajaan bahawa dengan kemudahan-kemudahan begini pelabur-pelabur asing akan sudi dan akan segera menyahut seruan kita dan akan melabur serta mendirikan kilang-kilang atau syarikat-syarikatnya di mana ianya boleh memberikan peluang bukan sahaja dalam masalah meninggikan hasil mahsul negara ini, juga akan dapat memberikan pekerjaan kepada penganggur-penganggur yang terdiri daripada rakyat dalam negara kita. Dan kita faham juga bahawa ada sekatan-sekatan dalam Akta ini yang diperbuat khas mengelakkan daripada eksploitasi tanah ataupun monopoli tanah atau harta yang mungkin akan membawa kepada satu lagi penjajahan yang kita takuti iaitu penjajahan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku sebelum tahun 1970an, cerita "wang panas", di mana pada ketika itu rakyat negeri ini sebahagian besar telah tidak senang dengan beberapa eksploitasi dan beberapa perkembangan-perkembangan rakyat negara asing, syarikat negara asing, ingin memiliki tanah, harta dan juga membuat perdagangan-perdagangan untuk kepentingan mereka lebihnya di negara kita. Dan pada ketika itu kita telah banyak menyuarakan rasa sangsi

kita kepada eksploitasi tanah yang akan membawa kepada penjajahan ekonomi pula nantinya kepada negara kita, tetapi zaman telah berubah, masa telah beredar dan kita telah lebih matang berfikir dan kita telah dapat mengenalpasti masalah-masalah ekonomi, sosial dan juga kepentingan rakyat jelata. Saya percaya bahawa Undang-undang ini dipinda setelah diteliti dari segala aspek dipertimbangkan dengan semasak-masaknya dan mempunyai unsur-unsur positif demi untuk negara dan rakyat, demi untuk meninggikan taraf ekonomi negara kita, demi mencari jalan keluar kepada kemelesetan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, hanya kita ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada Kerajaan tidakkah nanti akan berlaku sesuatu yang akan meninggalkan kesan yang pahit kepada rakyat di negara kita ini. Umpamanya kita tadi menyebut bahawa hanya tanah-tanah yang telah dikategorikan kepada industri dan juga pembangunan sahaja yang boleh diberikan hak milik dan boleh diberikan kemudahan kepada pedagang asing, pelabur asing atau syarikat asing, tetapi tidak tanah pertanian. Bagaimana kalau sekiranya tanah pertanian itu nanti diconvertkan atau ditukarkan keadaan atau kedudukannya daripada pertanian kepada industri kerana ini ada liku-liku boleh dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, banyak berlaku di negeri-negeri, tanah-tanah yang sepatutnya tidak boleh ditukarkan kepada kawasan perindustrian dan pembangunan telah ditukar dan kemudian ini telah merugikan beberapa aspek bukan sahaja kepada tuanpunya tanah, kepada kedudukan keadaan perimbangan, sosial, masyarakat tetapi juga kepada perkembangan politik. Kita bimbang kalau-kalau ini nampaknya tidak ada ditunjukkan di

dalam Akta ini jaminan bahawa kawasan yang berkenaan boleh atau tidak ditukarkan kerana ianya diserahkan kuasanya kepada negeri-negeri.

Kita sama sekali tidak bersikap prejudis atau prasangka kepada negeri-negeri, pemimpin di negeri-negeri kerana mereka juga tahu memikirkan buruk baik untuk negerinya dan untuk rakyat dalam negerinya dan untuk tujuan-tujuan kebangsaan tetapi ini sudah berlaku, pernah berlaku. Saya bimbang kalau ini pula nanti akan terus berlaku dengan adanya Akta yang demikian kerana kata pepatah Melayu, "lulus jarum lulus kelindan", Tuan Yang di-Pertua.

Saya merasakan biarlah ada sesuatu jaminan dalam Akta ini hendaknya atau dengan lain-lain saranan ataupun tekanan dibuat supaya tanah-tanah yang berbentuk pertanian yang ada pada ketika ini tidak ditukarkan atau dengan cara halus, atau cara-cara tertentu ditukarkan kepada kawasan industri dan kawasan pembangunan. Dan ini mungkin akan menjejaskan hak milik anak negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahulah seperti cerita malang Pak Kaduk. Ayamnya menang tetapi kampungnya tergadai. Dia menang sorak tetapi dia kalah bersabung. Biarlah hendaknya kita bersabung, ayam kita menang, Pak Kaduk dapat nikmat dari kemenangan itu dan kampung kita tidak tergadai. Jadi, seperti menarik rambut dalam tepung, rambutnya tidak putus, tepung tidak berserak. Maksudnya matlamat akan tercapai tanpa merugikan mana-mana pihak terutamanya hak asasi rakyat di negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan beberapa perkara-perkara yang boleh membawa kepada sesuatu perkembangan yang kurang sihat generasi kita akan datang bersabit dengan Akta ini dapat

dikenalpasti, diawasi dan diberikan jaminan-jaminan tertentu.

Sesungguhnya saya merasakan Akta ini telah pun ditapis terlebih dahulu, dan difikirkan semasak-masaknya akan untung rugi, biarlah kita untung seguni, rugi sekarung, tetapi jangan untung sekarung, rugi seguni.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan besar kepada pemimpin-pemimpin negara yang kita yakin dan memang kita tahu pemimpin kita sentiasa menyedari inspirasi citarasa negara dan rakyat maka saya dengan ini sekali lagi menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

*6.18 ptg.*

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil peluang untuk sama-sama membahaskan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara yang baru sebentar dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham hasrat Kerajaan untuk menambahkan pelabur-pelabur asing di dalam kita hendak menyusun semula kelembapan ekonomi kita supaya pemodal-pemodal luar dapat memainkan peranan di dalam menambahkan kemajuan di dalam negara kita. Dan saya yakin kepada pihak Kerajaan yang membawa Rang Undang-undang ini ke dalam Dewan ini untuk meminta diluluskan setelah mendengar pandangan-pandangan dan kritikan-kritikan daripada Ahli-ahli Dewan ini nanti.

Maka saya mengingatkan kepada pihak Kerajaan kerana tanah inilah satu-satunya hak kita, warisan daripada datuk, nenek, moyang kita yang sepatutnya kita jaga dan kita kawal rapi supaya tidak terlepas ke tangan orang lain. Peristiwa BBC, tanah yang diserahkan kepada BBC di Pelintung, Johor. Peristiwa sebuah bukit di Kuala Lumpur ini, Bukit Carcosa. Ini merupakan secebis daripada sejarah pahit kita bangsa Malaysia yang merdeka ini, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Kerajaan meminda Kanun Tanah Negara, Seksyen 433 A, B, C, D dan E, kemudian membuat Akta baru yang mana syarikat asing atau pelabur asing, warganegara asing boleh memiliki tanah-tanah industri, saya teringat kepada bagaimana pedagang asing, pemodal asing tahun 1507 datang ke Melaka untuk mengukur sebidang tanah dengan belulang kerbau yang akhirnya terbinalah di situ satu kota yang kukuh yang dipanggil La Famosa. Ini juga menjadi sejarah kepada bangsa kita.

Sebelum itu, adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa ladang-ladang besar di dalam negara kita yang dimiliki oleh pemodal asing dahulu iaitu ladang-ladang getah, ladang-ladang kelapa sawit yang bertabur dalam negara kita ini, dia mengukur ladang itu tak betul, dia mengukur ladang dia daripada bukit utara ke bukit selatan, daripada tepi anak sungai sebelah sana membawa ke anak sungai sebelah sini. Itulah kawasan ladang dia dan dia membayar cukai dengan cukai yang murah dengan ukuran tak betul. Ini terbukti di Pulau Carrey, apabila Kerajaan Selangor membuat ukuran balik semula bahawa ladang ini telah menanam tanah yang sepatutnya milik rakyat, beribu-ribu ekar.

Jadi, apabila kita sudah merdeka macam ini dan ladang itu kebetulan pula sudah diambilalih oleh PNB, maka sebahagian daripada tanah yang

telah diusahakan oleh kompeni itu tadi terpaksa diambil semula oleh Kerajaan Negeri dan dibagikan kepada rakyat yang lapar tanah. Begitu juga kepada beberapa buah ladang yang besar-besar. Katalah Tanah Merah Estate yang daripada Lukut sampai sempadan negeri Selangor di Sungai Sepang. Adakah ukurannya betul? Mungkin ada beberapa lagi anak bukit yang tidak termasuk di dalam ukuran ladang itu, tetapi telah diusahakan berpuluh-puluh tahun, yang sepatutnya tanah itu adalah kepunyaan rakyat sebagai kawasan pertanian. Begitu juga di Johor sepanjang-panjang jalan daripada Gemas sampai ke Kulai, ladang-ladang yang besar adakah ini telah dikaji selidik ukuran ladang-ladang itu betul, tidak melibatkan tanah-tanah yang sepatutnya diberikan kepada rakyat?

Saya juga minta kepada Kerajaan apabila kita luluskan Akta ini di mana warganegara asing dan syarikat asing boleh memiliki tanah supaya diukur betul-betul. Jangan sampai nanti dalam ukuran 10 kaki persegi tetapi dipancang untuk dia 15 kaki persegi, misalannya begitu. Kalau lebih luas, tentulah lebih banyak kita rugi. Saya memberi peringatan kepada Kerajaan, apabila syarikat-syarikat asing atau warganegara asing membina industri-industri mereka hendaklah kita beri syarat supaya mereka mesti mengambil pekerja-pekerja daripada warganegara kita daripada pekerjaan yang serendah-rendahnya sehingga dilatih warganegara kita boleh bekerja dan memegang jawatan yang setinggi-tingginya.

Selain daripada itu, saya faham untuk melaksanakan Dasar Pertanian Negara tadi selama ini kita berpegang kepada komoditi utama kita—getah dan kelapa sawit. Jadi bagaimana industri-industri warganegara asing atau syarikat asing tadi kerana mereka akan ditumpukan kepada tanah-tanah

atau kawasan industri. Pada saya ada baiknya di mana-mana tanah yang telah Kerajaan peruntukkan kepada kawasan industri supaya itu diberikan kepada syarikat-syarikat atau warganegara asing tadi untuk mengisi kekosongan di situ tetapi tidak diberi milik sepenuhnya.

Misalnya saya contohkan di Pekan Banting di Kuala Langat telah diperuntukkan satu kawasan hampir 200 ekar untuk industri tetapi sehingga sekarang tidak ada satu kilang pun bangun di situ. Barangkali syarikat asing tidak layak hendak berniaga hendak buka kilang di Banting, tetapi berapa jauh sangat daripada Banting pergi ke Selat Klang Utara? Pada hari ini kita pun tengok semua trailer, semua tanker yang datang daripada selatan pun melalui Banting juga, hendak pergi ke Selat Klang Utara.

Jadi, ini menunjukkan bahawa potensi di Banting itu satu masa nanti akan menjadi satu kawasan industri kerana di Banting juga, daerah Kuala Langat sekarang sudah mempunyai kilang-kilang kelapa sawit, bukan lagi 8 buah malahan berbelas-belas buah kilang sekarang ini sehingga dibina di tengah-tengah kampung, sehingga orang-orang kampung tak tahan lagi hendak cium bau busuk, buangan daripada kilang kelapa sawit itu.

Ini kita kena fikir bahawa nanti apabila syarikat asing masuk ke kawasan-kawasan industri, rakyat tidak akan mengungkit seperti mana yang berlaku di Batu Belah, di Padang Jawa, di Bukit Kuda, dan di Jalan Kapar, orang tak boleh tidur, lauk-lauk kena debu, bau busuk dan lalat mengurung. Ini semua kita kena fikirkan. Barangkali Kerajaan nanti akan menentukan kilang industri yang hendak diberikan kepada syarikat warganegara asing tadi, kilang-kilang yang baik yang tidak akan mengeluarkan asap, tidak akan mengeluarkan debu dan sebagainya.

Saya menyokong penuh Akta ini di mana syarikat warganegara asing tidak dibolehkan memiliki tanah pertanian. Ini saya setuju dan saya menyokong penuh dan juga warganegara asing tidak dibolehkan untuk menerima lelongan atau gadaian mana-mana tanah mengikut beberapa Akta yang disebutkan tadi. Ini adalah sebaik-baiknya kerana kita takut apabila berlaku lelongan dan gadaian macam cerita satu masa pernah kita bahaskan dalam Dewan ini bahawa Kerajaan akan menebus tanah-tanah pekebun kecil bumiputera yang sudah tergadai sekian puluh tahun, entah apa cerita sampai sekarang kita tak tahu. Saya minta Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengambil perhatian semula tentang tanah-tanah yang tergadai yang satu masa kita pernah bincang di dalam Dewan ini apabila kita membahaskan untuk meminda Kanun Tanah Negara beberapa masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong satu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara untuk diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

6.28 *ptg.*

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian dalam menyokong bagi Dewan ini menerima Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara Yang Berhormat Ustaz Shaharom sebentar tadi, tanah ialah sesuatu yang membawa sentimen dan sensitif kepada sesuatu bangsa tak terkecuali bangsa di Malaysia ini, lebih-lebih lagi bangsa Melayu kerana tanah dimengertikan dengan nama ibu pertiwi dan tanah ialah merupai warisan pusaka mutlak kepada sesuatu

bangsa. Sebab itulah orang-orang Melayu banyak meninggalkan peribahasa dan madah berkait di dalam masalah tanah yang mana hari ini peribahasa dan madah ini telah pun menjadi peribahasa dan madah bangsa Malaysia.

Pernah disebut di dalam madah orang-orang tua-tua bangsa Melayu dan hari ini telah diterima sebagai bangsa Malaysia, jangan menang sorak kampung tergadai. Satu ingatan yang dipesan daripada satu generasi kepada satu generasi, daripada seorang kepada seorang, mengingatkan betapa pentingnya ibu pertiwi ini kepada setiap individu rakyat.

Ada lagi Madah yang ditinggalkan dan Peribahasa yang ditinggalkan, "Hujan emas di negeri orang, hujan lembing di negeri sendiri", maka negeri sendiri juga menjadi pilihan dan tempat yang diterima akhirnya. Sumpah pada orang Melayu, dan hari ini telah menjadi sumpah kepada bangsa Malaysia, "Bangsa Malaysia tidak rela melihat Ibu Pertiwinya diancam orang". Sebab itu mereka lebih rela berputih tulang daripada berputih mata.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sumpah bangsa Malaysia yang dipegang oleh setiap individu bangsa Malaysia—lelaki, wanita, tua, muda, bahawa setiap perinci bumi Malaysia ini diwarisi dan diamanahkan kepada mereka, sebab itu mereka berpegang kepada Madah dan Sumpah ini mempertahankan setiap perinci bumi pusaka ini, walaupun sehingga ketitisan darah yang terakhir. Demikian sensitifnya, sentimennya bangsa Malaysia ini kepada ibu pertiwi atau kepada bumi atau kepada tanahnya.

Di dalam sejarah yang pernah berlaku kepada bangsa tercatat di

dalam sejarah hitam bangsa Malaysia, ia itulah peristiwa Belanda mengambil tanah. Walaupun perkara ini berlaku hanya di sekitar bumi Melaka, tetapi akibatnya 446 tahun bangsa Melayu khususnya dan seluruh bangsa Malaysia amnya, menanggung penderitaan sehingga menyebabkan nyaris-nyaris maruah tergadai sehingga bangsa Malaysia hampir-hampir menjadi pedagang di dalam negaranya sendiri, sehingga bangsa Malaysia menjadi hampir-hampir papa kedana di tengah-tengah kekayaan warisan yang ditinggal kepada mereka oleh datuk nenek kita, sedangkan segala kekayaan diangkut, dipungkah ke tempat yang lain. Ini semua memberi peringatan dan pengajaran, garis-garis batasan yang harus menjadi ingatan menjadi suatu petunjuk, menjadi satu amaran kepada kita bagi menjaga warisan tanah kita. Tetapi apakah daya kerana kita akan menjadi satu bangsa yang ketinggalan zaman jika kita tidak mahu mengakui hakikat yang nyata. Oleh kerana menyedari hakikat apa yang sedang melanda dunia pada hari ini, sehingga membawakan kepada negara kita ini, inspirasi daripada inilah yang menyebabkan kita terpaksa bertindak walaupun barangkali di dalam keadaan dan di dalam sesuatu yang tidak sebenar-benar dikehendaki oleh kita dengan sewenang-wenangnya.

Apatah lagi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hukum Islam sendiri pun yang mana agama Islam menjadi agama negara ini pernah berlaku yang haram diperhalalkan kerana sesuatu sebab yang tiada pilihan. Pernah berlaku yang dilarang terpaksa dilakukan kerana sesuatu sebab pembalasan untuk memberi kebaikan. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, ada makanan yang haram diperhalalkan oleh Islam bagi menyelamatkan jiwa dan nyawa pemakan itu. Pembubuh yang ditegah, yang dilarang oleh Islam, tetapi berlaku di dalam Islam sendiri bagi

menimpalkan pembalasan untuk kebaikan yang lebih daripada yang menanggung, menerimanya. Akibat daripada ini, menyedari hakikat ini, kita pun terpaksa mengakui apa yang sedang berlaku di dalam negara kita.

Dunia sedang dilanda kemerosotan ekonomi. Negara kita telah cuba seberapa daya untuk mengelakkannya tetapi ternyata tidak ada upaya di mana-mana dunia sekalipun, termasuklah negara kita terpaksa menghadapinya. Sudah terang kepada kita sekarang, dalam soal kemerosotan ekonomi, ibarat kalau bercakap di dalam bahasa sasteranya, "Mega mendung yang hitam telah mengkelamkan keadaan cuaca, angin bukan sahaja bertiup sepoi-sepoi bahasa tetapi ribut telah melanda, halilintar membelah bumi, ternyata hujan akan turun, malangnya kepada kita kalau kita tidak menyediakan payung sebelum hujan". Inspirasi daripada keinsafan inilah saya percaya bagi pihak Kerajaan mengemukakan Akta (Pindaan) Kanun Tanah Negara ini bagi menyelamatkan keadaan yang sedang menimpa negara ini terutama di bidang ekonominya, maka terpaksa sesuatu yang tidak begitu galak dilakukan. Kita melakukannya kerana tidak ada jalan lain dan tidak ada pilihan yang lain untuk memberi perimbangan balik di dalam masalah kemerosotan ekonomi inilah maka jalan-jalan telah dicari, di antara cara yang dicarinya ialah untuk menggalakkan penanaman modal dari luar negeri ke dalam negara kita ini.

Kita seperti orang lain juga, takkan kita hendak pergi tanam modal ke negeri orang kalau hak-hak kita tidak terjamin, demikian juga mereka. Maka menyedari hakikat diri kita dan diri orang inilah, maka Akta ini terpaksa dibawa ke Parlimen dan dibawa lagi ke Dewan Negara pada petang yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dilemma yang kita hadapi hendak bertegas kepada

pesan dan mudah supaya kita jangan dianggap sebagai orang yang tidak membuang baka. Kita sudah nampak masalah yang kita hadapi, tidak berani menghadapi kenyataan bagi menyokong pindaan ini, kita takut kita dikatakan orang-orang yang begitu bengap, sudah tahu hendak hujan, payung tidak disediakan. Maka saya percaya pindaan ini seolah-olah diperingatkan menyediakan payung sebelum hujan, cuba menyelamatkan landaan kemerosotan ekonomi yang ditanggung begitu berat oleh rakyat kita supaya tidak lebih tenat lagi jalan yang dicari bagi menyelamatkannya. Atas asas inilah, saya bangun menyokong Akta (Pindaan) Kanun Tanah Negara 1986 ini.

Cuma satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan lagi kepada pihak Menteri yang berkenaan diakui oleh kita semua bangsa Malaysia sejak daripada mula kelahiran kita, sesungguhnya walaupun sejarah ada mencatatkan hak-hak tertentu kepada sesuatu kaum yang tertentu, tetapi lahir sudah satu bangsa Malaysia yang berlandaskan daripada masyarakat majmuk yang ada di negara ini. Bangsa asal mengakui majmuk yang ada dan menerima pengujudan bangsa Malaysia yang lahir pada hari ini. Bangsa Malaysia hari ini mengakui hak-hak sebagaimana yang telah terkanun di dalam Kanun Tanah Negara, khususnya dalam masalah tanah.

Kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sudah begitu lama meninggalkan soal tanah, di dalam Seksyen 13A Kanun Tanah Negara ada tercatat soal tanah-tanah simpanan Melayu. Saya tidak hendak membuta-tuli mempertahankan hak ini, tetapi mohon keadilan agar apa yang telah tercatat dalam Kanun ini tidak dipersia-siakan, persetujuan yang telah diterima oleh semua golongan bangsa Malaysia ini tidak

dipersia-siakan dan sudah lumrah diperkatakan soal tanah rezab Melayu ini sehingga ketika-ketika tertentu, di tempat-tempat tertentu menimbulkan satu perasaan tanda tanya apakah ada sikap perbezaan ataupun hak-hak keistimewaan di antara suatu golongan dengan golongan yang lain. Saya kira perkara ini tidak perlu dipersoalkan lagi kerana kita semua sudah pun menerima di atas landasan tolak-ansur, toleransi, di atas perasaan hormat-menghormati bagi melahirkan perasaan harmoni yang kita kehendaki.

Namun demikian, banyak sudah tanah-tanah di bawah Seksyen ini saya kira tidak lagi seindah dan segagah diperkatakan. Kalau dahulu disebut soal tanah simpanan Melayu, maka tergambarlah kepada bukan sahaja masyarakat di luar negeri bahkan masyarakat kita sendiri betapa kawasan-kawasan tertentu yang telah diperuntukkan kepada satu kaum. Tetapi sebentar tadi pun telah diperbincangkan semasa Soal-Jawab Mulut mengenai masalah pembayaran balik kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Jawabnya, masalah pembangunan FELDA tak perlu dibayar balik kerana biasanya diambil tanah Kerajaan dan FELDA tidak pernah mengambil tanah-tanah persendirian.

Saya bukan hendak memperhitungkan soal pembayaran balik dengan secara nilai kewangan, tetapi pembayaran balik dari segi hak. Tanah-tanah yang terletak di bawah Seksyen 13A Kanun Tanah Negara atau dengan kata lain, tanah-tanah di bawah rezab Melayu sudah banyak diambil dan dipinda dengan secara langsung dan tidak langsung sehingga menjadi terkeluar daripada hak asalnya sebagai tanah rezab Melayu. Umpamanya, tanah ini diambil membuat jalan; jalan yang dibuat melalui tanah ini bukan sahaja jalan yang diperuntukkan kepada orang

Melayu tetapi jalan diperuntukkan kepada semua. Ambil tanah dibuat sekolah; sekolah ini bukan sahaja diperuntukkan kepada orang Melayu tetapi untuk semua. Ambil tanah rezab Melayu dibuat hospital; hospital ini bukan sahaja diperuntukkan kepada orang Melayu tetapi untuk semua. Demikianlah seterusnya, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan secara langsung dan tidak langsung tanah rezab Melayu ini sudah beransur kurang, sebaliknya dengan secara tak langsung sudah dipinda tanpa dicatatkan pindaannya dengan secara rasmi daripada rezab Melayu terkeluar kepada tidak lagi menjadi rezab Melayu.

Saya ingatkan, andainya ada tanah seperti di bawah rezab Melayu ini ditakdirkan akan terbabit dengan pindaan ini, akan terlibat dengan pindaan Akta ini bagi kepentingan sesuatu, saya tidak menentang pelaksanaannya, cuma saya harap bagi pihak Kerajaan mengambil ingatan, tolong ganti. Jika 100 ekar tanah rezab Melayu ini diambil untuk membangunkan industri bagi menyambut kedatangan penanaman modal daripada luar negeri, tolonglah ganti, cari 100 ekar tanah yang berasal daripada di luar rezab Melayu dan diletakkan ke dalam tanda rezab Melayu kerana saya bimbang, saya takut, akibah soal rezab Melayu ini akhirnya akan tinggal nama sahaja, sedangkan kawasannya sudah tidak ada lagi.

Sebab itulah saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dengan secara disedari perpindahan akan berlaku, dengan secara tidak disedari haknya akan hilang. Sebab itulah saya mengutarakan pada awal-awal lagi di dalam peribahasa Melayu soal "Belanda mengambil tanah", saya takut dengan kejadian ini akibahnya akan terjadi kepada hak-hak yang telah diperuntukkan kepada Melayu ini. Tetapi percayalah Melayu tidak

akan menentang sekalipun hak ini diperuntukkan, asalkan sampai matlamat yang dikehendaki oleh Akta ini bagi mengatasi kemerosotan ekonomi negara yang ditanggung oleh bangsa hari ini untuk dilaksanakan. Cuma saya ingatkan sekali lagi, jika tahu mengambilnya, tolonglah tahu menggantinya, walaupun tak hendak bayarkan.

Saya rasa itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi demi sesungguhnya untuk menyelamatkan bangsa Malaysia dan untuk membanteras dan membendung sekurang-kurangnya perlandaan kemerosotan ekonomi di negara ini. Atas asas ini, dengan penuh rela, saya percaya sebahagian besar rakyat Malaysia ini bersama-sama dengan saya, walaupun terpaksa diperkatakan "menelan pahit dibuang sayang", saya menyokong pindaan Kanun Tanah Negara 1986 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Dipersilakan Yang Berhormat Lt. Kol. Abdul Hamid.

6.48 ptg.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mohon izin untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, ada satu perkara yang merunsingkan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa dengan pindaan ini maka warganegara-warganegara dan syarikat-syarikat asing boleh memiliki tanah untuk bangunan di mana-mana sahaja, asalkan ianya diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Pada pendapat saya, peruntukan ini adalah sangat luas dan saya khuatir

ianya boleh mewujudkan masalah-masalah keselamatan. Umpamanya, tanah-tanah ataupun rumah-rumah itu boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak diingini, terutama sekali jikalau harta-harta itu terletak berdekatan dengan kawasan-kawasan keselamatan ataupun kawasan-kawasan strategik dari segi ekonomi ataupun pertahanan. Oleh yang demikian, saya meminta supaya Kerajaan Pusat memberi nasihat yang wajar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri jikalau nasihat ini belum diberi lagi supaya perkara-perkara yang tidak diingini ini tidak akan berlaku.

Sekianlah sahaja pandangan saya di atas Rang Undang-undang ini dan sekali lagi saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jika tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap—ada? Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah.

6.50 ptg.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan sebanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas dalam suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah sesuatu yang paling berharga dan di dalam saat-saat ekonomi kita menghadapi kelembapan, saya berasa ragu-ragu, walaupun saya bangun menyokong cadangan ini, tetapi saya berasa ragu bahawa di dalam keadaan ekonomi kita yang merosot, kemungkinan ada syarikat-syarikat asing ataupun warganegara-warganegara asing yang mengambil kesempatan dan peluang yang mana kemungkinan akan menyusahkan rakyat kita sendiri sekiranya kita membuka pintu dengan begitu luas sekali kepada kemasukan syarikat-syarikat asing ke dalam negara kita

bagi tujuan untuk melabur, membangun negara kita sendiri, sedangkan di dalam pembangunan itu sendiri kita yakin dan percaya kalau mereka itu yang dapat mengaut keuntungan pasti mereka tidak akan ke mari dan kita takut kita tidak mendapat kuah, mereka itu membawa isinya balik ke negara mereka sendiri.

Walaupun kita yakin dan percaya di dalam saat memulihkan ekonomi negara, kita terpaksa kembali kepada tanah sepertimana yang dihadapi oleh Amerika Syarikat pada tahun-tahun 30an dahulu, semasa mereka dilanda kemerosotan ekonomi, mereka kembali kepada pertanian dan hari ini di dalam kita ingin mewujudkan satu pembangunan pertanian yang sewajarnya, maka kita akan meluluskan satu Akta yang membenarkan warganegara asing memiliki tanah-tanah yang kita rasa satu harta yang ada pada kita. Inilah satu-satunya yang masih tinggal wujud kepada kita sendiri. Apa yang saya rasa ragu ialah mengharapkan kepada penelitian dan kajian tertentu kepada pemberian-pemberian tanah kepada syarikat-syarikat asing, mudah-mudahan tidak terlibat dengan apa yang ada hari ini, berilah kawasan-kawasan yang masih tidak didiami ataupun berilah peruntukan-peruntukan kepada mana-mana tempat yang masih luas lagi, jangan cuba kita menyusahkan penduduk kita di Malaysia atau jangan kita menyusahkan rakyat kita dengan memberi bahagian-bahagian tanah yang masih ada berhampiran dengan mereka, ataupun yang telah didiami, ataupun yang telah diterokai, sebolehnya pemilikan tanah itu mestilah yang masih ada di dalam tangan Kerajaan sendiri.

Inilah saya bangun menyokong Akta ini dengan satu ingatan supaya di dalam kita mengusaha untuk membangun rakyat, untuk membangun negara, memberi

kemudahan kepada rakyat, janganlah kita lupa bahawa dengan memberi peluang-peluang kepada berhampiran dengan pembangunan yang sedia asal akan menyulitkan keadaan dan menyusahkan rakyat sendiri.

Itulah sahaja, mudah-mudahan dengan penjelasan ini segala pengawasan mestilah diikuti seterusnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan yang mulia ini untuk sementara waktu dan Dewan ini akan bersidang semula pada jam 7.20 malam.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 6.54 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.20 malam.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Dipersilakan.

*7.21 mlm.*

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih serta penuh penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara yang dibentangkan pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian adalah

Yang Berhormat Senator-senator Puan Ainon Ariffin, Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, Tuan Haji Hussein bin Ahmad, Lt. Kol. Abdul Hamid Ibrahim dan Puan Rogayah binti Che Mat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini pada hakikatnya ialah untuk mengembalikan kepada keadaan asalnya yakni keadaan sebelum pindaan ini dibuat pada tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diperkatakan sekejap tadi negara kita ini dilanda oleh kemelesetan ekonomi, tugas kita satu-satunya ialah berikhtiar untuk memulihkan kelembapan ekonomi negara demi memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada rakyat jelata.

Pada masa ini negara mengimport bahan makanan yang nilainya tidak kurang dari \$3 billion setahun. Ini merupakan satu angka yang besar. Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai tanah dan kita perlu mengambil inisiatif untuk menarik warganegara asing dan syarikat-syarikat asing ke negara kita. Kita tidak boleh berpeluk tubuh dan bersikap tunggu dan lihat.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, sebarang usaha ke arah penggunaan tanah bagi maksud pertanian secara besar-besaran, berkeupayaan atau berpotensi mengurangkan pengimportan bahan-bahan makanan di samping membuka peluang-peluang pekerjaan serta meringan atau mengendurkan bebanan yang dipikul oleh rakyat hasil dari harga makanan yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin telah membangkitkan soal wang panas. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita mempunyai kawalan-kawalan yang tertentu. Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengawal pemilikan tanah oleh warganegara asing dan

syarikat asing ialah melalui cara-cara pentadbiran yang berikut:

- (1) Pelupusan tanah;
- (2) Urusniaga;
- (3) Pembangunan tanah.

Dalam soal pelupusan tanah, di bawah Seksyen 42 Kanun Tanah Negara, kuasa melupuskan tanah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada sama ada orang perseorangan, Kerajaan atau badan-badan yang dibenarkan oleh undang-undang memiliki tanah di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Keputusan untuk melulus atau menolak satu-satu permohonan memiliki tanah adalah kuasa mutlak Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu Pihak Berkuasa Negeri berhak menapis dan meneliti satu-satu permohonan sebelum sebarang keputusan dibuat.

Sekiranya, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu permohonan diluluskan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan jenis kegunaan tanah, dan syarat-syarat semasa pelupusan tanah. Di bawah Seksyen 76D kalau kita lihat kepada Kanun Tanah Negara kita, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan salah satu jenis kegunaan tanah seperti pertanian, bangunan atau industri.

Jika pemilikan tanah tidak mematuhi jenis-jenis kegunaan tanah, maka berlakulah pelanggaran syarat dan tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 127 ataupun Seksyen 128 ataupun Seksyen 129 Kanun Tanah Negara. Seksyen 129 Kanun Tanah Negara itu, Tuan Yang di-Pertua, membawa tindakan "forfeiture", dalam bahasa Inggeris dengan izin, atau perampasan. Pihak Berkuasa Negeri boleh juga mengenakan syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang sesuai; sekatan

kepentingan dan syarat nyata dicatat dalam dokumen hak milik. Jika syarat dan sekarang kepentingan ini tidak dilaksanakan maka ianya merupakan pelanggaran syarat dan tindakan sebagaimana yang saya nyatakan sekejap tadi, boleh dibawa di bawah Seksyen 127, 128 dan 129.

Di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan apa-apa syarat nyata dan sekatan kepentingan yang sesuai selagi tidak bercanggah dengan kuasa undang-undang semasa melupuskan tanah. Pada amnya sekatan-sekatan kepentingan adalah merupakan larangan atau perkara-perkara yang perlu dipatuhi apabila sesuatu urusan hendak dijalankan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Kanun Tanah Negara syarat-syarat terbahagi kepada dua:

- (i) Syarat-syarat Nyata dan
- (ii) Syarat-syarat Tersirat ataupun Syarat-syarat Tetap (Implied Conditions).

Syarat Nyata ialah syarat yang menghendaki pemilik tanah membuat atau memberhentikan dari membuat apa-apa perbuatan sepanjang tempoh di mana tanah itu diberi milik atau untuk selama mana tempoh itu belum tamat. Ianya dicatat di atas hakmilik.

Syarat tersirat (implied condition) ialah syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara ianya tidak dicatatkan dalam hakmilik. Walaupun syarat tetap atau syarat tersirat tidak dicatatkan di atas dokumen hakmilik, ianya mesti dipatuhi. Syarat-syarat tersebut dikenakan di bawah seksyen 115 (1) bagi pertanian, seksyen 166 (1) bangunan, seksyen 117 (1) untuk industri. Inilah satu-satunya langkah yang kita ambil untuk mengendalikan kawalan kita. Dan yang kedua, dari

segi urusanniaga. Termasuk dalam aktiviti urusanniaga ialah pindah milik, pajakan dan gadaian. Jika tanah berkenaan mempunyai sekatan kepentingan maka pihak berkuasa negeri boleh menguatkuasakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang tercatat pada dokumen hakmilik untuk menapis sesuatu urusanniaga. Begitu juga dalam soal pembangunan tanah. Untuk membangunkan tanah Kanun Tanah Negara membenarkan pemilik tanah memohon untuk tukar syarat di bawah 124 (1), Pecah Sempadan di bawah 135 (1) dan Penyatuan di bawah seksyen 141 dan seksyen 146 (1) Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sebarang permohonan diluluskan untuk urusan-urusan di atas, pemohon adalah perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh Pihakberkuasa Tempatan seperti Majlis Daerah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga lain-lain. Inipun, Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri. Bermakna kata putus berpunca daripada Kerajaan Negeri sendiri.

Berhubung dengan tanah-tanah yang tidak ada syarat-syarat tertentu, khususnya tanah-tanah estet, seksyen 214 memperuntukkan bahawa tanah estet tidak boleh dipindah milik, letakhak (convey) dan apa-apa sahaja pelupusan melainkan setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga Tanah Estet yang ditubuhkan di bawah seksyen 214A (3). Jadi, pihak Lembaga akan membuat pertimbangan yang sesuai sebelum sesuatu permohonan diluluskan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah langkah-langkah yang diambil bagi melaksanakan pengawalan dan pengawasan semoga sesuatu yang tidak diingini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin

sekejap tadi menyentuh atau membangkitkan berlakunya kejadian yang pahit di mana tanah jenis kategori pertanian ditukar syarat kepada kategori industri. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, penukaran syarat hanya dibuat setelah mendapat kelulusan daripada Pihakberkuasa Negeri di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara. Sebelum kelulusan diberi, penelitian yang terperinci dibuat dari berbagai sudut seperti perancangan, polisi, technical, aspect alam sekitar dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom menyentuh sama ada Kerajaan sedar beberapa ladang besar hasil negara ini tidak diukur dengan betul. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang-undang lot kepunyaan seseorang itu adalah sebagaimana yang tercatat di dalam hakmiliknya ataupun dokumen hakmiliknya. Kerajaan Negeri berhak mengambil apa-apa tindakan yang dikirakan perlu. Kalau kita lihat di bawah seksyen 79 (2A) Kanun Tanah Negara; saya pun bawa ini, tetapi hendak cerita panjang sangat, saya siapkan, Kanun Tanah Negara, pelupusan tanah akan menentukan kelulusan tanah yang dilupuskan itu dan pelupusan tanah hanya berkuatkuasa selepas pendaftaran hakmilik sebagaimana tercatat dalam seksyen 178 (3) dalam Akta Kanun Tanah Negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom juga membangkitkan soal katanya ada baiknya kawasan yang diuntukkan kepada industri diletakkan di tempat yang tidak menimbulkan masalah kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan Kerajaan Negeri telah mengadakan kawasan-kawasan perindustrian yang dirancang dengan rapi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussein bin Ahmad menyentuh soal Tanah Rizab Melayu. Tuan Yang di-Pertua, bagi Tanah Rizab Melayu, tanah-tanah tersebut tidak boleh dipindah milik kepada orang-orang yang bukan Melayu. Oleh itu, tidak timbul masalah tanah-tanah orang-orang Melayu berpindah ke tangan orang yang bukan Melayu. Walaupun demikian, sukaiah juga saya nyatakan di sini bahawa pindaan yang dicadangkan tidak berkait sama sekali atau menyentuh Tanah Rizab Melayu yang diperlindungi oleh Perkara 89 Perlembagaan Malaysia dan Ordinan-ordinan Tanah Rizab Melayu negeri masing-masing. Peruntukan-peruntukan yang sesuai dan mencukupi adalah dibekalkan di bawah Undang-undang Perlindungan Tanah Rizab Melayu untuk menggantikan mana-mana Tanah Rizab Melayu yang diambil oleh pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pada hemat saya yang dapat saya sentuh pada petang ini dan mana-mana teguran dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya tiada mempunyai kesempatan untuk menjelaskan satu persatu, maka saya memberi jaminan bawa ianya diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.40 mlm.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terakhir yang dibuat di atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Bank 1973, Akta Bank Islam 1983 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 ialah pada bulan Disember 1985. Pindaan-pindaan berkenaan adalah bertujuan bagi meningkatkan keberkesanan Bank Negara dalam menjamin kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang kukuh. Bagi memperkukuhkan lagi perundangan ke atas industri banking, adalah dicadangkan supaya beberapa pindaan tambahan dibuat kepada Ordinan/Akta berkenaan.

I. PINDAAN YANG DICADANGKAN KE ATAS ORDINAN BANK NEGARA MALAYSIA 1958

(i) *Penubuhan dan Pengurusan Tabung Kebajikan Kakitangan*

Seksyen 15 Ordinan Bank Negara 1958 yang ada sekarang, tidak memberi kuasa kepada Bank Negara memperuntukkan wang daripada kumpulan wang bank untuk pemberian secara langsung dan bantuan kewangan bagi faedah kakitangan (seperti untuk tujuan perubatan dan pelajaran) melainkan melalui pencen atau kumpulan wang simpanan. *Klausula 4* Rang Undang-undang ini bertujuan bagi membolehkan Bank Negara menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada kakitangan serta tanggungannya seperti pemberian secara langsung, pinjaman dan lain-lain bantuan kewangan.

(ii) *Melanjutkan Tempoh Pembiayaan Semula Eksport bagi Barangan Pembuatan dan Pertanian dan Tempoh Pendahuluan bersandarkan Bil Pertukaran*

Seksyen 30 (1) (e) dan 30 (1) (f) yang sedia ada, menghadkan pendiskaunan semula bil kepada tempoh maksimum selama tiga bulan, melainkan bil-bil yang berkaitan dengan pembiayaan operasi pertanian bermusim (seasonal agriculture operations), dengan izin, dan pemasaran barangan keluaran utama, yang dapat didiskaun semua bagi tempoh maksimum 6 bulan. Seksyen 30 (1) (1) pula memberi kuasa kepada Bank Negara memberi pendahuluan untuk satu tempoh tetap bersandarkan cagar bil pertukaran dan nota perjanjian yang layak dibeli, didiskaun atau didiskaun semula oleh bank. Walau bagaimanapun, seksyen ini menghadkan tempoh pendahuluan tersebut untuk tempoh 3 bulan sahaja. Bagi membolehkan tempoh pembiayaan semula eksport semua

keluaran pertanian atau pembuatan, dilanjutkan kepada sekurang-kurangnya 1 tahun dan juga selaras dengan keputusan untuk melanjutkan "pre-shipment Export Credit Refinancing (ECR), dengan izin, melebihi daripada 3 bulan, adalah dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan ini dipinda seperti di *Klausula 5 (a), (b) dan (c)* Rang Undang-undang ini.

(iii) *Perniagaan yang dibenarkan bagi Bank Negara*

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan Pasaran Cagaran Kedua, adalah dicadangkan supaya ditubuhkan Perbadanan Cagaran Nasional. Di samping menjalankan fungsi sebagai pengantara (intermediary), dengan izin, di antara pemberi pinjam utama dan pelabur-pelabur, perbadanan ini juga akan memainkan peranan sebagai, "credible issuer" bagi "secondary mortgage papers", dengan izin. Perbadanan Cagaran Nasional ini akan dimiliki oleh institusi-institusi kewangan dengan penyertaan ekuiti oleh Bank Negara sebanyak 20%. *Klausula 5 (d)* bertujuan bagi membolehkan Bank Negara memberi pendahuluan kepada Perbadanan Cagaran Nasional sebagai tabung pengerak.

(iv) *Penubuhan Biro Pusat Kredit untuk Mengawasi Akaun Semasa yang Tidak Baik*

Seksyen 30 (1) (*mmm*) Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 yang ada sekarang, memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menubuhkan biro kredit bagi mengumpul maklumat-maklumat pinjaman mengenai pelanggan-pelanggan bank dan lain-lain institusi kewangan dan

kemudiannya memberikan maklumat-maklumat berkenaan kepada mereka apabila diminta. Walau bagaimanapun, Bank Negara tidak diberi kuasa untuk menubuhkan Biro Pusat bagi mengawasi pemegang-pemegang akaun semasa yang tidak baik. *Klausula 5 (e)* Rang Undang-undang ini bertujuan bagi membolehkan Bank Negara menubuhkan Biro Pusat ini.

(v) *Simpanan Dalam Institusi Kewangan dan 'Pembelian' Sijil Simpanan Bolehniaga Daripada Institusi Kewangan oleh Bank Negara*

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang sedia ada dalam Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, membenarkan Bank Negara menerima simpanan daripada lain-lain institusi kewangan dan individu serta mengendalikan akaun-akaun dengan lain-lain bank dalam negeri. Adalah tidak jelas sama ada Bank Negara dibenarkan membuat simpanan dalam mana-mana bank atau syarikat kewangan dalam negeri serta membeli atau menjual SSB iaitu Sijil Simpanan Bolehniaga, yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan. Untuk mengatasi masalah ini dan juga bagi membolehkan Bank Negara memainkan peranannya memperbaiki lagi pasaran wang dan mudahtunai dalam sistem kewangan, *Klausula 5 (f)* Rang Undang-undang ini, bertujuan supaya peruntukan baru iaitu seksyen 30 (1) (*nn*) dan seksyen 30 (1) (*nnn*) diadakan dalam Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Selaras dengan pindaan tambahan ini, seksyen 2 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, wajar juga dipinda dengan memasukkan satu peruntukan baru mengenai definisi, "certificate of deposit", dengan izin, seperti di *Klausula 3* Rang Undang-undang ini.

II. PINDAAN YANG DICADANGKAN KE ATAS AKTA SYARIKAT KEWANGAN 1969

(vi) *Mengadakan Penggunaan Perkataan "Syarikat Kewangan"*

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 3A (1) Akta Syarikat Kewangan 1969 yang sedia ada, memperuntukkan bahawa tidak seorang pun, melainkan dengan persetujuan Menteri, menggunakan perkataan "syarikat kewangan" atau mana-mana terbitan daripadanya selepas 31hb Disember, 1979. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan ini, sekatan ke atas penggunaan perkataan "syarikat kewangan" hanya terhad dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sahaja. Pindaan seperti di *Klausu 6* Rang Undang-undang ini, bertujuan untuk menyekat penggunaan perkataan syarikat kewangan atau terbitan daripadanya dalam mana-mana jua bahasa.

(vii) *Larangan Pinjaman kepada Pengarah-pengarah dan Kakitangan*

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 21 Akta Syarikat Kewangan 1969 yang sedia ada, melarang syarikat kewangan berlesen memberi pinjaman kepada pengarah-pengarahnya. Walau bagaimanapun, syarikat kewangan berlesen tidak dilarang memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat di mana pengarah-pengarah atau kakitangannya mempunyai kepentingan. Adalah dicadangkan supaya syarikat-syarikat kewangan dilarang memberi pendahuluan atau kemudahan kredit kepada mana-mana pengarah, pegawai, kakitangan serta firma atau perbadanan di mana mereka mempunyai kepentingan.

*Klausu 7* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan seksyen 21 Akta Syarikat Kewangan 1969 yang ada sekarang dengan peruntukan baru yang serupa dengan

seksyen 26A Akta Bank 1973. Untuk tujuan pindaan baru ini, definisi "pengarah", "pegawai" atau "kakitangan" diperluaskan meliputi isteri, suami, ayah, ibu, anak pengarah, pegawai atau kakitangan berkenaan. Selaras dengan itu, seksyen 23 Akta Syarikat Kewangan 1969, mengenai laporan pinjaman perlu juga dipinda seperti di *Klausu 9* Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 21 Akta Syarikat Kewangan 1969, yang telah dipinda, melarang syarikat kewangan berlesen memberi kemudahan kredit kepada pengarah-pengarah atau perbadanan-perbadanan di mana pengarah-pengarahnya mempunyai kepentingan. Sungguhpun demikian larangan ini tidaklah terpakai kepada pemberian kemudahan kredit oleh syarikat kewangan kepada perbadanan yang disenaraikan di pasaran saham atau kepada syarikat awam di mana pengarah tidak mempunyai kepentingan peribadi. Pemberian pinjaman kepada perbadanan-perbadanan mengikut pengecualian seperti di atas, hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Adalah dicadangkan peruntukan baru seperti di *Klausu 8* Rang Undang-undang ini diadakan sebagai satu seksyen baru 21B dalam Akta Syarikat Kewangan 1969.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983, untuk menggerakkan Biro Pusat, beberapa pindaan consequential, dengan izin, adalah perlu untuk dimasukkan di bawah seksyen 21 Akta Bank 1973 dan Seksyen 19 Akta Bank Islam 1983.

Pindaan ini bertujuan memaksa bank-bank memberi maklumat mengenai akaun semasa pelanggan mereka kepada Biro Pusat yang dikendalikan oleh Bank Negara.

Arahan mengikut undang-undang ini akan melindungi bank-bank daripada tindakan yang akan diambil oleh pelanggannya kerana melanggar peruntukan kerahsiaan bank. Untuk maksud ini, klausa 10 (b) dan 11 (b) Rang Undang-undang ini bertujuan supaya diadakan satu peruntukan baru dalam Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 21 (2) Akta Bank 1973 dan Seksyen 19 (2) Akta Bank Islam 1983 yang ada sekarang, memperuntukkan bahawa mana-mana maklumat yang diterima daripada bank atau Bank Islam dianggap sebagai rahsia di antara bank berkenaan dengan Bank Negara. Pindaan adalah perlu ke atas seksyen-seksyen ini, supaya bank-bank tidak perlu mendapat persetujuan pelanggannya untuk memberi maklumat kepada Bank Negara dan Bank Negara boleh menyiarkan maklumat yang diterima kepada institusi-institusi kewangan. Untuk maksud ini, Klausa 10 (c) dan 11 (c) dalam Rang Undang-undang ini bertujuan bagi meminda seksyen 21 (2) Akta Bank 1973 dan seksyen 19 (2) Akta Bank Islam 1983.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan jikalau ada Ahli-ahli yang hendak berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 11* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2) 1968

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.54 mlm.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang.

Bab I, Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

Bab II ialah pindaan yang dicadangkan kepada Akta Kastam 1967. Satu daripada tujuannya ialah untuk memansuhkan peruntukan khas mengenai Pulau Pinang, memandangkan Pulau Pinang pada masa ini bukan lagi sebuah pelabuhan bebas. Pindaan ini dibuat di bawah

Fasal 3. Walau bagaimanapun, pindaan ini hanyalah untuk mengemaskini peruntukan Akta itu sahaja, kerana penamatan taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang telah pun berkuatkuasa melalui langkah Kerajaan mengeluarkan Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) 1977 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tujuan pindaan kepada Akta Kastam 1967 ialah untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas. Tujuan langkah ini ialah untuk membolehkan pulau tersebut menjadi sebagai sebuah pusat pelancongan. Bagi maksud ini, maka pindaan di bawah Fasal 4 telah mengeluarkan Langkawi dari principal customs area, dengan izin.

Sebagai pelabuhan bebas, peruntukan bebas khas mengenai Langkawi telah diwujudkan melalui pindaan di bawah Fasal 5 yang secara ringkasnya ialah:

- (1) mentakrifkan Langkawi;
- (2) mengenakan cukai kastam atas bahan petroleum sahaja dan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengenakan cukai kastam ke atas mana-mana jenis barang lain yang dianggap perlu kelak;
- (3) menetapkan kawalan kastam yang dikenakan atas barangan-barangan di Langkawi;
- (4) membenarkan tarik balik cukai dituntut atas barang-barang yang dieksport dari principal customs area, dengan izin, ke Langkawi; dan
- (5) lain-lain perkara mengenai pentadbiran Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III pula ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Jualan 1975. Tujuan-tujuan pindaan ini, adalah juga untuk memansuhkan peruntukan khas

mengenai Pulau Pinang dan untuk menjadikan Langkawi sebagai pelabuhan bebas. Di bawah pindaan ini cukai jualan tidak dikenakan ke atas apa-apa jenis barangan pun di Langkawi. Selain dari itu pindaan ini juga menetapkan kaedah kawalan dan pentadbiran cukai jualan di Langkawi.

Bab IV adalah berkaitan pindaan-pindaan yang dicadang dibuat kepada Akta Eksais 1976, iaitu untuk mewujudkan peruntukan mengenai Langkawi di bawah Akta tersebut. Pindaan ini menetapkan bahawa cukai eksais hanya dikenakan atas bahan petroleum sahaja di Langkawi dan juga menetapkan kaedah kawalan dan pentadbiran Akta tersebut di Pulau itu.

Bab V adalah berkaitan pindaan-pindaan yang dicadang dibuat kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Pindaan ini memansuhkan kuatkuasa Akta ini ke atas Langkawi supaya cukai perkhidmatan tidak dikenakan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Rokiah.

8.00 mlm.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil

bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1986. Pertama-tama kali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah membenarkan Pulau Langkawi menjadi sebuah Pelabuhan Bebas mulai pada 1hb Januari, 1987. Ini merupakan satu penghormatan kepada Pulau Langkawi khususnya dan Negeri Kedah amnya.

Kita berharap Pulau Langkawi yang mengikut legendanya telah disumpah oleh Mahsuri menjadi Padang Jarak Padang Terkukur untuk 7 keturunan, akan berkembang maju di bawah naungan pelabuhan bebas nanti. Sebelum ini sebuah syarikat besar telah cuba membangunkan Pulau Langkawi, tetapi telah gagal dalam usahanya.

Pulau Langkawi adalah sebuah pulau yang mempunyai pandangan-pandangan yang indah, lengkap dengan kecantikan asli. Ia juga terkenal dengan pokok-pokok herba yang boleh dijadikan bahan perubatan tradisional, terkenal dengan air gamatnya dan terkenal dengan air manis lebahnya. Saya yakin Pulau Langkawi akan dapat menarik pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri iaitu meningkatkan industri pelancongan di negara kita dengan tarikan pelabuhan bebas yang diberi oleh Kerajaan Pusat. Saya berharap Pulau Langkawi akan dapat berkembang maju setanding dengan pulau-pulau yang mempunyai taraf pelabuhan bebas seperti Singapura dan Pulau Pinang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Pulau Langkawi sangat dahagakan pembangunan yang pesat setelah sekian lama kecantikan pulau itu dibiarkan tanpa diguna sepenuhnya. Kita yakin, apa juga bentuk pembangunan yang dapat dibawa ke Pulau Langkawi melalui taraf pelabuhan bebas ini nanti akan

menguntungkan rakyat tempatan. Kerajaan hendaklah berwaspada dan berhati-hati dalam pembahagian projek untuk membangunkan Pulau Langkawi. Kita mahu orang-orang tempatan menikmati hasil dari taraf Pelabuhan Bebas ini. Jangan nanti orang-orang luar membanjiri Pulau Langkawi dan mengaut keuntungan seperti yang telah terjadi sedikit masa dahulu, di mana sebuah syarikat besar yang ditugaskan untuk membangunkan Pulau Langkawi telah membawa pekerja-pekerja asing untuk bekerja, sementara tenaga orang-orang tempatan hanya peratus kecil sahaja digunakan. Kita tidak mahu perkara sedemikian berulang lagi dan membangkitkan kemarahan orang-orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga kecantikan asli yang ada pada Pulau Langkawi akan dipelihara dengan baik dan tidak akan pupus dengan ghairah Kerajaan untuk menjadikan Pulau Langkawi pusat pelancongan.

Rang Undang-undang Kewangan ini bertujuan untuk menguatkuasakan taraf pelabuhan bebas di Pulau Langkawi, ini bererti Kerajaan sudah membuat persediaan dan langkah-langkah bagi memesatkan pelaksanaan pelabuhan bebas ini lengkap dengan kawalan-kawalan yang tertentu. Saya juga berharap Kerajaan hendaklah mengawasi dengan teliti agar pulau yang indah ini tidak tercemar dengan kedatangan segenap lapisan pelancongan dari luar negeri. Kita tidak mahu Pulau yang aman, indah akan bertukar menjadi sebuah pulau yang penuh dengan kejadian-kejadian penjenayahan, kejadian-kejadian jenayah seperti Pulau Hong Kong semata-mata kerana kurang pengawasan. Kita berharap pihak Polis, Jabatan Kesihatan, Kastam, Merin dan lain-lain Jabatan Kerajaan dapat mengatur kerjasama yang lengkap, baik dan teratur bagi

menjaga keselamatan dan keamanan Pulau Langkawi. Pulau Langkawi pada saya adalah seperti seorang anak gadis yang menarik, ertinya Pulau Langkawi adalah sebuah pulau yang belum tercemar lagi.

Saya curiga nanti Pulau Langkawi akan dibanjiri dengan penyeludup-penyeludup, penjenayah-penjenayah, penagih-penagih dadah dan berbagai bentuk maksiat, jika pintu masuk dan keluar serta di sekeliling pulau itu tidak dikawal dengan rapi. Saya takut nanti akan lahir masalah-masalah masyarakat sama banyak dengan kemasukan hasil dari industri pelancongan nanti. Apa yang kita takut nanti akan berkembang, sindiket-sindiket penyeludupan dengan tujuan untuk mengaut keuntungan dari taraf pelabuhan bebas ini. Saya juga berharap Kerajaan kita mempunyai tenaga Kastam dan Polis yang cukup dan cekap untuk mengawal penyeludupan dari pulau-pulau yang berdekatan dan dari negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat murni Kerajaan mahu membangunkan Pulau Langkawi setanding dengan pulau-pulau di negara lain, tetapi langkah-langkah yang ketat hendaklah dikenakan supaya penyakit-penyakit masyarakat dari negara jiran dan luar negeri tidak menjalar masuk ke Pulau Langkawi.

Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kewangan diluluskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Hussein.

*8.06 mlm.*

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian di dalam menyokong satu enakmen atau Akta

yang diberi nama Akta Kewangan (No. 2) 1986 dan hendaklah mempunyai kuatkuasa atau disifatkan telah mempunyai kuatkuasa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta ini. Kedua, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 adalah masing-masing dipinda mengikut cara masing-masing yang dinyatakan dalam bab 2, 3, 4 dan 5.

Tuan Yang di-Pertua, terpindanya Akta ini ialah kerana hasrat Kerajaan untuk membangunkan Pulau Langkawi dan dijadikan sebagai satu pelabuhan bebas. Saya percaya bukan sahaja masyarakat Langkawi atau orang di negeri Kedah yang akan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan syukur ke hadrat Allah, s.w.t. di dalam satu pelaksanaan Pulau Langkawi dijadikan satu pelabuhan bebas, bahkan seluruh rakyat negara akan merasa bangga dan bersyukur sebagaimana kita seluruh rakyat Malaysia merasa bangga dan syukur dengan Wilayah Labuan telah dijadikan sebagai satu pelabuhan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan di atas apa yang telah sedia diganti oleh pihak Kerajaan, pembangunan Pulau Langkawi untuk dijadikan satu pelabuhan bebas, pertama untuk memberi pembelaan yang setimpal dan sejajar kepada masyarakat anak Pulau Langkawi di samping memberi peluang kepada seluruh rakyat negara ini, khususnya bagi mengecapi nikmat dan hasil daripada tindakan Kerajaan menjadikan Langkawi sebagai satu pelabuhan bebas, kepada golongan usahawan atau pedagang atau peniaga dan golongan awam yang akan mengambil kesempatan daripada nikmat-nikmat kemudahan-kemudahan dan kemewahan daripada akibat wujudnya Langkawi sebagai satu pelabuhan bebas.

Oleh yang demikian, niat baik Kerajaan ini agar terus-menerus menghasilkan hasil-hasil yang baik, khususnya bagi penduduk-penduduk anak Pulau Langkawi. Kita sedar, kita akui walau tidak kesemuanya anak-anak Pulau Langkawi yang diberi peluang keemasan ini akan berupaya dan mampu bagi mengaut dan menceduk rezeki melalui tindakan Kerajaan menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas ini, tidak semua yang tahu, tidak semua yang pandai.

Oleh yang demikian, oleh kerana niat Kerajaan tidaklah kepada hanya sesuatu golongan yang tertentu sahaja sedangkan seboleh-bolehnya untuk keseluruhan anak Pulau Langkawi, bahkan seluruh rakyat negara ini, saya kira menyedari hakikat ini sepatutnya juga, sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri mewujudkan satu badan bagi membimbing dan membantukan masyarakat Pulau Langkawi ini agar segala pembangunan di bidang ekonomi yang dicurahkan di pulau ini mereka bukan hanya sekadar penonton sahaja.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya kira amat perlu pandangan saya ini dikaji oleh pihak Kerajaan supaya bukan hanya sekadar Kerajaan mampu untuk mewujudkan pelabuhan bebas, sedangkan hasil implikasi daripada pelaksanaannya ini tak sampai kepada matlamat yang dituju. Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Pulau Langkawi sebagai pulau legenda, sebagaimana yang dikatakan oleh seseorang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi "Legenda Mahsuri" akan kekal dengan identiti Langkawinya. Walau mungkin perubahan-perubahan sejajar dengan pelaksanaan pembangunan kebebasan Pulau Langkawi ini, namun demikian Langkawi tetap Langkawi.

Saya berharap Langkawi tidak akan mencontohi apa yang berlaku kepada

Pulau Temasik yang mana hari ini Pulau Temasik sudah tak ramai dikenali orang kerana Temasik telah bertukar nama sejajar dengan keadaan nasib malang yang menimpa sejarah di Pulau Temasik ini. Anak Pulau Temasik sudah dianggap golongan yang terkecil, golongan yang minority di dalam Pulau Temasik sendiri.

Saya bukan hendak menyentuh soal negara lain, Tuan Yang di-Pertua, sekadar untuk mengingatkan sejarah yang tidak membohongi kita ini agar menjadi satu tauladan, menjadi satu ingatan khususnya kepada pihak pemerintah yang dipilih rakyat, yang diamanahkan rakyat agar kecelakaan yang menimpa anak Pulau Temasik tidak akan menimpa anak pulau di Langkawi.

Sebab itulah, di samping menyokong Akta ini yang semata-mata akibat kerana niat yang begitu besar daripada pihak Kerajaan untuk membela nasib rakyat di Pulau Langkawi khususnya, walau mungkin boleh ditakrifkan dengan keadaan yang lebih luas, soal pembangunan ekonomi di negara untuk dijadikan satu daya penarik bagi memperkembangkan "tourist industry", dengan izin, namun bagaimana hakikatnya anak Pulau Langkawilah yang menjadi target dan matlamat yang asal.

Inilah saya berharap dengan kesedaran dan keyakinan di atas kemampuan yang ada pada Pulau Langkawi, dengan masyarakat di Pulau Langkawi, saya kira perlu, saya kira penting bagi pihak Kerajaan memimpin, mengajar, mengasuh, kalau mungkin terpaksa membawanya agar setidak-tidaknya walau mungkin ada masyarakat-masyarakat lain yang akan mengaut segala faedah dan manfaat yang akan lahir daripada Pulau Langkawi ini, biarlah anak Langkawi dapat melibatkan diri sama.

Saya rasa amat malang kepada masyarakat Langkawi kalau dengan pengwujudan pelabuhan bebas di Langkawi ini mereka hanya sekadar dipilih untuk menjadi penonton dan saya kira kalau ini berlaku, bukan sahaja kemalangan di Pulau Langkawi tetapi Kerajaan kita tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi cemoahan dan celaan sejarah yang akan dibaca, yang akan disebut oleh generasi kita di masa hadapan. Saya percaya perkara-perkara ini semua sudah termaklum di dalam pandangan Kerajaan. Saya percaya segala aspek ini telah diperhitungkan oleh pihak Kerajaan. Mudah-mudahan dengan niat ini terlaksanalah hasrat rakyat mewujudkan sebuah Kerajaan yang penuh tanggungjawab bagi kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, terlaksananya Pulau Langkawi, Changloon pula akan dijadikan satu kawasan bebas (free trade zone). Saya percaya ini akan menjadi kait-mengaitnya. Kita tidak perlu bimbang dengan perkara-perkara yang mungkin harus kita memperingatkan soal penyeludupan, soal penyelewengan kerana kita yakin, kita percaya kepada kemampuan pegawai-pegawai kita, sama ada di golongan kastam, di golongan pasukan keselamatan dan semua Jabatan-jabatan yang lain. Kita penuh yakin kepada mereka. Kita sedar mereka adalah pegawai-pegawai yang penuh terlatih, yang penuh ikhlas dan jujur serta dedikasi memikul tanggungjawab, terutama bagi mencapai matlamat Kerajaan yang telah diamanahkan kepada mereka, di samping menjadi seorang rakyat yang penuh bertanggungjawab kepada negaranya. Saya percaya dengan perkembangan Langkawi ini sealiran pula dengan perkembangan Changloon nanti setelah Changloon dijadikan satu kawasan "free trade zone", dengan izin.

Keadaan yang strategik di negara kita ini banyak. Selain daripada Langkawi, selain daripada Changloon, ada lagi di utara sebelah timur, umpamanya di Rantau Panjang. Saya menyentuh ini bukan kerana saya orang Rantau Panjang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya bercakap sebagai seorang rakyat Malaysia. Umpamanya di Rantau Panjang ini tak boleh dinafikan ataupun di Pengkalan Kubor, saya kira tak kurang strategiknya, tak kurang baiknya untuk dijadikan kawasan-kawasan setidak-tidaknya kawasan bebas (free trade zone), sebagaimana yang akan dilaksanakan di Changloon nanti. Apatah lagi lamanya saya mendengar cerita Rantau Panjang ini hendak dijadikan kawasan bebas, lama sejak daripada saya muda lagi, sehingga sekarang saya sudah terasa tuanya, pelaksanaan masih belum dilaksanakan lagi.

Saya percaya perkara ini mungkin masih berada dalam perancangan Kerajaan, kalau pun tidak ingin dilaksanakan besok tetapi ada di dalam perancangannya. Tak mungkin sesuatu yang telah diperkatakan tak berada di dalam perancangan kerana kata orang tua-tua: takkan daun bergoyang kalau tidak angin bertiup. Takkan pernah orang membicarakan dalam soal "free trade zone" di Rantau Panjang kalau tidak pernah diperkatakan atau diperencanakan oleh pihak pemerintah, lebih-lebih lagi saya pernah ingat disebut oleh seorang Menteri Kerajaan Pusat. Saya terpaksa menyebut seorang Allahyarham, Allahyarham Tun Yang Terutama Sardon Jubir. Semasa Allahyarham menjadi Menteri di Kerajaan Pusat di Malaysia ini pernah menyuarakan soal untuk mewujudkan satu kawasan bebas di kawasan Rantau Panjang. Sebab itulah saya kata, takkan daun berkocak kalau tidak kerana ada anginnya; takkan seorang Menteri Kerajaan Pusat akan bercakap kalau tidak ada perancangan

daripada Kerajaan sejak begitu lama. Allahyarham telah menjadi Allahyarham, saya muda telah menjadi tua, saya masih belum kecewa. Saya percaya setidaknya tidaknya hasil daripada Langkawi, hasil daripada Changloon, maka terlaksanalah pula beberapa tempat-tempat yang lain lagi, termasuklah Rantau Panjang dan di Pengkalan Kubor.

Maka dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan ini. Mudah-mudahan melalui pindaan ini terlaksanalah hasrat yang dikehendaki oleh Kerajaan dan pohon doa daripada orang-orang di Pulau Langkawi akan dimakbul Tuhan, insya Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

8.19 mlm.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang Pertua, izinkanlah saya mengucap ribuan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat Senator yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin telah mengemukakan kebimbangan beliau berkenaan dengan sama ada status pelabuhan bebas yang diberikan kepada Pulau Langkawi ini akan membawa elemen-elemen yang buruk kepada Pulau Langkawi. Bagi Kementerian Kewangan, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa status pelabuhan bebas yang diberikan kepada Pulau Langkawi adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap hidup anak Langkawi.

Walaupun pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

Puan Rokiah tadi berkenaan dengan ada kemungkinan bahawa di samping Pulau Langkawi ini dijadikan satu pusat pelancongan, pulau ini juga mungkin dijadikan satu tempat dimana berlakunya jenayah-jenayah seperti Hongkong dan sebagainya. Di sini saya ingin memberitahu bahawa tidak ada mana-mana tempat di dalam dunia ini yang boleh mengelakkan kesan yang buruk jikalau Kerajaan atau pihak-pihak yang tertentu hendak memberi atau membawa pembangunan kepada tempat itu. Jadi, walaupun kebimbangan Yang Berhormat itu bukan ada berkaitan dengan Kementerian Kewangan secara langsung, tetapi perkara ini saya akan membawa balik kepada Kementerian untuk bekerjasama dengan Kementerian lain supaya kebimbangan Yang Berhormat Puan Rokiah itu tidak akan wujud.

Mengenai dengan cadangan supaya faedah daripada usaha Kerajaan menjadikan Pulau Langkawi ini sebagai pelabuhan bebas akan diberi kepada anak Langkawi. Di sini saya boleh memberi jaminan bahawa Kerajaan kita ini dengan ikhlas dan jujur bertujuan untuk membangunkan Pulau Langkawi ini adalah untuk meningkatkan taraf hidup anak Langkawi. Jadi, Kerajaan sentiasa akan mengawasi supaya faedah yang datang daripada pembangunan Pulau Langkawi ini daripada status pelabuhan bebas yang diberikan kepadanya akan dinikmati oleh anak Langkawi.

Berkenaan dengan kakitangan Jabatan Kastam haruslah ditambah supaya kes-kes penyeludupan tidak mungkin berlaku. Ini adalah satu cadangan yang baik dan sebenarnya Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti penyeludupan tidak berlaku begitu kerap, tetapi Kerajaan tidak boleh memberi jaminan bahawa

tidak ada penyeludupan langsung— mungkin ada, tetapi dengan langkah-langkah yang efektif diambil oleh Kerajaan, aktiviti penyeludupan akan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Rokiah mengenai kebimbangan beliau berkenaan dengan kecantikan asli di pulau itu perlu dijaga dan digunakan dengan baik untuk menarik pelancong-pelancong. Kementerian Kewangan ingin memberitahu bahawa ini bukan tanggungjawab Kementerian Kewangan sahaja, ini pun juga adalah tanggungjawab beberapa Kementerian. Kementerian Kewangan akan bekerjasama dengan Kementerian lain untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang wajar akan diambil.

Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad membangkitkan beberapa perkara. Beliau juga berharap bahawa faedah daripada menjadikan Pulau Langkawi ini sebagai pelabuhan bebas dinikmati oleh penduduk-penduduk tempatan atau anak Langkawi dan beliau juga percaya bahawa pihak Kastam boleh mengawal penyeludupan di Pulau Langkawi itu. Beliau juga meminta supaya dilaksanakan satu Free Trade Zone di Rantau Panjang, seperti yang akan dilaksanakan di Changloon itu.

Kerajaan telahpun meluluskan penubuhan sebuah kedai bebas cukai di Rantau Panjang sebagai ganti kepada penubuhan Free Trade Zone di situ. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan ini adalah baik dan Kementerian Kewangan akan mengambil kira dan memberi perhatian sesungguhnya dan juga seperti yang saya katakan tadi akan bekerjasama dengan Kementerian lain supaya kebimbangan yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat itu tidak akan menjadi

kebimbangan mereka pada masa hadapan kelak.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya tidak dapat menjawab segala perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, jikalau ada yang ketinggalan, saya akan jawab secara bertulis. Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 11* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dengan hormatnya saya tangguhkan Dewan yang mulia ini kepada suatu tarikh yang tidak di tetapkan. Assala mu'alaikum warahmatullahi wabara-kaatuh.

**Ahli-ahli Yang Berhormat:** Waalaikum mussallam.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.*